[Senarai nama Ahli-ahli Parlimen dilampirkan]

[Kandungan dilampirkan –lihat di m/s terakhir]

*************************************************************

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 13 Julai 1999**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat*****]**

---

## JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit untuk kebaikan semua, kita menyeru Kementerian Kerja Raya untuk bekerjasama dengan Dewan Rakyat supaya kita dapat bekalan elektrik dengan sempurna. Ini bukan kali yang pertama. Sesi yang lepas pun Menteri Kerja Raya ada berjanji, kalau kita ada berpakat, kita boleh menyempurnakan keadaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

1. **Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Wan Mat Saman [Pokok Sena]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan adakah kementerian sedar bahawa lambang beruk atau orang utan sebagai lambang Malaysia untuk menarik pelancong ke negara ini adalah memalukan dan membuat orang-orang luar menganggap kita sebagai Negara Orang Utan. Tidak adakah rancangan untuk menukar lambang ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak menggunakan lambang beruk atau orang utan sebagai lambang Malaysia untuk menarik pelancong asing.

Sebaliknya, bagi tujuan pengenalan dan promosi pelancongan Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan hanya menggunakan lambang perkataan 'Visit Malaysia' yang berlatarbelakangkan bangunan Sultan Abdul Samad.

Di samping itu, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga menggunakan lambang perkataan 'Malaysia' yang mengandungi gambar bunga raya di atas huruf 'Y'. Orang utan pernah digunakan sebagai maskot bagi Kempen Tahun Melawat Malaysia 1990 dan Kuala Lumpur 1998 Sukan Komanwel ke-16.

Walau bagaimanapun, penggunaan orang utan hanyalah sebagai maskot sahaja dan bukannya sebagai lambang negara Malaysia. Penggunaan binatang sebagai maskot bagi sesuatu acara adalah perkara biasa yang dilakukan oleh kebanyakan negara seperti burung helang yang digunakan oleh Amerika Syarikat bagi Sukan Olimpik 1984, anak harimau oleh Korea bagi Sukan Olimpik 1988 dan gajah oleh Thailand bagi Sukan Asia yang lalu.

Oleh itu diharapkan tidak timbul kekeliruan mengenai anggapan bahawa Malaysia menggunakan orang utan sebagai lambang bagi menarik pelancong ke negara ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya belum pastilah mengapa pokok angsana ini sangat peka kepada orang utan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa pokok angsana itu begitu peka kepada soal orang utan dan Tuan Yang di-Pertua, ….

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, satu cukuplah Yang Berhormat, tak usah tambahlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada yang lain! Selain daripada binatang itu, bolehkah Yang Berhormat terangkan apa lagi boleh digunakan untuk lambang Malaysia mungkin MSC dan sebagainya?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, perkara memilih lambang sebagai maskot itu akan ditentukan apabila masanya tiba dan diperlukan.

Banyak lambang lain yang boleh digunakan, tetapi saya rasa yang terkepung tidak boleh digunakanlah sebagai lambang. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, masalah kalau kita gunakan lambang harimau, burung itu tidak apa, tetapi lambang orang utan ini yang seakan-akan beruk itu, saya yang sedih sekali semasa Sukom hari itu, kita buat gambar bawa batton, bawa bendera lari, muka orang utan. Jadi, kadang-kadang dia nampak macam orang utan tetapi kadang-kadang dia nampak macam Ahli Yang Berhormat dari Kepong. *[Ketawa]*

Jadi, saya kasihan juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini. Jadi, saya mintalah supaya lambang yang melambangkan orang utan ini, yang boleh men'downgrade'kan kita, orang di Barat itu dia kata: "Tak pergi melawat lagi negara orang utan?"

Jadi, kita minta supaya lambang harimau itu saya bersetuju, fasal itu ia tidak ada kaitan dengan kita. Jadi, minta supaya kementerian ini masa depan kalau hendak buat, jangan buat misalnya orang utan berlari dengan batton ataupun membawa bendera, seolah-olah pakai 'spike' pula orang utan itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, gaya bukan soalan itu, dia minta ya. Baiklah.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Ya, tidak payah jawab.

2. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah masa jangka pendek dan panjang untuk meningkatkan harga getah asli di pasaran antarabangsa. Adakah sistem pembelian getah beku oleh MARDEC pada satu harga minimum, berkesan dalam membantu penoreh getah dan pekebun kecil.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini secara serentak dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian bertarikh 15 Julai, soalan Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu bertarikh 20 Julai 1999 kerana kesemuanya menyentuh perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk meningkatkan harga getah memang sentiasa dilaksanakan di pelbagai peringkat sama ada melalui langkah jangka panjang ataupun jangka pendek. Walau bagaimanapun, ianya memerlukan komitmen yang padu dari semua negara pengeluar.

Saya ingin menjelaskan bahawa Malaysia secara persendirian tidak akan mampu untuk mempengaruhi kedudukan harga getah di peringkat antarabangsa memandangkan Malaysia hanya merupakan pengeluar getah yang ketiga terbesar di dunia selepas Thailand dan Indonesia. Oleh itu, langkah konkrit telah diusahakan bagi mendapatkan kerjasama di kalangan ketiga-tiga pengeluar utama tersebut.

Buat masa ini kerjasama dua hala antara Malaysia dan Thailand melalui penubuhan satu jawatankuasa iaitu Thailand/Malaysia Ministry of Committee on Rubber, dengan izin, yang akan melibatkan kerjasama teknikal dan perdagangan telah pun bermula.

Di samping itu, Malaysia akan terus memainkan peranan yang aktif dalam persatuan negara-negara pengeluar getah asli ANRPC, dengan izin, bagi mempertahankan kepentingan industri getah di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di samping usaha-usaha jangka panjang di peringkat antarabangsa, kerajaan juga berusaha mengurangkan kesan kejatuhan harga getah di peringkat negara khususnya yang dialami oleh pekebun-pekebun kecil.

Oleh itu, skim khas pembelian getah SKPG telah diwujudkan dengan matlamat menyediakan saluran pasaran kepada pekebun-pekebun kecil yang terjejas teruk akibat kejatuhan harga komoditi tersebut.

Harga belian yang ditetapkan untuk skim ini adalah berdasarkan arah aliran pasaran semasa dan pada tahap yang berpatutan. Harga belian ketika skim ini dilancarkan iaitu pada 12 Mei adalah 140 sen atau RM1.40 sekilogram kandungan getah kering KGK 100% dan 70 sen per kilogram KGK 50%. Kemudian ia

dinaikkan kepada RM1.46 sekilogram KGK 100% dan 73 sen sekilogram KGK 50% mulai 22 Mei.

Walau bagaimanapun, harga ini berbeza sedikit dari satu tempat ke satu tempat berdasarkan kepada kualiti dan juga kandungan getah kering (KGK) skrap tersebut. Getah skrap pekebun kecil pada keseluruhannya mempunyai KGK di antara 40% hingga 60%.

Bagi getah skrap KGK 40% harga basah yang ditawarkan di bawah skim ini ialah 50 sen per kilogram, manakala bagi getah skrap KGK 60% harga basahnya ialah 88 sen perkilogram. Oleh itu, jika ada apa-apa perbezaan mengenai harga getah, maka faktor utamanya ialah perbezaan dari segi KGK tersebut.

Bagi Sabah pula, penetapan harga yang dilakukan oleh Sabah Rubber Fund Board (SRFB) mempunyai komponen tambahan yang agak berbeza dari Semenanjung. Ianya termasuklah faktor kedudukan pekebun kecil di kawasan pedalaman yang akan melibatkan kos pengangkutan yang tinggi. Di samping itu, kos pemasaran getah di Sabah juga menjejaskan harga yang ditawarkan kepada pekebun-pekebun.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak skim ini dilaksanakan, kerajaan telah berjaya memastikan bahawa pekebun-pekebun kecil sentiasa dapat menjual hasil keluaran mereka. Di samping itu, kerajaan juga telah berjaya memberikan harga di ladang yang berpatutan berdasarkan arah aliran pasaran semasa. Ini ialah kerana sebelum skim ini dilancarkan, pekebun kecil terpaksa menanggung faktor diskaun yang dibebankan oleh peniaga kepada mereka. Faktor diskaun ini wujud dalam keadaan pasaran yang tertekan sebagai pelindung sekuriti, kepada peniaga getah.

Apabila kerajaan melaksanakan SKPG, faktor ini telah diserap oleh kerajaan. Dengan kata lain pembelian oleh kerajaan melalui SKPG juga mengandungi elemen premium. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak bercadang

untuk menjadikan skim ini sebagai satu skim yang berkekalan. Skim ini dilaksanakan semata-mata atas keyakinan bahawa masalah kejatuhan harga adalah satu fenomena yang sementara bagi komoditi antarabangsa seperti getah.

Langkah melaksanakan skim ini hanya untuk mengurangkan beban yang dialami oleh pekebun-pekebun kecil di Malaysia sahaja dan sama sekali tidak ada unsur campur tangan di pasaran antarabangsa.

Saya juga ingin menjelaskan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat ini bahawa skim ini bukannya satu skim subsidi, bukannya satu skim sokongan harga, oleh itu adalah wajar bahawa kerajaan menetapkan harga skrap pada tahap yang secara perbandingannya berpatutan mengikut arah aliran pasaran semasa.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyebut di sini bahawa di samping langkah di atas, kerajaan juga buat masa ini sedang melaksanakan satu lagi langkah jangka pendek yang diharapkan dapat melegakan tekanan ke atas pasaran getah negara iaitu program rasionalisasi stok latex tempatan.

Melalui program ini, semua pemproses dan pembuat barangan getah akan dihadkan pengimportan latex berdasarkan rekod penggunaan. Ia bertujuan untuk menghapuskan aktiviti peniaga-peniaga getah yang tidak tulen, yang sering membuat spekulasi dan mengambil posisi.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mempelbagaikan penggunaan getah asli khususnya dalam industri hiliran getah supaya kita dapat mempertingkatkan permintaan getah asli.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan bahawa sektor huluan pengeluaran dan juga sektor hiliran menjadi pembekal dan juga pengeluar getah asli dan juga pembekal atu produk getah merupakan satu industri yang telah menjadikan industri getah a US$10 billion industry, dengan izin. Di peringkat

pengeluaran pekebun kecil telah menjadi sektor terbesar dengan 87% dari keluasan dan 70% dari pengeluaran negara.

Sememangnya kepelbagaian dari segi huluan telah saya jawab pada sesi-sesi yang terdahulu iaitu dengan teknologi baru, klon-klon baru, sistem tanaman baru. Tetapi yang lebih penting ialah bagaimana kita dapat meningkatkan eksport barangan getah supaya adanya pasaran untuk produk-produk yang dapat dipelbagaikan.

Dua sasaran yang telah dibuat, satu, iaitu pembuatan barangan getah dan keduanya, pembuatan perabot. Kedua-duanya ada kaitan dengan keluaran dan strategi kita di peringkat huluan dan insya-Allah dengan Lembaga Getah Malaysia dan juga penyelidikan dan pembangunan yang telah dilakukan, kepelbagaian kepada produk-produk ini dapat kita pertingkatkan lagi supaya pasaran dapat kita cari supaya pekebun-pekebun kecil yang mengeluarkan getah-getah latex dan juga kayu-kayu getah ada pasaran tempatan supaya dapat dibela.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Kita mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan di atas langkah untuk membendung permasalahan penurunan harga getah yang kebanyakannya memberikan kesan yang negatif kepada pengusaha-pengusaha pekebun getah di kawasan-kawasan luar bandar terutama di kawasan skim FELDA dan sebagainya.

Saya ingin bertanya di atas usaha kerajaan yang begitu murni ini, sejauh manakah ianya berkesan dan dapat dilaksanakan secara telus sampai ke perinkgat bawah terutamanya kepada agensi-agensi yang membeli getah umpamanya FELDA. Berapakah harga FELDA yang mengenakan harga belian kepada getah cair dan juga getah beku di kawasan-kawasan skim FELDA yang ada di negara kita, kerana masalah ini masih lagi berleluasa di kawasan-kawasan FELDA di mana harga yang diberitakan ialah di bawah paras yang dibenarkan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sesungguhnya perkara yang berkaitan dengan FELDA bukanlah di bawah bidang kuasa kementerian saya, maka perkara ini harus dipanjangkan kepada kementerian yang berkenaan.

Di peringkat pengeluaran, isu yang biasa ditimbulkan ialah berkaitan dengan penanaman, tanaman semula, penggunaan klon dan sistem tanaman. Ini yang berkitan dengan FELDA, FELCRA dan juga RISDA. Isu yang amat penting ialah bagaimana aktiviti tanam semula ini boleh dipergiatkan dan diteruskan supaya industri getah dapat dipertahankan.

Seperti yang saya sebutkan tadi, yang penting sekarang ialah bagaimana kita dapat menyerapkan dan juga memastikan bahawa dengan agensi-agensi yang ada, di bawah kementerian-kementerian yang berkenaan, sistem ini dan juga teknologi ini dapat kita kenalkan kepada pekebun-pekebun kecil dan dengan harga getah yang begitu membimbangkan pada hari ini, percayalah bahawa kementerian akan membuat apa sahaja yang patut supaya ketiga-tiga kementerian, ketiga-tiga agensi yang berkaitan ini dapat digemblengkan bergabung untuk memikirkan satu strategi yang khusus pada masa depan industri getah ini.

**3. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tanda-tanda yang konkrit terhadap pemulihan ekonomi selepas krisis selama dua tahun. Apakah tempoh untuk pemulihan yang sepenuhnya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Larut pada hari ini dan juga Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada hari esok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, petunjuk-petunjuk ekonomi terkini menunjukkan bahawa langkah-langkah yang

diperkenalkan oleh kerajaan terus memberikan hasil yang positif. Petunjuk-petunjuk ini dapat dikesan sama ada dalam sektor kewangan atau sektor sebenar. Langkah kawalan mata wang asing terpilih telah mengukuhkan pasaran kewangan dan pasaran saham di samping menyokong pemulihan ekonomi sebagaimana yang ditunjukkan dalam pencapaian ekonomi sebenar.

Bagi suku pertama tahun 1999 prestasi yang memberangsangkan dalam beberapa sektor ekonomi telah menyumbang kepada penguncupan yang semakin kecil KDNK sebanyak 1.3% berbanding 10.3% bagi suku keempat tahun 1998. Petunjuk pemulihan ekonomi yang paling jelas dapat dilihat dalam sektor kewangan di mana langkah kawalan tukaran mata wang asing terpilih dan pengukuhan pasaran modal yang diperkenalkan pada 1 September 1998 telah membantu meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur. Ini dapat dilihat dari segi prestasi indeks Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang menunjukkan trend yang semakin meningkat. Indeks BSKL telah meningkat daripada 262.7 mata pada 1 September 1998 kepada 851.7 mata pada 9 Julai 1999.

Keadaan kewangan pula adalah semakin baik di mana kadar pinjaman asas purata ataupun BLR bank perdagangan telah turun ke paras yang terendah iaitu kepada 7.24% dan BLR syarikat kewangan kepada 8.5% berikutan langkah Bank Negara menurunkan three month intervention rate, dengan izin. Kadar faedah bagi tabung-tabung di bawah pengawasan Bank Negara juga telah menurun di antara 6.5%.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor luar negara pula imbangan perdagangan luar negara Malaysia pada bulan Mei 1999, telah mencatatkan kelebihan sebanyak RM6.4 bilion iaitu lebihan imbangan perdagangan bagi 19 bulan berturut-turut. Prestasi perdagangan yang menggalakkan ini telah menyumbang kepada pengukuhan kedudukan rizab luar negara kepada US$31.1 bilion. Dan ini mampu untuk membiayai 6.8 bulan import tertangguh. Keyakinan pengguna dan pelabur

juga adalah semakin kukuh sebagaimana dapat dilihat dari segi penjualan dan pengeluaran kenderaan dan kelulusan pinjaman oleh sistem perbankan.

Tuan Yang di-Pertua, penjualan rumah juga terus mencatatkan peningkatan sebagaimana ditunjukkan daripada jumlah kelulusan pinjaman perumahan oleh sistem perbankan di mana bagi tempoh bulan Januari-Mei 1999 pinjaman yang diluluskan meningkat sebanyak lebih kurang 90%. Petunjuk pelaburan pula dapat dilihat dari segi jumlah pinjaman yang diluluskan oleh sektor perbankan. Bagi tempoh bulan Januari-Mei 1999 jumlah pinjaman yang diluluskan telah meningkat sebanyak 79.7% kepada RM35.4 bilion iaitu RM19.7 bilion bulan Januari-April 1998.

Tuan Yang di-Pertua, suasana ekonomi yang semakin pulih dapat juga dilihat dari segi peningkatan bilangan pendaftaran syarikat baru dan penurunan bilangan syarikat-syarikat yang dibubarkan. Jumlah pekerja yang diberhentikan telah berkurangan dengan ketara daripada 12,335 orang pada bulan Julai 1998 kepada 5,556 pada bulan Disember 1998. Peluang-peluang pekerjaan pula terus ditawarkan sebagaimana ditunjukkan oleh kekosongan jawatan di mana sejumlah 74,600 kekosongan diwujudkan pada tahun 1998 dan 38 ribu diwujudkan pada tempoh masa bulan Januari hingga Mei 1999.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan positif juga dapat dikesan dalam sektor perkhidmatan terutamanya dalam sektor kecil pengangkutan dan pelancongan. Kedudukan paras harga pula sebagaimana diukur oleh indeks harga pengguna ataupun CPI telah semakin menyerderhana kepada 2.9% bagi bulan Mei tahun ini berbanding 5.2% pada bulan Januari 1999.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perkembangan yang menggalakkan ini ekonomi negara dijangka mencapai pertumbuhan sebanyak 1%. Ada yang meramalkan lebih walaupun terdapat beberapa institusi yang meramalkan pertumbuhan yang lebih tinggi, manakala bagi tahun 2000 ekonomi negara dijangka berkembang sebanyak 5%.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat menerangkan dengan angka-angka yang menggalakkan. Kita di sini pun berharap ekonomi akan pulih. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah faktor misalnya yang menyebabkan Bursa Saham Kuala Lumpur berprestasi dengan lebih baik. Adakah ini kerana ada masalah liquidity sekarang yang terlalu banyak dan kalau kita bandingkan dengan negara-negara Indonesia, misalnya Thailand, Korea Selatan. Apakah kelebihan kita? Saya setuju kita mesti menghalang daripada dijajah oleh pihak antarabangsa, pihak kuasa besar. Walau bagaimanapun, kalau kita banding dengan negara-negara jiran kita termasuk Singapura, apakah kelebihan kita di dalam masalah untuk menangani krisis ini.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab-sebab melonjaknya kenaikan pasaran saham Bursa Saham Kuala Lumpur seperti mana Yang Berhormat sedia maklum adalah memang benar wujudnya satu keyakinan baru kepada BSKL dan sebab itu sama ada dalam negeri atau luar negara dan kebanyakannya saya difahamkan dalam negara. Dan keyakinan ini menyebabkan harga saham kita naik dan kalau ada yang merasakan bahawa ianya merupakan satu manipulasi. Sesungguhnya tidak ada manipulasi yang mampu bertahan lama untuk mengekalkan prestasi peningkatan saham di BSKL dan ini juga sejajar dengan apa yang kita ketahui bahawasanya telah bertambah liquidity di dalam sistem perbankan kita. Apabila kerajaan menurunkan SRR umpamanya, ianya mencurahkan kecairan kepada sistem perbankan yang memudahkan orang ramai membuat pinjaman. Ini antara sebab-sebab tetapi paling pokok ialah keyakinan kepada sistem ekonomi negara kita.

Menjawab soalan kedua itu, apakah kelebihannya dengan umpamanya negara Thailand, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya katakan kelebihan yang paling pokok ialah kita melaksanakan perubahan mengikut acuan kita sendiri. Kita tidak tertakluk kepada mana-mana kuasa asing ataupun pengaruh asing dan kita tidak tertakluk kepada meminta sedekah dengan orang lain yang akhirnya

akan kita tertakluk kepada kehendak-kehendak mereka. Jadi, inilah kelebihan yang paling asas yang kita rasakan membanggakan negara dan rakyat kita.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Antara tanda-tanda yang disentuh tadi ialah pemulihan yang telah tercapai di bidang pasaran saham. Tetapi kalau kita lihat dan kaji secara dalam indeks BSKL yang dikatakan setakat ini memang dalam 850. Pasal tadi saya check menurun 4%, jam 9.30 pagi.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya ialah apabila kita kaji indeks ini secara dalam hanya indeks bagi papan-papan emas (blue chips) yang meningkat antara 100%, ada yang 200%. Tetapi bagi kaunter-kaunter yang biasa kenaikan hanya sekadar daripada 5% kepada 20% dan paling tinggi 30%.

Tuan Yang di-Pertua, jadi daripada apa yang dikaji ini kita lihat juga bahawa indeks emas itu meningkat kerana kaunter-kaunter yang disokong oleh institusi antaranya PNB dan KWSP. Soalan kita ialah dengan adanya tambahan seperti ini adakah ini memberi interpretasi bahawa proses pemulihan ekonomi negara belum kukuh dan tanda-tanda yang ada belum meyakinkan sektor swasta bahawa ekonomi sedang pulih ataupun akan pulih dalam masa yang singkat. Terima kasih.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pemulihan ekonomi tidak diukur semata-mata daripada kenaikan BSKL tetapi kenaikan pasaran saham BSKL adalah satu-satu daripada tanda pemulihan ekonomi. Seperti mana yang dinyatakan tadi hari ini wujud keyakinan yang lebih pada BSKL sebab itu kita tengok banyak kaunter naik harganya. Tetapi kalau dikatakan sebahagian kaunter naik lebih melonjak daripada yang lain, kalau dikatakan selektif itu adalah hak pelabur. Bermakna pelabur lebih yakin kepada kaunter-kaunter tertentu termasuk pelabur-pelabur yang besar ‘the big players’ seperti PNB dan sebagainya. Dan kita tidak boleh menyatakan PNB tidak boleh melabur pada kaunter-kaunter tertentu, mesti melabur pada semua. Itu adalah

terpulang kepada kebijaksanaan ‘the big players’, dengan izin, untuk memilih kaunter yang mereka yakin.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih pokok daripada itu kita harus melihat bahawasanya kalau kita lihat pada suatu ketika dahulu capitalization di dalam BSKL ialah sebanyak lebih kurang RM800 bilion pada masa ia memuncak dan ianya menurun kepada angka yang paling rendah hampir lebih kurang RM200 bilion saya ingat pertengahan tahun lalu. Tetapi hari ini capitalization dalam pasaran saham kita telah meningkat kembali kepada hampir RM600 bilion dan itu pada saya adalah satu indikator yang menyeluruh bahawasanya terdapat peningkatan dalam ekonomi.

Ada lagi faktor-faktor lain yang saya sebut tadi lebih kurang 10 faktor, Tuan Yang di-Pertua, dan saya tidak mahu ulang. Ia dari segi konsumer iaitu pasaran dalam negara kita, peningkatan barangan, pembelian rumah, pekerjaan dan sebagainya, kecairan dalam pasaran, jadi saya tidak mahu mengulangkan perkara itu tetapi bolehlah saya katakan bahawasanya memang diyakini dan negara kita telah pun bottom-up dan insya-Allah pada tahun 2000 kita akan mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi lagi mungkin lebih daripada 5%.

4. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Perdagangan Antara bangsa dan Industri menyatakan:-

(a) Sejak Januari 1999 hingga 30 Jun 1999 (6 bulan pertama tahun ini) berapakah jumlah nilai dan projek industri pembuatan yang telah diluluskan oleh Kementerian; dan

(b) Berapa peratuskah pelaburan asing dan adakah ia menunjukkan peningkatan atau penurunan jika dibandingkan dengan tahun lalu.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato’ Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini

bersama-sama soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang pada hari ini juga dan Yang Berhormat dari Mersing pada 15 Julai 1999 kerana ketiga-tiga soalan ini ada berkaitan dengan perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sejak Januari 1999 hingga Mei 1999, MITI telah meluluskan 314 projek perkilangan yang melibatkan pelaburan berjumlah RM7.58 bilion di mana RM6.36 bilion atau 83.9% adalah pelaburan asing. Jumlah pelaburan asing yang diluluskan ini telah meningkat sebanyak 278.7% berbanding dengan jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam tempoh yang sama pada tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Sistem Kawalan Modal Terpilih dilaksanakan mulai 1 September 1998, pengaliran masuk pelaburan asing ke sektor perkilangan sehingga Mei 1999 berjumlah RM12.2 bilion di mana sebanyak RM5.71 bilion atau RM46.8% adalah bagi sektor electronic dan electrical.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Julai 1997 hingga Mei 1999, MITI telah meluluskan 1008 projek perkilangan yang melibatkan pelaburan asing berjumlah RM25.35 bilion. Pelaburan asing yang diluluskan ini tertumpu kepada industri-industri perkilangan utama seperti berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| (i) | Barangan elektrik dan elektronik | RM8.16 bilion |
| (ii) | Barang petrolium termasuk petro-kimia | RM4.99 bilion |
| (iii) | Kimia dan barangan kimia | RM47.4 bilion |
| (iv) | Barangan logam dibentuk | RM846.43 juta |
| (v) | Tekstil dan barangan tekstil | RM683.14 juta |

Negeri-negeri utama yang menerima sebahagian besar pelaburan tersebut ialah:

| | | |
|---|---|---|
| Johor | - | RM6.66 bilion |
| Pulau Pinang | - | RM6.2 bilion |
| Terengganu | - | RM2.73 bilion |

| | | |
|---|---|---|
| Pahang | - | RM2.66 bilion |
| Selangor | - | RM2.56 bilion |
| Negeri Sembilan | - | RM1.26 bilion |

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi menarik lebih banyak pelaburan asing untuk masa jangka panjang. Di antara tindakan-tindakan yang telah diambil ialah kerajaan telah merealisasikan dasar ekuiti untuk sektor perkilangan berkuasa daripada 13 Julai 1998 hingga Disember 2000 kecuali bagi keluaran atau aktiviti yang di mana rakyat Malaysia telah mempunyai kemampuan. Mengikut dasar ekuiti baru ini, pelaburan-pelaburan tempatan dan juga asing dikecualikan daripada syarat ekuiti dan syarat eksport bagi semua projek baru termasuk projek-projek pembesaran dan pelbagaian dan seterusnya mengkaji semula secara berterusan ke atas dasar dan insentif yang diberikan kepada sektor-sektor perkilangan supaya ia sesuai dengan keadaan yang berubah dan dapat meningkatkan tahap pelaburan dalam keluaran dan aktiviti-aktiviti yang digalakkan.

Bagi menggalakkan pembangunan industri berdasarkan sumber, kerajaan telah melanjutkan insentif pusingan kali kedua iaitu tarikh perintis dan elaun cukai pelaburan bagi industri tersebut sehingga tahun taksiran 2001 dan mengadakan misi-misi penggalakan perdagangan dan pelaburan di luar negeri di mana dalam tahun 1998 MITI telah mengadakan 4 misi penggalakan perdagangan dan pelaburan iaitu ke Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan dan Eropah.

Dalam tahun 1999 ini, MITI telah mengadakan 8 misi perdagangan dan pelaburan di luar negeri iaitu ke Amerika Syarikat, United Arab Emirates, Syria dan Egypt, Jepun dan Taiwan, Australia, China dan negara German, Belgium serta United Kingdom. Sekianlah sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kluang.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian yang berjaya menarik pelaburan asing datang ke Malaysia dan dari keseluruhan pelaburan yang diluluskan oleh kementerian nampaknya lapan puluh peratus lebih adalah pelabur asing. Juga banyak strategi telah pun ditetapkan untuk menarik lebih ramai lagi pelabur asing datang ke Malaysia. Saya ingin tahu apa sebab pelaburan tempatan atau pelabur tempatan yang masih belum memuaskan dalam pelaburan tempatan. Ada juga cadangan untuk mengadakan pelaburan di luar negeri. Jadi adakah kementerian sedar dan ada strategi yang tertentu untuk menggalakkan pelabur tempatan untuk melabur di negara kita ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, keyakinan pelaburan daripada negara asing itu tidak terjejas oleh itu kegawatan ekonomi tetapi syarikat-syarikat tempatan terjejas sedikit. Oleh sebab itu pelaburan tempatan itu tidak begitu menggalakkan, tetapi perkara ini sudah pulih.

**5. Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa semasa Badan Pencegah Rasuah (BPR) di bawah kepimpinan Tan Sri Harun Hashim dalam tahun enam puluhan mendapat publisiti yang meluas terutama dalam tindakan kes-kes rasuah yang diambil oleh BPR sehinggakan pegawai-pegawai kerajaan merasa gerun terhadap BPR, adakah kes-kes rasuah telah berkurangan pada masa ini memandangkan tidak banyak publisiti dibuat oleh BPR kini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, Badan Pencegah Rasuah (BPR) amat menghargai keprihatinan Yang Berhormat dari Alor Gajah terhadap kekurangan publisiti yang dibuat oleh BPR masa kini berbanding dengan masa dulu. Kekurangan publisiti ini tidak ada kaitan dengan kepimpinan pengurusan BPR atau kekurangan kes-kes yang disiasat. BPR dari masa ke semasa akan membuat liputan media ke arah pembanterasan jenayah. Walaupun begitu ada dua faktor yang menyebabkan

kekurangan publisiti ialah kerana pindaan pada undang-undang atau seksyen 21(4) Akta Pencegah Rasuah 1997 yang melarang sebarang pendedahan sehinggalah sesuatu kes itu dibawa ke mahkamah dan yang keduanya ialah faktor pendekatan di mana dahulunya BPR membuat pendekatan yang berbentuk punitive seperti siasatan dan pendakwaan tetapi sekarang pendekatan baru ialah ke arah memberi perkhidmatan perundingan aktiviti pendidikan rasuah dan perhubungan masyarakat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat jawapan tambahan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, minggu lepas seorang pemimpin politik pembangkang mempertikaikan kewibawaan Badan Pencegah Rasuah khususnya ialah Badan Pencegah Rasuah Kelantan yang mengikut tuduhannya bahawa Badan Pencegah Rasuah telah diguna oleh kerajaan untuk menyiasat beberapa pemimpin politik PAS di Kelantan yang melakukan penyelewengan. Apakah benar Badan Pencegah Rasuah ini boleh diperalatkan oleh kerajaan, pertama dan apakah benar kenyataan yang dikeluarkan oleh beliau itu. Kalau kenyataan itu tidak benar apakah tindakan yang boleh dibuat oleh Badan Pencegah Rasuah demi untuk menjaga nama baik badan ini pada kaca mata orang ramai. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnyalah pihak pembangkang PAS ini banyak mendakwa bahawa BPR dipergunakan oleh pihak kerajaan untuk melakukan sesuatu untuk menjatuhkan kepimpinan parti lawan. Sukacita saya hendak menafikan sekeras-kerasnya bahawa tidak ada penglibatan kerajaan ataupun BPR diarahkan oleh kerajaan untuk menyiasat pemimpin-pemimpin parti pembangkang. Ini tidak ada sama sekali, bahkan kerajaan tidak akan menggunakan BPR untuk menjatuhkan mana-mana pemimpin kerana BPR perlu menyiasat dan mendapatkan bukti-bukti yang jelas sebelum pendakwan dilakukan. Jadi dakwaan yang mengatakan bahawa BPR adalah digunakan adalah tidak benar dan kita berharap bahawa pemimpin-pemimpin parti politik

pembangkang pun akan menghormati kedudukan BPR sebagai badan yang bebas yang membuat pendakwaan hanyalah berasaskan kepada kajian-kajian atau siasatan yang mendalam untuk sesuatu kes yang dilaporkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana BPR boleh menyakinkan orang ramai mengenai keberkesanan dan kewibawaan apabila siasatan dan tindakan BPR semacam terhadap Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengenai pemberian saham kepada menantu beliau, sama ada FACB atau Leader Universal di mana Peguam Negara ada berpendapat bahawa adalah prima facie case untuk mendakwa beliau di bawah Corruption Act, boleh diberhentikan oleh kerana campur tangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau di mana tidak ada hasil siasatan mengenai laporan terhadap Menteri Pengangkutan dan anak beliau Lim Hee Leong yang boleh dalam 3, 4 bulan mengumpul kekayaan berjumlah RM1.2 bilion. Bagaimana boleh dapat keyakinan apabila ada satu kes boleh campur tangan dan di mana pendakwaan yang patut dibuat tidak dibuat dan kedua tidak ada hasil daripada kes-kes siasatan itu.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, itu dakwaan Yang Berhormat dari Tanjong. Saya hendak mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak campur tangan dalam urusan yang dibuat oleh BPR. Kalau kita boleh campur tangan, kalau kerajaan boleh campur tangan bermakna Perdana Menteri boleh mengarahkan siasat sesiapa sahaja dan kita buat pertuduhan, apa pertuduhan pun. Ini kenyataan bahawa penglibatan Perdana Menteri, mengarahkan diberhentikan siasatan pendakwaan -saya agak Yang Berhormat pun cuma agak-agak sahaja. Jadi sekiranya ada maklumat tertentu, ada maklumat-maklumat yang khusus, ada kes yang khusus maka pihak BPR akan menjalankan siasatan secara mendalam dan mendakwa sesiapa sahaja, bahkan sudah ada pun pemimpin kerajaan yang didakwa ke mahkamah. Bekas Menteri Besar Selangor didakwa di mahkamah, apabila kes dibicarakan di mahkamah, mahkamah yang memutuskan.

Ini bermakna kata kerajaan tidak memilih sama ada yang kecil atau besar, pemimpin kerajaan atau pembangkang yang melakukan kesalahan jenayah rasuah maka kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan untuk mendakwa mereka.

**6. Tuan Joseph Mauh Ikeh [Selangau]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

(a) untuk memudahkan dan mempercepatkan pelaksanaan projek jalan-jalan kampung/rumah panjang di luar bandar seluruh Malaysia terutamanya di negeri Sarawak dan Sabah, adakah kementerian bercadang projek ini disalurkan terus kepada Wakil Rakyat/Ahli Parlimen seperti projek (MPR) tanpa menggunakan konsep payung; dan

(b) adakah benar Syarikat Payung telah memotong tidak kurang daripada 15 peratus dari tiap-tiap peruntukan tersebut sebelum diberi kepada anak syarikat yang melaksanakan projek ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak bercadang untuk menyalurkan peruntukan projek jalan kampung kepada Wakil Rakyat di bawah peraturan semasa terbukti pelaksanaan projek-projek PJK di bawah konsep payung boleh disiapkan dengan cepat iaitu dalam tempoh 100 hari bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai masalah perhubungan. Dengan adanya pengawasan dan pemantauan yang rapi dan berkesan, kualiti jalan yang dibina adalah baik. Dakwaan bahawa syarikat payung memotong tidak kurang daripada 15 peratus dari tiap-tiap peruntukan untuk melaksanakan sesuatu projek adalah tidak benar. Ini adalah kerana pada tahun 1998 dan 1999, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menetapkan supaya peratus keuntungan kepada syarikat payung tidak melebihi 10 peratus.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pembangunan Luar Bandar mempunyai suatu sistem berdasarkan prestasi kerja oleh kontraktor, sub-sub kontraktor di bawah sistem payung. Saya telah terima beberapa aduan dari kawasan saya iaitu kerana

contract fee telah dipotongkan begitu banyak oleh main contractor dan sub-contractor pertama, kedua akhirnya kontraktor melaksanakan projek tidak dapat melaksanakan projek dengan sepenuhnya, contohnya saya difahamkan ada jalan kampung di kawasan saya hanya dibina setengah dan rakyat tanya kepada kontraktor, 'sub-sub-sub' kontraktornya kata, ini peruntukan sudah habis. Adakah itu benar, saya minta penjelasan. Sekian.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa itu 'sub-sub–sub'. Dasar kerajaan ialah kita melantik kontraktor payung, yakinkan bahawa payung itu beri kepada …

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Ini anak-anak payung…

**Dato' K. Kumaran:** Kita tidak kasi …

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Cucu payung….

**Dato' K. Kumaran:** …cucu payung dan lain-lainnya turun-temurun *[Ketawa]* Kalau ada bukti siapa Wakil Rakyat yang bertanggungjawab, sila beri butir-butir kita ambil tindakan, jangan tunggu sehingga Parlimen bersidang. Saya juga dengar banyak ura-ura orang kata, khabar-khabar angin juga banyak aduan tetapi kementerian saya belum menerima satu aduan yang bertulis. Apabila ada aduan bertulis maka kita boleh ambil tindakan. Sila beri laporan bertulis, saya ambil tindakan. *[Bersorak]*.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin hendak memberi penjelasan sedikit persoalan itu tadi, jadi di samping itu saya akan bertanya jugalah. Soalan yang sub sub ini, sebenarnya begini Tuan Yang di-Pertua, apabila syarikat payung dilantik oleh pihak Kementerian Kewangan untuk melaksanakan jalan-jalan kampung, pihak payung ini juga melantik sub kontraktor daripada kalangan orang yang berdaftar dengan DKK di seluruh negara. Tetapi kebanyakan pihak sub-kontraktor ini ialah orang daripada luar kampung berkenaan dan apabila dilaksanakan untuk jalan

kampung tersebut, sub kontraktor melantik orang kampung jadi sub-kontraktor itu pulak.

Jadi, dengan keadaan yang sedemikian orang yang mendapat untung itu di peringkat payung, peringkat sub-kontraktor mungkin daripada negeri lain ataupun kampung, daerah lain dan lepas itu baru dia sampai ke peringkat kampung yang mana menjadi sub-kontraktor yang melaksanakan jalan. Jadi keuntungan di antara ini ialah memang dipasti telah berlaku. Jadi, masalahnya kewangan tercicir dan jalan raya jadi pendek, kecil ataupun leper.

Jadi, persoalan saya, saya pernah bawa kepada kementerian semasa dialog ini, saya kata gunakan sub-kontraktor yang di kampung itu sendiri sebagai sub-kontraktor melaksanakan projek kampung ini supaya keciciran wang tidak ada dalam keadaan ekonomi sekarang hendak hidup juga dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, persoalan saya adakah ini akan dilaksanakan untuk tahun 1999.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, kami faham semuanya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengambil perhatian cadangan ini dan kita pun telah beri kontrak kepada semua sub-kontraktor. Tahun akan datang kita ambil perhatian terhadap cadangan.

Yang kedua, bukan pilih anak payung, tidak. Kita akan kemukakan satu senarai daripada pejabat daerah dari kementerian. Dalam senarai itu mereka pilih dan saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat, kebanyakan kita dapat juga maklumat bahawa datang daripada luar kawasan.

Lagi satu saya terangkan di sini, kita tidak boleh beri kepada kampung itu, kita boleh katakan orang tempatan.

7. **Dr. Patau Rubis [Mas Gading]** minta Perdana Menteri menyatakan perkataan-perkataan YAB tentang pilihanraya yang akan datang menjadi pilihan raya yang terkotor dalam sejarah Malaysia. Adakah ini bermakna bahawa undang-undang yang ada tidak akan dihormati oleh pihak kerajaan mahupun pembangkang.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Marang yang dijadualkan menjawab pada hari ini juga kerana perkara yang dibangkitkan adalah sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baiklah.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Pelaksanaan sesuatu pilihan raya yang bersih adalah tanggungjawab semua pihak bukan sahaja pihak kerajaan tetapi juga pihak parti politik dan calon-calon yang bertanding. Badan yang menguruskan pilihan raya iaitu SPR tetap akan memastikan pengurusan pilihan raya berjalan mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan pilihan raya. Selaras dengan peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan tersebut, SPR akan memastikan pilihan raya berjalan secara adil, bebas dan telus.

Di dalam masa yang sama, terdapat beberapa perundangan yang berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman awam dan sebagainya yang terletak di bawah bidang kuasa agensi-agensi lain yang berkenaan. Jika semua pihak menghormati undang-undang dan peraturan-peraturan pilihan raya dan undang-undang lain yang berkaitan, pilihan raya tetap akan berjalan di dalam suasana yang bersih dan aman tetapi sekiranya ada pihak-pihak tertentu melanggar undang-undang, peraturan-peraturan pilihan raya dan undang-undang lain yang berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman negara, maka perkara-perkara yang tidak diingini mungkin akan berlaku.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah di Bahagian Miri dan Bintulu, Sarawak hanya Barisan Nasional boleh gantung lambang Barisan Nasional atas pokok, di bus stop, pokok-pokok dan di banyak rumah panjang yang belum ada surat hak milik tanah. Bukankah ini menunjukkan pilihan raya kotor dan politik wang Barisan Nasional di Sarawak? Sekian.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, itu mengikut kemampuan partilah, kalau sudah parti itu tidak mampu macam mana dia hendak buat perkara ini. Barisan Nasional ialah parti yang memerintah, sudah tentu mereka ini mempunyai kemampuan, mereka boleh buat lebih daripada itu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta pandangan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, dengan keadaan senario yang mengiringi pilihan raya akan datang sekarang ini yang ditunjukkan oleh pihak pembangkang, adakah Yang Berhormat akan menganggap pilihan raya akan datang ini penuh dengan tanggungjawab daripada pihak pembangkang atau pihak pembangkang akan menggawatkan lagi suasana pilihan raya khsusunya mungkin dengan pelanggaran undang-undang dan sebagainya? Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya parti pembangkang berkempen bukan sahaja dua tahun ataupun satu tahun dekat pilihan raya. Parti pembangkang adalah berkempen sepanjang masa untuk menjatuhkan kerajaan, walaupun selepas pilihan raya, mereka berterusan menyerang pihak kerajaan. Ini seolah-olah berkempen untuk menjatuhkan kerajaan. Selain daripada itu mereka juga berani melanggar perkara-perkara yang tidak dibolehkan, misalannya sekarang, bukan sahaja mereka menaikkan bendera mereka di merata-rata tempat, kadangkala pokok itu sudah merayu supaya jangan dibubuh bendera *[Ketawa]* dan ada di antara kampung mereka tidak memasang api lagi sebab bulan terlalu banyak…..*[Ketawa]* dan yang paling aneh lagi, ada di

antara mereka berani menyahut supaya membunuh pemimpin-pemimpin ketika ini.

Apakah ini tidak merupakan kempen yang kotor? Selain daripada itu juga mereka menggunakan agama sewenang-wenangnya. Sudah barang tentu isu-isu kafir-mengkafir diteruskan. Apakah mereka ini tidak tahu menuduh orang lain kafir selagi orang itu mengucap dua kalimah syahadah adalah merupakan haram, mereka tahu, tetapi kerana kepentingan politik, mereka melakukan apa sahaja cara asalkan mereka boleh menang. Yang aneh lagi hendak keluar daripada Malaysia, ini sudah merupakan satu ugutan. Parti pembangkang mesti tahu, bukan sahaja ahli DAP dan juga PAS. PAS sendiri di hari ini telah berani mengatakan, PAS bukan lagi parti Islam. Ini jelas di Kelantan, sepanduk yang dibuat, ini orang PAS sendiri, bukan orang UMNO, bukan Barisan Nasional. Ini orang PAS sendiri kerana menyeleweng. Masa kita bekerjasama dengan orang yang bukan Islam, mengatakan kita kafir tetapi ketika ini hendak sekongkol dengan DAP, apakah prinsip yang hendak mereka bawa ini. Apakah ini tidak merupakan kempen yang kotor?

Saya hendak beritahu orang PAS, awaslah kepada DAP. DAP tetap menentang PAS sampai bila-bila. Mereka bukan berkonsep kepada pemerintahan Islam tetapi mereka cuba supaya parti PAS itu menjadi alat kepada mereka sepanjang masa.

Jadi, inilah di antara perkara-perkara kotor yang akan dibawa oleh parti-parti pembangkang untuk mencari kemenangan. Jadi, saya menyeru jangan kita beri parti pembangkang menang dalam pilihan raya akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukuplah Yang Berhormat. Ada apa Yang Berhormat?

**Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan:** Ini pasal pilihan raya kotor.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukup, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan:** Sudah habis.

8. **Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Sumbar Manusia menyatakan:-

(a) bilangan ejensi pekerja asing yang berlesen untuk setiap negeri; dan

(b) bilangan pekerja asing yang dibawa masuk ke Malaysia secara sah dalam tempoh Januari hingga Mei tahun ini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 Jun tahun ini agensi pekerjaan swasta yang diberi kebenaran mengendalikan pekerja asing adalah sebanyak 123 buah syarikat dan pecahan mengikut negeri adalah seperti yang saya akan beri nanti. Mengikut rekod yang ada, seramai 136,056 orang pekerja asing telah dibawa masuk ke Malaysia secara sah dalam tempoh Januari hingga Mei tahun ini.

Pecahan mengikut negeri ialah:

| | | |
|---|---|---|
| Johor | - | 13 |
| Melaka | - | 2 |
| Negeri Sembilan | - | 3 |
| Perak | - | 2 |
| Pulau Pinang | - | 5 |
| Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan | - | 2 |
| Selangor | - | 39 |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | - | 57 |
| **Jumlah:** | | **123** |

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan oleh ejensi-ejensi yang berada di Seberang Perai bahawa mereka menghadapi kesulitan bila cuba menubuhkan ataupun mendaftarkan cawangan di Pulau Pinang sedangkan ada ejensi-ejensi dari Kuala Lumpur yang berjaya

mendaftarkan cawangan mereka di Pulau Pinang. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah syarat-syarat untuk menubuhkan cawangan-cawangan ejensi dan apakah prosedur yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia? Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya balik kepada Yang Berhormat, ejensi-ejensi ini untuk pekerja apa, adakah ianya pembantu rumah atau pekerja kilang?

**Dr. Tan Chong Keng:-** Tuan Yang di-Pertua, ejensi-ejensi yang saya maksudkan ialah ejensi untuk membawa masuk pekerja-pekerja asing untuk kilang-kilang.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang dasar kerajaan tidak lagi memberi kebenaran untuk ejgensi-ejensi membawa masuk pekerja-pekerja asing untuk bekerja di kilang. Sekarang ini pihak kerajaan meminta majikan terus mengambil pekerja-pekerja daripada sumber pekerja dari negara-negara yang berkenaan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kementerian sedar tentang keadaan di Sabah di mana ada laporan mengatakan bahawa ada 87,000 pekerja asing yang menjadi pekerja secara haram di Sabah dan kalau kementerian sedar adakah tindakan telah diambil.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, minta dia bercakap kuat sedikit saya tak dengar, dia menelan perkataannya. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Yunof Edward Maringking :** Dia ada masalah terpesong. *[Ketawa]* mungkin ada banyak memikir. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahannya adakah kementerian sedar tentang masalah pendatang asing. Di Sabah yang menjadi pekerja haram di pelbagai sektor dan kalau sedar apakah tindakan untuk menyusuli mereka ini untuk diambil tindakan dan juga..

**Tuan Yang di-Pertua:** cukup-cukup Yang Berhormat, soalan satu sahaja.

**Tuan Yunof Edward Maringking:**Dua Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu sahaja *[Ketawa]*

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ini ada kaitan mengenai pekerja yang diambil secara sah tetapi telah melancarkan tindakan mogok lebih kurang 5,000. Apakah tindakan yang diambil untuk mengesan mereka ini untuk dihantar pulang oleh kerana telah melanggar undang-undang negara kita. Terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tuaran beliau bukan sahaja tidak faham. Soal pekerja haram dan juga tindakan yang diambil bukan di bawah kementerian saya, ianya di bawah Kementerian Dalam Negeri iaitu di bawah Jabatan Imigresen. Jadi kalau tindakan mogok dikatakan apa yang dilakukan oleh pekerja haram itu tidak kena mengena dengan pihak kita. Pihak imigresen akan mengambil tindakan untuk menghantar mereka balik.

**9. Dr. Yee Moh Chai [Tanjong Aru]** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada tindakan yang berkesan akan diambil untuk memastikan sempadan negeri Sabah akan diberi perlindungan yang cukup, seperti mana kejadian yang berlaku di sepanjang Selat Melaka supaya pendatang tanpa izin yang mendarat secara haram di kawasan yang haram dapat dielakkan.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti juga rakan-rakan saya di kementerian, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa isu kemasukan pendatang tanpa dengan izin, ataupun PTI telah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN) khususnya dan ditugaskan khas kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM). Namun begitu, bagi menjamin kestabilan dan keselamatan negara tentera-tentera Malaysia sememangnya bekerjasama dengan PDRM dalam menangani isu kemasukan PTI ke negara ini terutama di sempadan dan perairan negara.

Tuan Yang di-Pertua, operasi yang dijalankan adalah secara berterusan bertumpu di sepanjang kawasan perairan pantai Malaysia dan turut meliputi perairan di negeri Sabah. Sehingga kini ATM telah berjaya melumpuhkan beberapa usaha PTI menyusup masuk ke negeri ini sama ada melalui sempadan mahupun melalui perairan negara. Malah daripada penugasan ATM sejak tahun 1997 lagi hingga hari ini tiada PTI dapat ditangkap di perairan atau di sempadan di Sabah.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang dikatakan tadi tindakan-tindakan pada masa yang lampau telah dibuat untuk menjaga pesisiran pantai. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian telah melalui intelligencenya mengenal pasti landing points dengan izin, tempat-tempat di mana pendatang asing ini landing ataupun turun dari kapal mereka? Sebab di beberapa tempat kita ketahui orang kampung kata di sinilah tempat landing. Adakah pihak kementerian dan semua Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan mengambil kira dan apakah tindakan yang telah dibuat di dalam perkara ini dan seterusnya kawalan yang dibuat setiap masa sering kali kita mengatakan laut kita panjang dan besar. Barangkali sampai masanya kita tukar pandangan kita laut kita pendek supaya reverse psychology kepada mereka. Saya ingin bertanya apakah tindakan kementerian dalam hal-hal yang saya sentuh? Terima kasih.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu sepatutnya khusus ditujukan kepada Kementerian Dalam Negeri. Walau bagaimanapun saya telah menyatakan tadi bahawasanya setakat ini bidang kuasa tentera atau Angkatan Tentera Malaysia telah berjaya sehingga sejak dua tiga tahun yang sudah kita, tidak dapat menangkap seorang pun PTI yang masuk ke Sabah sama ada melalui sempadan darat mahupun melalui sempadan perairan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No 10 hingga 68 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1999) 1999

### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perbelanjaan Tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu;dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyaurat ini.

### RANG UNDANG-UNDANG BADAN-BADAN BERKANUN (KUASA MEMINJAM) 1999

### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengawal selia perjalanan kuasa meminjam oleh semua badan berkanun yang ditubuhkan oleh Undang-undang Persekutuan dan oleh semua syarikat dan perbadanan yang ditubuhkan oleh badan berkanun itu bagi maksud perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat ini.

### RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pengguna Penubuhan Penasihat Pengguna Negara dan Tribunal Tuntutan Pengguna bagi maksud perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat ini.

## USUL

**Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan,

> "Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 26(1)(d) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999 sebagaimana yang tertera sebagai No. 2 di dalam Aturan Mesyuarat pada hari ini hendaklah dijadualkan sebagai No. 3 dan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Buruh India Selatan (Pembubaran) 1999 yang disenaraikan sebagai No. 3 pada hari ini hendaklah dijadualkan sebagai No. 2"

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi dikemukakan kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Diputuskan,

> "Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) (d) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999 sebagaimana yang tertera sebagai No. 2 di dalam Aturan Mesyuarat pada hari ini hendaklah dijadualkan sebagai No. 3 dan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Buruh India Selatan (Pembubaran) 1999 yang disenaraikan sebagai No. 3 pada hari ini hendaklah dijadualkan sebagai No. 2"

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG HUBUNGAN KONSULAR (KONVENSYEN VIENNA) 1999

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” ***[12 Julai 1999]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Machang menyambung ucapan.

**11.10 pagi.**

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung perbahasan yang belum tamat pada petang semalam. Saya sukacita mengambil kesempatan sedikit sebelum saya meneruskan dengan ucapan berkenaan dengan Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999.

Semalam Yang Berhormat dari Jelutong yang kebetulan tidak hadir pada hari ini seperti biasa kerana sibuk di mahkamah, walaupun ini tugas rasmi dia tidak datang, dia hanya tahu bangkit tetapi dia tidak hadir hari ini, menuduh saya sebagai seorang ahli Dewan Rakyat yang tidak bermaruah kerana mengikut kata-katanya lari meninggalkan pengundi di kawasan Parlimen saya dan menuduh saya sebagai seorang pengkhianat. Saya hendak memperjelaskan kepada Yang Berhormat dari Jelutong yang semalam beliau tidak sabar, saya berhajat untuk memberi penjelasan petang kelmarin tetapi beliau tidak sabar terus bertubi-tubi menanya saya walaupun saya minta beliau bersabar. Saya sukacita menjelaskan

kepada beliau bahawa oleh kerana mempertahankan maruah dan harga dirilah maka saya dan rakan-rakan bertindak tidak mahu bersahabat dengan Parti PAS di negeri Kelantan. *[tepuk]*

Sebagai manusia yang mempunyai maruah dan harga diri kami tidak sanggup diperkotak-katikkan oleh satu kumpulan yang kononnya memperjuangkan Islam, tetapi apabila bercakap sentiasa bohong, apabila berjanji mungkir janji dan selalu memutarbelitkan kenyataan. Kerana mempertahankan maruah dan harga dirilah maka kami membuat keputusan bahawa rakan-rakan pembangkang seperti parti DAP, Parti PAS adalah merupakan rakan-rakan sahabat politik yang tidak boleh dibuat sahabat untuk berganding di dalam perjuangan politik negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua**: Arau bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Nanti dulu, saya habiskan dulu Yang Berhormat. Insya-Allah, saya beri peluang. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kami boleh bersabar apabila setiap janji politik yang dibuat oleh PAS di negeri Kelantan tidak ditunaikan. Malah Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri sekalipun pernah mungkir janji dengan saya, Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku Mursyidul Am PAS pernah mungkir janji dengan saya. Kalau orang PAS mengatakan ini tidak benar, cabar saya. Insya-Allah, saya akan buktikan bahawa beliau adalah sebenarnya mungkir janji dengan saya dan bekas ahli-ahli Parti Melayu Semangat 46. Sebab itu baru-baru ini Yang Berhormat dari Gua Musang telah membuat cabaran supaya orang PAS menjunjung al-Quran untuk membuktikan kenyataan beliau tetapi sampai hari ini beliau tidak sanggup berbuat demikian. Cuma yang dicadangkan ialah berdebat

Berdebat sebenarnya ialah untuk mencari siapa menang dan siapa kalah. Tetapi kalau hendak membuktikan kebenaran bahawa cabaran Yang Berhormat dari Gua Musang mesti disambut oleh pemimpin PAS. Kalau pemimpin PAS

sanggup menyahut cabaran itu, saya sendiri akan mengulangi satu cabaran lagi supaya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kelantan junjung Quran bahawa beliau pernah mungkir janji bersama dengan saya. Bagaimana kita boleh bersabar dengan mereka yang apabila berjanji tidak tunai janji, apabila bercakap sentiasa tidak benar tetapi hakikatnya kerana mereka ialah untuk mencari kepentingan politik. Malah seperti yang saya tegaskan kerana menjaga maruah dan harga dirilah maka kita bertindak untuk tidak bersama dengan mereka.

Begitu juga dengan sikap parti DAP. Bagaimana kita boleh bersahabat dengan parti yang pada suatu masa pernah bersama untuk bertanding dalam pilihan raya. Tetapi di akhir-akhir pilihan raya pada tahun 1995, menjelang pilihan raya tahun 1995 mereka bertindak keluar dari Gagasan Rakyat kerana tidak bersama dengan PAS. Sekarang ini sekali lagi membuat kenyataan bahawa mereka akan bersama dengan gagasan parti pembangkang. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidur sebantal tetapi mereka bermimpi lain-lain. Gagasan yang dibuat ini ialah juga semata-mata hendak mencari kepentingan dalam pilihan raya, kerana rakyat seperti semuanya sudah tahu bahawa mereka ini semuanya tidak boleh bersama. Tetapi yang menjadi hairan kepada kita ialah bagaimana PAS boleh menggadai maruah perjuangan sanggup bersama-sama dengan Parti DAP walaupun DAP pernah dan berkali-kali membuat kenyataan yang mereka tidak akan menyokong pendirian PAS untuk menubuhkan kerajaan Islam di negara ini. Bukankah ini kerana hendak mencari kepentingan politik semata-mata?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk berucap panjang berhubung perkara itu, kerana sekadar mengambil peluang memberi penjelasan kepada persoalan yang dibangkitkan. Soal sama ada rakyat atau pengundi Machang….

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sekejap, saya hendak menghabiskan satu ayat sahaja. Soal sama ada rakyat akan memberi kepercayaan atau tidak kepada kita, itu adalah terpulang kepada rakyat di dalam pilihan raya.

Tetapi saya hendak mengingatkan PAS jangan cuba untuk mencari pengaruh atau pun menangguk di air keruh. Jangan cuba untuk mengadakan kempen di seluruh negara. Saya nasihatkan kepada pemimpin PAS pulang ke Kelantan, jaga Kelantan, Insya-Allah, Barisan Nasional hendak tawan Kelantan dalam pilihan raya akan datang. Jaga kawasan masing-masing. *[Tepuk]* Okay, saya beri peluang.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Terima kasih wakil dari Machang. *[Disampuk]* Apa 'dok' campur, saya hendak minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Machang menyatakan bahawa mereka meninggalkan PAS kerana menjaga harga diri dan maruah diri. Tetapi dengan masuk balik kepada UMNO yang suatu masa dulu pernah mereka caci, pernah mereka sebut yang bukan-bukan yang orang PAS pun tidak ada sebut seperti yang disebut oleh pemimpin-pemimpin bekas Parti Melayu Semangat 46. Tidakkah itu dengan kembali semula kepada UMNO tidak melibatkan kehormatan diri mereka tercemar. Meludah ke langit dan timpa muka sendiri. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat, seperti yang saya katakan tadi malah tidak mempunyai maruah dan harga diri lebih kalau tetap bersama dengan orang seperti Yang Berhormat. Bercakap tidak seperti bikin, berjanji lain buat lain, selalu bercakap tidak benar, bersama dengan kawan selalu mungkir janji, berada dengan mereka seperti ini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa bekas Parti Melayu Semangat 46 adalah merupakan orang UMNO – orang UMNO daripada asal dan Parti Melayu Semangat 46 itu pun sendiri perlembagaannya ialah seratus peratus perlembagaan UMNO. Ini Yang Berhormat sendiri sedia maklum. Saya hendak tanya Yang Berhormat apakah Yang Berhormat benar berhasrat untuk keluar daripada Malaysia ini. Yang Berhormat setuju atau tidak hendak keluar daripada Malaysia ini? Yang Berhormat daripada Perlis apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam

pilihan raya *[ketawa]* akan datang Perlis hendak keluar daripada kerajaan Malaysia?

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Terima kasih. Kerana ini adalah satu peluang untuk saya memperjelaskan suatu hakikat yang diputarbelitkan oleh akhbar dan pemimpin-pemimpin UMNO itu sendiri. Sebenarnya kalau seorang itu mengikuti ucapan yang disampaikan oleh pemimpin PAS pada majlis itu daripada mula hingga akhir sudah tentulah mereka dapat memahami bahawasanya apa yang disebutkan itu adalah sebagai perli ataupun sindiran sebenarnya kepada apa yang pernah dikatakan oleh pemimpin UMNO di dalam negeri Perlis. Ia mengugut rakyat dan sebagainya. Saya minta maaflah, saya hendak jelaskan, kalau tidak nanti tidak jelas pula. Jadi, masing-masing keliru.

Kalau diikut daripada mula sebenarnya pemimpin Barisan Nasional di Perlis itu sentiasa mengugut rakyat negeri Perlis supaya jangan memilih parti pembangkang untuk memerintah Perlis. Kerana apabila Perlis diperintah oleh parti pembangkang maka kerajaan pusat tidak akan memberi bantuan. Maka rakyat Perlis akan susah. Maka dengan kerana itu Dato’ Dr . Harun Din menyebut kalau itulah alasan yang diberi, kalau kita menang dan kerajaan pusat tidak terikat dengan perlembagaan yang sepatutnya dia bagi bantuan kenapa Perlis tidak boleh keluar daripada Persekutuan? Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat .

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Maknanya memang benarlah, Tuan Yang di-Pertua…….

Tuan Haji Hashim bin Jasin: **Tidak..**

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Jelas.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Tidak, saya kata tidak benar.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Jelas, tengok macam mana dia kata, tengok. *[Ketawa]*..bermakna benarlah.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Kalau kerajaan pusat tidak ikut peraturan maka kata dia kenapa perlembagaan dia tidak ikut?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Soal tidak ikut peraturan itu cerita lain. Soalnya sekarang…..

**Tuan Yang di-Pertua:** Arau, cukuplah, cukup.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Jelas, Tuan Yang di-Pertua, dengarlah rakyat Malaysia memang jelas. Memang jelas bahawa PAS hendak mengajak Perlis keluar daripada Barisan Nasional. Jelas, Tuan Yang di-Pertua, inilah ucapan…

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Cukup. Saya beri peluang sekali. Inilah sikap berdolak-dalik pemimpin PAS, Tuan Yang di-Pertua. Putar belit kenyataan. Sekali cakap macam lain, bila sudah tersepit tukar cerita cakap macam lain. Bukan sekali, Tuan Yang di-Pertua, ini satu lagi bukti, Tuan Yang di-Pertua, ini bukti pemimpin PAS suka bercakap putar-belit, Tuan Yang di-Pertua. Dalam pilihan raya tahun 1990 di Kelantan dalam manifesto mereka, mereka membangkitkan bahawa jika mereka diberi kuasa di Kelantan bahawa mereka nak wujudkan Jawatankuasa Hisbah. Kerana mereka pada masa itu menuduh Badan Pencegah Rasuah tidak boleh dipercayai, Badan Pencegah Rasuah diperalat oleh kerajaan. Maka dia kata, kalau dia menang dalam pilihan raya di Kelantan dalam manifesto tahun 1990 dia hendak tubuh Jawatankuasa Hisbah, iaitu untuk menyiasat penyelewengan kerajaan Kelantan.

Kemudian bila rakyat tekan, tanya mana Jawatankuasa Hisbah seperti yang dijanjikan, Dato' Nik Abdul Aziz mengeluarkan kenyataan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengeluar kenyataan iaitu pada 19 Januari 1999 batal cadangan wujud badan hisbah. Apa dia kata Tuan Yang di-Pertua, “Mursyidul Am PAS, Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat berkata walaupun cadangan itu tercatat dalam manifesto PAS ketika menghadapi Pilihan Raya Umum 1990 tetapi

ia tidak akan dilaksanakan. Katanya, keputusan itu dibuat setelah difikirkan sudah ada badan lain yang fungsinya sama dengan badan hisbah iaitu Badan Pencegah Rasuah yang diwujudkan oleh Kerajaan Pusat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada point of order.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: **Nanti dulu, nanti dulu.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu point of order, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** 36(1), seseorang ahli hendaklah mengehadkan percakapannya kepada perkara-perkara yang dibincang sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincang.

**Seorang Ahli:** Apa ini budak-budak punya. Tak fahamkah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Machang, sila masuk kepada …..

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya sebut sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua. Semalam pun saya sebut sebagai contoh yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, insya-Allah, kalau tidak sempat saya akan bangkitkan lagi, memang PAS putar belit kenyataan. Memang putar belit. Kemudian minggu lepas Ustaz Fadzil pula. Dia kata, dia tuduh pula Badan Pencegah Rasuah diperalat oleh kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sekali kata tidak betul, kemudian diubahkan dan sekarang tukar cerita, bolak balik. Ini cakap putar belit, Tuan Yang di-Pertua. Kembali kepada tajuk Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada tajuk. *[Ketawa]*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pagi ini kita mendengar dan membaca laporan dalam akhbar bahawa satu kejadian luar biasa berlaku di Tambak Johor, di mana satu pemeriksaan secara ketat, mengejut, luar

biasa yang telah dilakukan oleh pihak Imigresen Malaysia tentang kemasukan rakyat Malaysia ke Singapura. Kita berpendapat bahawa tindakan luar biasa ini adalah suatu tindakan yang mempunyai udang di sebalik batu. Apakah message yang hendak disampaikan oleh Kerajaan Malaysia dalam hubungan antarabangsa, hubungan dua buah negara berjiran dengan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan Singapura telah banyak kali menguji kesabaran rakyat Malaysia. Dalam banyak perkara telah berkali-kali menguji kesabaran rakyat Malaysia malah dalam kes-kes tertentu sehingga sudah terdapat kesabaran di kalangan rakyat Malaysia yang begitu memuncak dan hampir-hampir mencetuskan peristiwa yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu Kerajaan Malaysia bertindak tegas dalam soal ini. Jika pemeriksaan ini adalah suatu pemeriksaan routine, pemeriksaan biasa itu adalah peraturan yang perlu kita hormati tetapi jika pemeriksaan ini adalah merupakan suatu pemeriksaan yang luar biasa yang melibatkan ada isu politik di sebaliknya, tindakan ini mesti direspon oleh Kerajaan Malaysia. Sebenarnya dalam perhubungan kita dengan Singapura dan dalam rang undang-undang yang kita sedang bincangkan hari ini pun adalah melibatkan keistimewaan-keistimewaan banyak yang diberikan kepada konsulat ataupun Duta Singapura di negara ini.

Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri melalui jawatannya supaya memanggil Duta Singapura serta-merta untuk mencari sebab, bertanya dan mempersoalkan mengapa tindakan ini dilakukan serta-merta. Mengapa tindakan luar biasa ini dibuat, minta penjelasan daripada Kerajaan Singapura untuk menjaga kepentingan rakyat Malaysia yang sentiasa berulang-alik ke Singapura melalui Tambak Johor. Penjelasan ini diperlukan dengan segera untuk kita mendengar apakah reaksi dan tindakan ini ialah untuk menguji sekali lagi kesabaran rakyat Malaysia. Tindakan yang dibuat oleh pihak Imigresan Singapura ini adalah merupakan seperti yang saya katakan tadi, adalah tindakan

luar biasa. Tindakan ini menyusahkan rakyat yang sebahagian besarnya adalah rakyat Malaysia yang berulang-alik untuk masuk ke negara Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya pihak kerajaan memanggil Duta Singapura untuk memberi penjelasan yang kemas mengapa tindakan ini dibuat dan selepas itu mengkaji apakah tindakan-tindakan yang perlu kita lakukan untuk menjaga atau meneruskan perhubungan ini. Sebenarnya kita percaya bahawa dalam apa pun masalah pertikaian sempadan ataupun masalah antara dua buah negara yang berjiran mestilah diselesaikan secara damai kerana kita mempunyai hubungan diplomatik dengan mereka dan rang undang-undang ini pun iaitu Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999 ini pun ialah untuk memberi pengiktirafan kepada hak-hak dan keistimewaan duta-duta yang berada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perkataan itu, saya mohon untuk menyokong Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

**11.26 pagi.**

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memberi beberapa jawapan atas soalan-soalan dan perhatian-perhatian yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana sokongan daripada Yang Berhormat dari Machang dalam perbahasan semasa kita mengemukakan bil atau Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999. Tujuan kita ialah untuk mengemaskinikan bahawa undang-undang dan juga peraturan-peraturan dalam kita menjalankan perhubungan konsular di negara kita di mana dengan penubuhan konsular-konsular di peringkat negeri dan juga di peringkat kawasan di Malaysia ini untuk menghadapi cabaran-cabaran khususnya dalam masalah-masalah perhubungan dua hala.

**[**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin**]** ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kawasan-kawasan kita yang terlibat ialah negeri-negeri yang melibatkan industri pelaburan negara-negara tertentu iaitu dalam bidang pelancongan dan sebab itu kita memerlukan bahawa mana-mana negara yang ingin menubuhkan konsul mereka di negeri-negeri tertentu dapat diatur dengan cara tertentu kerana sebelum ini kita telah menggunakan satu ordinan yang tidak cukup untuk menjaga kepentingan konsul-konsul dan juga kepentingan perhubungan kita dengan negara yang menghantar.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat pada pagi ini, kita memang memahami bahawa kepekaan atau sensitiviti rakyat kita juga Ahli-ahli Dewan Rakyat dalam perhubungan dua hala khususnya dengan negara-negara jiran kita kerana kita mesti memahami bahawa kepentingan pembangunan ekonomi, pembangunan serantau ini khususnya kestabilan dan juga mengawal supaya kawasan rantau ini menjadi satu kawasan zone of peace, freedom and neutrality harus juga diperingati oleh jiran-jiaran kita khususnya semalam bila Yang Berhormat menyatakan bahawa ada jiran kita, negara Singapura telah nampaknya begitu agresif dari segi melancarkan tujuan-tujuan yang boleh dipersoalkan oleh rakyat kita.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus berusaha untuk memperkuatkan lagi hubungan dua hala antara negara kita dengan negara jiran dan mana-mana masalah yang nampaknya menjadi masalah, kita akan usaha dengan baiknya dengan tujuan untuk kita mencapai satu perhubungan yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua negara dan terus mengeratkan perhubungan kita sepanjang masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit sahaja hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Datuk kata Singapura, tindakan-tindakan dia kini nampaknya agresif kepada negara kita. Banyak telah ditanyakan, diperkatakan perkara ini sama ada isu itu bersabit dengan pertahanan, air atau Pulau Batu Putih, KTM atau isu sejarah, saya hendak bertanya sedikit, adakah ini hanya bibit-bibit sampingan. Isu yang utama ialah economic rivalry antara mereka dengan kita.

Kalau dahulu Malaysia hanya sekadar negara yang berasaskan pertanian, kalau industri pun industri yang tidak berasaskan teknologi berasaskan low value added, hanya setakat bagi pengilangan bahan utama atau industri berasaskan hanya input tenaga biasa sahaja. Tetapi bila Malaysia melangkah ke dekad akan datang bukan hanya sekadar pergi kepada industri berteknologi tinggi, bernilai tambah yang tinggi tetapi sekarang Perdana Menteri telah melancarkan bahawa Malaysia untuk survival negara kita sendiri, melangkah ke abad akan datang mesti terus melompat, leap frog, dengan izin, bukan lompat katak, melonjak ke hadapan kepada industri IT.

Ini sudah semestinya akan memberikan persaingan yang hebat kepada Singapura, dengan itu juga persediaan kita ke arah menjadi negara IT ini dengan lapangan terbang kita yang cantik, sekarang sudah terkenal di dunia, lebih baik daripada lapangan terbang mereka, dengan pelabuhan kita. Banyak lagi usaha-usaha lain untuk membawa negara kita ke dunia IT.

Singapura menganggap ini sebagai satu rivalry, persaingan hebat kepada mereka, adakah ini matlamat yang utama menyebabkan mereka sengaja macam dalam akhbar hari ini, melambat-lambatkan, membuat 100% check kepada pekerja-pekerja Malaysia yang bekerja di situ, sengaja hendak mencari sakit hati kita, ini cakap kampung, dengan membangkitkan isu-isu air, pertahanan, Pulau Putih dan KTM. Saya hendak bertanya, adakah ini intinya kepada isu yang kita

berhadapan dengan mereka? Saya minta pandangan Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana Ahli Yang Berhormat dari Rompin telah menimbulkan perkara ini, seperti yang saya katakan tadi bahawa tindakan-tindakan atau usaha-usaha dalam mengutarakan isu-isu yang masih belum selesai dengan Singapura, saya telah menyatakan tadi nampaknya persepsi oleh rakyat dan pemimpin-pemimpin, dalam ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini semalam dan juga pada hari ini menyatakan nampak terlalu agresif. Tetapi kita mesti mengingatkan bahawa Kerajaan Malaysia seperti mana juga yang dinyatakan oleh Yang Berhormat nampak selalu sabar dan sentiasa berusaha untuk mencapai secara perundingan yang baik supaya kita dapat bersama-sama mencapai matlamat atau satu keputusan yang boleh menjaga kepentingan kedua-dua pihak.

Saya ingin mengingatkan di sini, walaupun Yang Berhormat dari Rompin telah menyatakan kemungkinannya ada soal economic rivalry timbul di sini, mungkin ada di kalangan-kalangan tertentu yang meminati dalam bidang ekonomi ini terasakan ada satu rivalry timbul, tetapi tidaklah dikatakan keseluruhan Kerajaan Singapura, kalaulah ini satu persepsi yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Rompin, saya ingin menyatakan di sini bahawa Kerajaan Malaysia, dengan adanya projek-projek Multimedia Super Corridor, pembangunan lapangan terbang yang terbaru dan termoden sekali adalah bertujuan untuk membangunkan infrastruktur supaya kita dapat sama-sama merasai pembangunan ekonomi keseluruhannya dalam pembangunan ekonomi dunia dan juga supaya ia dapat memberi manfaat dan keuntungan dari pelaburan-pelaburan kerajaan kita dalam mana-mana usaha atau perusahaan yang wujud khususnya dalam travel services, dalam industri pembuatan (services industry) dan juga industri-industri kewangan.

Begitu juga kita nampak bahawa tidak sepatutnya kita lihat pembangunan Multimedia Super Corridor ini sebagai satu rivalry, satu cabaran atau satu saingan kepada mana-mana pihak kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa menyatakan bahawa dasar kepada jiran kita sentiasa memberikan kerjasama supaya kita dapat bersama-sama dengan perkataan beliau *"prosper thou neighbor'* policy kerana kalaulah jiran kita pun sama-sama maju, kestabilan ekonomi, kestabilan politik dan juga pembangunan rantau ini dapat kita capai bersama. Kalau ada masalah di mana-mana rantau ini, kita juga akan merasai kerana kita tidak dapat lari, walaupun perbezaan politik tetapi kejiranan tidak dapat dipisahkan dari segi fizikal dan geografinya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa dasar-dasar kita dengan negara jiran, memang kita ingin sentiasa mencapai keputusan yang baik, yang dapat memerhatikan khususnya dalam perkara-perkara yang tertentu dan jelas iaitu perkara-perkara seperti perbekalan air, tuntutan sempadan dan sebagainya dan juga dari segi kerjasama ekonomi dan services.

Pada hari ini saya ingin katakan juga bahawa Yang Berhormat Menteri Luar Negeri masih berada di Singapura, beliau telah dapat berbincang dan juga bersetuju bersama-sama di antara dua kerajaan dan pihak Menteri Luar Singapura juga bahawa kita akan masuk ke perbincangan untuk mencapai matlamat dan keputusan yang dapat menjaga kepentingan dan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak, negara Singapura dan Malaysia dalam jangka masa panjang. Kita tidak dengan cara tergesa-gesa untuk memutuskan apa-apa keputusan yang dapat merugikan kedua-dua pihak untuk masa hadapan khususnya dalam perhubungan dua hala.

Walau bagaimanapun, Kementerian Luar Negeri akan sentiasa berusaha untuk menjaga kepentingan negara kita dan khususnya kita akan terus mengambil langkah-langkah yang dapat menjaga perhubungan yang baik supaya rantau ini

sentiasa terus dapat maju dan mencapai pembangunan, ekonomi dan kestabilan politik seterusnya.

Jadi, dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih …

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sipitang pula bangun.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Sila.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat dari segi hubungan dua hala terutama Singapura. Pada masa dahulu, semasa kita masih di belakang Singapura, ramai rakyat Malaysia memuja Singapura, kita membeli-belah di Singapura dan kita seolah-olah pada masa itu bertuankan Singapura. Tetapi apabila kita maju, apabila kita sudah sama rata, kita sudah ada pelabuhan bebas, kedai bebas cukai dan pertukaran wang asing yang lebih tinggi, kita tidak lagi bertumpu kepada Singapura untuk membeli-belah dan bukanlah menjadi kebanggaan kalau membeli belah di Singapura. Tetapi apakah kerajaan meneliti, apakah masalah sebenarnya, apakah Singapura ini menganggap kita ini sebagai pesaing yang akan membunuh masa hadapan mereka ataupun apakah mereka memikirkan kita ini akan meruntuhkan mereka?

Sepatutnya mereka ini faham dan memahami keadaan bahawa kita sekarang bersama-sama ingin maju. Kita boleh bersaing secara sihat dan maju bersama, bukan dengan menimbulkan isu-isu remeh-temeh seperti yang disenaraikan, berpuluh isu yang tidak sepatutnya kita bincangkan pada hari ini. Tetapi pada masa yang lalu pula apabila kita selalu ke Singapura, benda-benda begini tidak wujud, tidak pernah dibincangkan, tidak pernah dikeluarkan. Jadi apakah kementerian bercadang untuk berunding secara terperinci membincangkan apakah sebenarnya yang tertulis di dalam hati kecil pemimpin Singapura ini supaya kita boleh selesaikan secara bersama. Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawap soalan Yang Berhormat dari Sipitang itu tadi, bahawa kita memang sentiasa peka kepada seruan-seruan rakyat kita yang telah melihatkan pelbagai persepsi dalam perbincangan-perbincangan ataupun tuntutan-tuntutan dari negara jiran kita Singapura.

Walau bagaimanapun, ingin saya jelaskan di sini bahawa semenjak penghujung tahun ini, kita telah berbincang sebanyak tiga kali mengenai isu-isu tertentu yang telah disebutkan seperti bekalan air, tuntutan, CIQ dan sebagainya, yang manaperkara-perkara ini sememangnya harus kita sama-sama berbincang supaya ia tidak terus menjadi halangan dalam pengurusan dua hala dari masa ke semasa.

Walau bagaimanapun ini tidak kurang penting juga kalau kita dapat mencapai perundingan yang baik, khususnya terus mencapai keputusan yang dapat menyelesaikan masalah-masalah yang tertentu.

Tetapi saya tidak ingin menyatakan di sini atau membuat status spekulasi, adakah ini agenda-agenda tertentu atau tidak tertulis dalam perkara ini tetapi kita sentiasa memberikan perhatian kepada tuntutan-tuntutan yang tertentu kerana inilah satu perkara yang sentiasa kita uruskan dalam perhubungan dua hala khususnya antara jiran dan kita juga begitu, ada tuntutan-tuntutan yang tertentu kepada mereka. Dan cuma kita harap sokongan-sokongan atau fahaman dari negara-negara jiran kita dapat memahami bahawa kita tidak kurang pentingnya atau keutamaan kepada perkara-perkara seperti ini kerana kewujudan perhubungan dua hala yang baik sentiasa terus adalah menjadi satu kepentingan untuk kebaikan keseluruhan rantau ini.

Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi menyatakan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan teguran dan di mana saya belum dapat menyentuh apa-apa, saya ingin menyatakan bahawa kita akan mengambil perhatian dengan sepenuhnya dan

menjadi peringatan dalam kita menguruskan perhubungan dua hala kita dengan mana-mana negara jiran dan negara-negara asing. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Fasal 1 hingga 11** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Pendahuluan** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG BURUH INDIA SELATAN (PEMBUBARAN) 1999

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**11.48 pagi.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama Akta Kumpulan Wang Buruh India Selatan (Pembubaran) 1999 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kumpulan Wang Buruh India Selatan (Pembubaran) 1999 bertujuan memansuhkan Akta Kumpulan Wang Buruh India Selatan tahun 1958, membubarkan Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan, menutup Kumpulan Wang Buruh India Selatan yang ditubuhkan di bawah akta itu dan melupuskan aset.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan telah ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Buruh India Selatan pada 1 September 1958. Tujuan penubuhan Lembaga ini adalah untuk membiayai kos menghantar balik ke India, buruh-buruh dari India Selatan dan tanggungan-tanggungan mereka atau anak-anak yatim keturunan India Selatan yang layak dan berhasrat berbuat demikian. Bagi buruh-buruh India Selatan Selatan dan tanggungan-tanggungan mereka yang memilih untuk tinggal di negara ini, Kumpulan Wang Buruh India Selatan digunakan untuk menjaga kebajikan mereka.

Untuk tujuan ini, buruh-buruh India Selatan yang telah didaftarkan dengan Lembaga dan yang tidak mempunyai keluarga yang sanggup menerima mereka telah diberi tempat penginapan dan penjagaan di Rumah Orang-orang Tua India Selatan yang bertempat di Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga juga telah memberi bantuan wang tunai setiap bulan pada mereka atau tanggungan mereka yang miskin dan berdaftar dengan Lembaga yang bermastautin di merata tempat di seluruh Semenanjung Malaysia.

Lembaga memiliki sebidang tanah seluas 14.75 ekar di Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan yang telah didermakan oleh mendiang Dato' Arumugam Pillay. Sebahagian tanah tersebut dijadikan tapak Rumah Orang-orang Tua India Selatan dan selebihnya telah ditanam dengan kelapa sawit. Lembaga juga mempunyai wang tunai sebanyak RM2.36 juta yang disimpan secara simpanan tetap di dalam bank.

Satu kajian yan telah dibuat oleh kerajaan pada tahun 1993, mendapati bahawa Lembaga sekarang ini tidak lagi melaksanakan fungsi utamanya seperti diperuntukkan di bawah Akta Kumpulan Wang Buruh India Selatan tahun 1958. Fungsi Lembaga sekarang hanyalah menjaga kebajikan orang-orang tua keturuanan India Selatan yang tinggal di Rumah Orang-orang Tua India Selatan di Nibong Tebal, memberi bantuan wang tunai setiap bulan kepada buruh-buruh India Selatan yang tinggal di luar Rumah Orang-orang Tua India Selatan dan memberi pinjaman kepada anak-anak buruh India Selatan yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran. Walau bagaimanapun, ini pun telah diberhentikan.

Bilangan buruh yang berasal dari India Selatan juga telah berkurangan berikutan peredaran masa. Di samping itu, sejak tahun 1993 tiada lagi permohonan diterima daripada buruh India Selatan supaya dihantar balik ke India. Lembaga juga telah menghentikan pengambilan penghuni baru ke dalam Rumah Orang-orang Tua India Selatan mulai tahun 1996 di mana pada masa itu terdapat seramai 37 orang penghuni dan pada tahun 1998, hanya tinggal 22 orang penghuni sahaja.

Fungsi untuk menjaga kebajikan orang-orang tua India Selatan yang dijalankan oleh Lembaga sekarang adalah bertindih dengan fungsi dan aktiviti kebajikan yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyakarat. Oleh itu, kerajaan berpendapat fungsi untuk menjaga kebajikan buruh-buruh India Selatan wajar diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyakarat demi untuk menjamin perkhidmatan yang lebih sempurna diberi kepada penghuni-penghuni Rumah Orang-orang Tua India Selatan di Nibong Tebal.

Dari segi sumber kewangan, Lembaga hanya bergantung sepenuhnya kepada terimaan faedah yang diperolehi daripada simpanan tetap yang disimpan di dalam bank yang berjumlah RM2.36 juta, kutipan sewa daripada pajakan tanah yang ditanam dengan kelapa sawit dan sumbangan derma daripada orang-orang awam. Oleh yang demikian, pendapatan Lembaga tidak banyak dan Lembaga

pernah mengalami defisit untuk beberapa tahun khususnya apabila bilangan penghuni Rumah Orang-orang Tua India Selatan dan jumlah mereka yang bukan penghuni yang menerima bantuan bulanan masih ramai, bilangan mereka sudah pun berkurangan.

Selain menimbangkan faktor-faktor di atas, kerajaan berpendapat bahawa Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan tidak mempunyai peranan yang bermakna lagi dan wajar dibubarkan. Sehubungan ini, 18 penghuni Rumah Orang-orang Tua India Selatan di Nibong Tebal telah pun dipindahkan ke Rumah Orang-orang Tua di bawah tadbiran Jabatan Kebajikan Masyakarat. Bayaran bantuan bulanan kepada beberapa buruh India Selatan yang tinggal di merata tempat di Semenanjung telah pun diambil alih oleh Jabatan Kebajikan Masyakarat dan fungsi ini akan dilaksanakan sepenuhnya selepas jumlah wang tertentu diberi kepada jabatan tersebut oleh Lembaga apabila ia dibubarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kumpulan Wang Buruh India Selatan (Pembubaran) 1999 telah pun digubal untuk membolehkan kerajaan untuk menutup Kumpulan Wang Buruh India Selatan, memansuhkan Akta Kumpulan Wang Buruh India Selatan 1958 serta membubarkan Lembaga yang mentadbirkannya.

Fasal 1 rang undang-undang ini mengandungi tajuk ringkas dan kuasa menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuatkuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam akta yang dicadangkan itu.

Fasal 3 dan 4 rang undang-undang ini mengadakan peruntukan bagi pembubaran Lembaga dan Kumpulan Wang Buruh India Selatan dan bagi penurunan kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi lembaga kepada kerajaan.

Fasal 5 mengadakan peruntukan bagi perpindahan semua tanah dan harta dan aset lain Lembaga kepada kerajaan.

Fasal 6 mengadakan peruntukan bagi perpindahan semua wang dalam Kumpulan Wang atau kena dibayar kepada Lembaga kepada kerajaan.

Fasal 7 mengadakan peruntukan pengambilalihan oleh kerajaan segala kontrak yang sedia ada oleh atau terhadap Lembaga.

Fasal 8 rang undang-undang ini mengadakan peruntukan bagi pembayaran berterusan apa-apa elaun, saraan atau bantuan kewangan lain atau apa-apa bantuan kebajikan atau faedah lain yang pada masa ini diterima oleh buruh India Selatan yang mendiami Rumah Orang Tua India Selatan atau buruh India Selatan yang berdaftar dengan Lembaga. Amaun yang kena dibayar itu hendaklah mengikut kadar yang diluluskan oleh kerajaan. Jabatan Kebajikan Masyakarat akan bertanggungjawab bagi menjaga kebajikan buruh India Selatan yang telah mendiami Rumah Orang Tua Buruh India Selatan tetapi yang sekarang ini sudah pun dipindah ke Rumah Orang Tua di Bidong, Kedah dan Taiping, Perak di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyakarat.

Fasal 9 mengadakan peruntukan bagi penerusan prosiding undang-undang oleh atau terhadap kerajaan sebagai ganti Lembaga.

Fasal 10 mengadakan peruntukan bagi penerusan semua undang-undang bertulis termasuk perundingan subsidiari yang menyentuh atau melindungi Lembaga dengan sebutan-sebutan tentang Lembaga ditafsirkan sebagai sebutan-sebutan tentang kerajaan.

Fasal 11 bertujuan membenarkan menteri untuk membuat perintah bagi menghapuskan apa-apa kesukaran yang mungkin timbul berkaitan dengan pelaksanaan akta yang dicadangkan.

Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah perlu supaya kerajaan dapat membubarkan salah satu badan berkanun yang tidak lagi melaksanakan fungsi asal ia ditubuhkan tetapi telah melaksanakan kerja-kerja kebajikan dan telah

pun ada sebuah jabatan kerajaan iaitu Jabatan Kebajikan Masyakarat yang melaksanakan fungsi yang sama yang boleh memberikan perkhidmatan yang lebih sempurna kepada orang-orang tua India Selatan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Kumpulan Wang Buruh India Selatan 1998, untuk membubarkan Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan dan Kumpulan Wang Buruh India Selatan yang ditubuhkan di bawah akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berbangkit dan bersampingan; dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Teluk Kemang.

**11.55 pagi.**

**Dato' L. Krishnan [Teluk Kemang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam akta ini. Sebelum saya ingin mulakan ucapan saya dengan memberi sedikit pandangan atau sedikit sejarah tentang buruh-buruh India Selatan pada masa dahulu.

Sektor peladangan getah telah dimulakan di Malaya pada masa itu oleh British pada lewat abad ke-19. Sektor ini memerlukan tenaga buruh yang mencukupi untuk membersihkan kawasan hutan dan seterusnya menanam pokok getah di mana pihak penjajah telah membawa masuk beribu-ribu orang buruh dari India secara umumnya dan dari India Selatan secara khususnya.

Kerajaan penjajah telah membuat beberapa janji kepada beberapa buruh pada masa itu seperti menyediakan pekerjaan dengan pendapatan yang lumayan, perumahan yang baik, sekolah untuk anak-anak mereka dengan sekolah-sekolah dalam bahasa tertentu dan juga kemudahan-kemudahan untuk hiburan mereka. Pekerja-pekerja estet ini dengan kemudahan yang tidak mencukupi, pendapatan yang kurang dan jenis pekerjaan yang khusus seperti penoreh getah, pekebun dan

pencuci am telah bekerja dengan rajin dan kuat, mencari rezeki menjadikan diri mereka tidak begitu produktif dengan tiadanya peluang untuk belajar atau mahir dalam apa-apa bidang. Ramai telah meninggal dunia akibat penyakit atau kemalangan dalam hutan di mana mereka bekerja atau diserang binatang liar. Mereka telah meninggalkan beberapa isteri mereka dan anak-anak mereka sebagai anak yatim. Apabila usia mereka meningkat atau kurang berupaya disebabkan kesihatan atau kemalangan dan jika sesiapa bercadang untuk pulang ke kampung mereka di India, pihak British menghantar mereka pulang dengan percuma tetapi tidak membayar atau menghormati dedikasi mereka kepada majikan.

Sebelum tahun 1907 pembawaan semua buruh dari India dilakukan oleh pihak majikan estet-estet yang berkenaan dengan menggunakan perbelanjaan mereka sendiri. Pekerja-pekerja tersebut dibawa sama ada melalui agensi di India atau pembawa buruh yang berlesen yang dikenali sebagai ‘kanggani’.

Ramai daripada mereka yang bekerja dengan satu-satu majikan, bila kemudian ditawarkan dengan pendapatan yang lebih tinggi atau syarat-syarat yang lebih baik oleh majikan lain, mereka meninggalkan majikan asal mereka itu dan bekerja di tempat lain. Usaha-usaha untuk mengawal kehilangan buruh atau crimping of labour, dengan izin,, tidak berkesan meskipun mereka amat diperlukan di sebabkan oleh pengenalan dan perkembangan yang pesat pada masa itu dalam sektor penanaman getah.

Buruh-buruh juga masa itu diperlukan dalam sektor kerajaan. Untuk menyelesaikan masalah-masalah ini, Kumpulan Wang Imigrasi Tamil ditubuhkan pada tahun 1907 di mana objektif utama ialah untuk memberi perlindungan kepada majikan serta buruh-buruh India untuk membiayai kos membawa pekerja-pekerja dari India Selatan dan kemudian menghantarkan mereka pulang jika perlu dan untuk menarik lebih ramai pekerja datang ke Semenanjung ini.

Kumpulan wang dicadangkan dijalankan dengan caruman daripada pihak-pihak majikan yang terpaksa menurut undang-undang membayar wang taksiran

dalam bentuk ses yang dikira daripada bilangan hari seorang buruh India bekerja setiap tiga bulan.Pungutan ses ini iaitu 1/3 sen sehari untuk lelaki dewasa dan ¼ iaitu suku sen sehari untuk perempuan dewasa. Jumlah yang dijangkakan mengikut wang taksiran dikirakan oleh Jabatan Buruh pada masa itu daripada penyerahan sukuan yang dilakukan oleh pihak majikan dan wang tersebut disimpan dalam Kumpulan Wang Imigrasi Tamil.

Kumpulan Wang Imigrasi Tamil ini sejak permulaan telah diuruskan oleh sebuah badan berkanun yang dinamakan Jawatankuasa Imigrasi yang dilembagakan di bawah Seksyen 3 oleh Ordinan Kumpulan Wang Imigrasi Tamil, Ordinan Penempatan Selat No. 12/1907 dan mula dikuatkuasakan pada awal tahun 1908.

Kumpulan wang ini sebenarnya dimulakan dengan pinjaman sebanyak RM50,000 daripada kerajaan negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu dan RM5,000 daripada Kerajaan Johor yang ketika itu bukan negeri Persekutuan Tanah Melayu. Ini dibuat untuk menampung bayaran imigrasi pada suku pertama tahun 1908, sedangkan wang taksiran ses yang saya sebut tadi hanya boleh dikutip pada hujung Mac tahun itu.

Adalah mustahak jika dikatakan di sini perkataan 'Tamil' adalah di dalam Ordinan Kumpulan Wang Imigresen Tamil 1908 didapati tidak begitu sesuai memandangkan buruh Telegu, Malayalam dan Oresa juga berada di bawah skop Ordinan tersebut.

Pada bulan Mei 1912 mengikut Seksyen 161(1) oleh Kod Buruh 1912 nama kumpulan wang tersebut telah bertukar kepada Kumpulan Wang Imigrasi India. Kumpulan Wang Imigrasi India ini diuruskan oleh Jawatankuasa Imigrasi India dan tujuan utama kumpulan wang imigrasi India pada masa itu adalah seperti berikut:-

(i) membayar tambang kereta api buruh-buruh serta keluarga dari kampung mereka ke depot di India Selatan seperti di Madras dan Nagapatnam;

(ii) perbelanjaan makanan dan ubat-ubatan untuk buruh-buruh dan keluarga yang menunggu kapal laut dari India ke Malaya;

(iii) untuk tambang kapal dari India ke Malaya;

(iv) untuk perbelanjaan kuarantin di Malaya;

(v) untuk tambang pengangkutan dari pelabuhan ke tempat bekerja di Malaya;

(vi) penghantaran pulang ke India jika perlu;

(vii) perbelanjaan untuk makanan dan pengangkutan untuk buruh-buruh yang pulang serta keluarga mereka dari pelabuhan ke rumah atau kampung mereka di India..

Pada tahun 1911, Jawatankuasa Imigrasi India telah membuka sebuah depot imigrasi yang besar di India, di satu tempat bernama Avadi dekat Madras yang berupaya menampung seramai 6,000 orang. Manakala depot tambahan yang berada dua batu jauh di Melpackam dapat menampung seramai 2,000 orang. Depot ini bertujuan untuk menampung buruh-buruh sebelum mereka dihantar ke Malaya dari pelabuhan di Madras.

Jawatankuasa tersebut juga mempunyai dua buah lagi depot dari mana buruh-buruh India akan berlepas, satu di Nagapatnam yang boleh menampung sebanyak 3,000 orang dan satu lagi di Papakowil, lebih kurang dua batu jauhnya yang dapat menampung 1,200 orang. Sebidang tanah di Kockenada atau sekarang dipanggilkan sebagai Kakinada yang berukuran 10.28 ekar juga telah dibeli oleh kumpulan wang tersebut pada tahun 1921 untuk tujuan membina sebuah depot imigrasi Malaya tetapi tanah tersebut tidak pernah dimajukan oleh lembaga itu.

Sebelum dimasukkan ke depot ini, kesemua individu diperiksa kesihatannya dan disiasat sama ada mereka adalah dibenarkan oleh keluarga-keluarga dan saudara-saudara mereka. Ketika tinggal di depot, buruh-buruh ini diberi makanan, kemudahan kesihatan, vaksin dan juga didokumentasikan.

Tambahan lagi, mereka juga diberi penerangan mengenai Malaya dan sejurus sebelum mereka berlepas dari India, mereka dipastikan benar-benar sihat dan bersih dan diberikan pakaian baju dan tikar untuk tidur.

Dari tahun 1910 hingga 1938 seramai 1,517,860 orang telah dibawa ke Malaya yang ditanggung oleh Kumpulan Wang Imigrasi India ini. Pada bulan Jun 1938 Kerajaan India telah melarang perpindahan buruh tidak mahir ke Malaya. Dalam konteks ini, penoreh getah di estet-estet adalah termasuk dalam golongan pekerja tidak mahir.

Larangan ini masih berkuatkuasa sehingga kini. Lebih-lebih lagi sejak tahun 1952, Undang-undang Imigrasi Persekutuan telah berulang kali diketatkan untuk mengelak atau mengetatkan kemasukan orang-orang bukan warganegara Malaya daripada masuk ke negara ini. Tiada buruh India Selatan dibawa masuk ke Malaya selepas itu.

Caruman bayaran bagi buruh India, bagaimanapun terus dikutip sehingga akhir tahun 1941 dan pengangkutan untuk membawa buruh India pulang ke India setelah bersara atau disebabkan kurang sihat terus dibayar daripada Kumpulan Wang Imigrasi India. Tidak ada wang yang dikutip selepas tahun 1941.

Selepas Perang Dunia II, duit kumpulan wang digunakan terutama untuk membawa pulang buruh India Selatan dan keluarga mereka yang datang ke negara ini sebelum 1938. Kumpulan Wang Imigrasi India juga digunakan untuk membantu buruh-buruh yang memerlukan bantuan dan untuk menderma kepada rumah-rumah kebajikan dan institusi yang menjaga anak-anak yatim buruh India Selatan.

Memandangkan tiada lagi buruh India yang dibawa ke sini dan penghantaran pulang buruh-buruh India yang berganda, maka dua daripada depot Kumpulan Wang Imigrasi India yang terbesar, yang berada di Avadi dan Manipackam telah dijual kepada Kerajaan Madras pada tahun 1955 dengan bernilai sebanyak 1.5 billion Rupee. Pejabat pembentukan Malaya di India dekat

Madras telah ditutup pada bulan September 1956 dan hampir kesemua pekerja meninggalkan Kumpulan Wang Imigrasi India di India diberhentikan pekerjaan dengan meninggalkan hanya seorang staf untuk menjaga depot-depot yang tinggal iaitu di Nagapatnam dan Papakuwil dan juga untuk kerja menerima dan menghantarkan buruh-buruh ke kampung masing-masing setibanya dari Malaysia.

Kumpulan Wang Imigrasi India dimansuhkan pada 31 Ogos 1958 dan digantikan dengan Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan yang sedia ada iaitu dari 1 September 1958 di bawah Ordinan Rang 24 Kumpulan Wang Buruh India Selatan 1958.

Kumpulan Wang Buruh India Selatan diuruskan oleh Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan dengan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kementerian Sumber Manusia, Setiausahanya - Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Sumber Manusia, tujuh orang ahli mewakili majikan peladang, dua orang ahli mewakili pekerja iaitu buruh-buruh dan dua orang ahli yang mewakili masyarakat India dan dua orang mewakili kerajaan.

Objektif utama seperti mana kita tahu adalah:

(i) untuk menanggung kos penghantaran pulang buruh India Selatan yang layak berserta keluarga dan anak-anak yatim;

(ii) untuk menjaga kebajikan orang-orang India Selatan yang sudah tua dan berumur serta keluarga dan anak-anak yatim;

(iii) untuk kebajikan dan keperluan buruh-buruh India Selatan yang memerlukan bantuan; dan

(iv) untuk apa-apa tujuan menjaga kepentingan buruh-buruh India Selatan yang telah dibincangkan dan dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia.

Dalam hal mengimplementasi objektif-objektif tersebut, dari tahun 1948 hingga ke tahun 1990 seramai 27,399 orang buruh India Selatan serta keluarga mereka yang bukan warganegara Malaysia telah dihantar pulang ke India atas

permintaan sendiri. Semenjak tahun 1990, tiada permintaan daripada buruh India Selatan supaya dihantar pulang.

Kumpulan Wang Buruh India Selatan memiliki sebidang tanah seluas 6.07 hektar di Nibong Tebal, Seberang Perai yang didermakan oleh mendiang Dato' N.T.S Arumugam Pillai pada tahun 1962. Di atas tanah tersebut telah didirikan Rumah Orang-orang Tua Nibong Tebal, ladang dan rumah-rumah pekerja dan ditanam dengan kelapa sawit. Kumpulan Wang Buruh India Selatan telah menjaga dan menguruskan Rumah Orang-orang Tua Nibong Tebal yang dibina pada tahun 1996 untuk menempatkan orang-orang tua dan kurang berupaya dari India Selatan yang enggan pulang ke India.

Bilangan penghuni-penghuni telah berkurangan tahun demi tahun dan sehingga 22 akhir sekali. Ada juga orang yang sudah tua dan kurang berupaya yang terdiri daripada buruh India Selatan tetapi tidak mahu duduk di dalam Rumah Orang-orang Tua Nibong Tebal ini diberikan wang sebanyak RM50 seorang sebulan. Bilangan ini pun telah berkurangan. Semua tugas ini iaitu kebajikan orang-orang tua di rumah orang-orang tua dan juga pemberian RM50 sebulan kepada orang-orang yang tidak duduk dalam rumah ini diambil alih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat baru-baru ini. Tugas yang lain yang dibuat oleh Lembaga ini adalah biasiswa yang diberikan kepada pelajar-pelajar STPM yang berasal dari India Selatan.

Dari tahun 1962 hingga ke tahun 1992 seramai 699 orang pelajar telah menerima sejumlah wang sebanyak RM470,830 sebagai biasiswa. Dari tahun 1962 hingga tahun 1966, pelajar-pelajar India Selatan juga menerima biasiswa untuk meneruskan pelajaran ke universiti tempatan. Tetapi mulai tahun 1967 Lembaga telah bercadang untuk menukarkan biasiswa-biasiswa ini ke pinjaman pendidikan. Dari tahun 1967 hingga tahun 1986 seramai 103 orang pelajar telah diberikan pinjaman berjumlah RM426,489 tetapi Lembaga telah bercadang untuk

memberhentikan pemberian pinjaman disebabkan oleh masalah kewangan. Lembaga masih dalam usaha mengutip balik jumlah pinjaman tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, memang betul pada masa kini Lembaga Kumpulan Wang India Selatan tidak lagi melaksanakan fungsi utama seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 1948. Sejak tahun 1993 tidak ada lagi permohonan diterima daripada buruh India Selatan supaya dihantar balik ke India. Kebajikan orang-orang tua keturunan India Selatan yang tinggal di Rumah Orang-orang Tua India Selatan di Nibong Tebal dan buruh-buruh India Selatan yang tinggal di luar di merata tempat di Semenanjung Malaysia diambil alih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Lembaga juga telah menghentikan pemberian pinjaman kepada anak-anak buruh India Selatan yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran.

Ini bermakna tugas Lembaga sekarang hanyalah untuk mengutip wang daripada hasil tanaman kelapa sawit di tanahnya. Mengutip sewa daripada rumah-rumah pekerja yang disewakan dan menerima faedah yang diperolehi daripada simpanan tetap yang disimpan dalam bank yang berjumlah RM2.36 juta. Di atas sebab-sebab ini, kerajaan telah memutuskan untuk menutup Kumpulan Wang India Selatan ini dengan memansuhkan Akta Kumpulan Wang 1998 serta membubarkan Lembaga yang mentadbirnya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara penting perlu diambil perhatian. Perkara penting yang pertama ialah mengenai tanah seluas 14.75 ekar di Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan yang didermakan oleh mendiang Dato' N.T.S Arumugam Pillai. Apakah rancangan kerajaan tentang tanah ini? Tanah ini diberi bertujuan untuk kebajikan buruh India Selatan dan tanggungan mereka. Sungguhpun tiada ramai buruh-buruh India Selatan yang masih berada di negara kita sekarang, tanggungan mereka, anak-anak dan cucu-cucu mereka masih berada di negara ini. Tanah ini mestilah digunakan untuk kebajikan dan pembangunan golongan ini dalam bidang pendidikan atau ekonomi.

Saya difahamkan bahawa beberapa cadangan diberikan kepada kerajaan dalam hal ini. Pihak MIC dan juga MIED telah memberikan cadangan untuk mendirikan sebuah sekolah atau kolej teknikal yang akan memanfaatkan anak-anak atau cucu-cucu buruh India Selatan daripada seluruh negara. Ini adalah satu cadangan yang baik dan saya harap kerajaan akan memberi perhatian dan memberi satu keputusan yang sewajarnya.

Perkara penting yang kedua adalah tentang wang tunai sebanyak RM2.36 juta yang disimpan secara simpanan tetap di dalam bank. Apakah rancangan kerajaan tentang wang tunai ini? Kita memang tahu kebajikan orang-orang tua keturunan India Selatan yang tinggal di Rumah Orang-orang Tua India Selatan di Nibong Tebal dan buruh-buruh India Selatan yang tinggal di luar di merata-rata tempat Semenanjung Malaysia diambil alih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas tindakan ini. Ini menunjukkan kerajaan kita .......

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Bagan minta jalan, hendak beri jalan?

**Tuan Lim Hock Seng :** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Telok Kemang. Saya sangat kagum dan ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat dari Telok Kemang kerana boleh membawa sumbangan-sumbangan dan sejarah-sejarah kaum India Selatan yang telah diberi kepada Malaysia untuk membina negara kita ini. Sepanjang ucapan Yang Berhormat ini, saya belum lagi mendapat satu fahaman bahawa sama ada Yang Berhormat menyokong pemansuhan undang-undang ini atau membantah pemansuhan undang-undang ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, dalam ucapan Yang Berhormat, saya teliti tidak menyentuh langsung sekali sumbangan orang-orang India Selatan yang dibawa masuk oleh pihak British untuk membina landasan-landasan kereta api di Malaya ini. Pada

masa itu ialah Keretapi Tanah Melayu. Sumbangan ini tidak boleh diabaikan dan tidak boleh dinafikan. Yang Berhormat setuju atau tidak?

**Dr. L. Krishnan:** Terima kasih. Bila orang-orang India Selatan ini dibawa ke negara ini, masa itu Malaya, memang betul buruh-buruh daripada India Selatan bekerja di dalam ladang lebih daripada kereta api. Memang betul pada masa itu pihak kerajaan memerlukan pekerja-pekerja daripada India Selatan untuk bekerja di landasan kereta api. Itu adalah satu sumbangan pekerja-pekerja atau buruh-buruh daripada India Selatan yang digunakan untuk membuat landasan-landasan kereta api di negara ini. Itu adalah satu sumbangan dan tidak boleh dilupakan. Sama ada saya menyokong atau tidak atas rang undang-undang ini, itu saya akan jawab bila saya habiskan ucapan ini. Saya ingat Yang Berhormat akan tunggu sampai itu.

Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas tindakan ini. Ini menunjukkan kerajaan kita adalah kerajaan penyayang dan bertanggungjawab kepada semua pihak di negara ini. Jabatan Kebajikan Masyarakat memang mampu untuk membiayai kos untuk menjaga 18 orang tua yang diambil alih olehnya. Saya harap dan bercadang bahawa wang yang ada dalam simpanan tetap digunakan untuk pendidikan, tanggungan buruh-buruh India Selatan di negara ini melalui pinjaman pendidikan atau melalui NGO yang memainkan tujuan yang sama. Dengan perkara seperti ini saya harap tanggungan-tanggungan buruh-buruh India Selatan akan diberi satu peluang untuk meningkatkan taraf mereka di negara ini dan saya harap kerajaan akan memberi satu keputusan yang sewajarnya di atas hal ini.

Inilah dua perkara yang penting dan dengan kata-kata ini kalau dua perkara ini boleh diselesaikan dengan begitu baik, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bagan.

**12.25 tgh.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini kerana di Pulau Pinang khasnya di Nibong Tebal ada satu tempat di mana ada ramai penduduk kaum India khasnya datang dari India Selatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi kami telah mendengar Yang Berhormat dari Telok Kemang menceritakan sejarah-sejarah dan sumbangan-sumbangan yang diberi oleh kaum India khasnya datang dari India Selatan ini dan sumbangan mereka ini mestilah direkod dengan jelas dan tidak boleh diabaikan atau dinafikan oleh sesiapa pun. Tetapi satu masalah yang penting selepas sumbangan dan titik peluh kerja-kerja mereka lakukan, anak cucu mereka sehingga hari ini masih ramai lagi bertaraf bukan warganegara Malaysia. Mereka masih memegang kad pengenalan merah oleh kerana apabila mereka dilahirkan di ladang-ladang atau di kampung-kampung atau tempat-tempat yang terpencil, bapa atau ibu mereka tidak tahu mengenai hendak melaporkan kelahiran mereka di balai polis atau pada masa itu tidak ada Pejabat Pendaftaran Negara. Pada masa sekarang mereka masih memegang kad pengenalan merah dan mereka mendapati begitu sukar sekali untuk meminta supaya kad pengenalan mereka ini dijadikan biru. Saya berharap kerajaan boleh bertimbang rasa bahawa mereka ini adalah anak-anak dilahirkan di negara kita ini bahawa ibu bapa mereka telah memberi begitu banyak sumbangan kepada negara kita ini dan mereka patutlah diiktiraf sebagai warga negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berkata, Pulau Pinang ada …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Telok Kemang bangun pula Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Boleh, boleh.

**Dr. L. Krishnan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat sebab memberikan satu peluang untuk minta penjelasan. Tentang kad pengenalan merah yang dipegang oleh buruh-buruh atau penduduk-

penduduk India di kawasan ladang. Memang kita telah membuat satu kajian, saya tidak tahu sama ada pihak DAP telah buat kajian, saya tidak tahu. Tetapi kita memang ada buat satu kajian di semua ladang dan kita berpendapat bahawa kurang daripada 1% mempunyai kad pengenalan merah. Ada juga lagi segelintir daripada mereka tidak mempunyai surat beranak. Memang MIC telah berusaha untuk menukarkan kad pengenalan merah kepada kad pengenalan biru dan juga berusaha untuk mendapatkannya. Saya ingin tanya kepada DAP sama ada mereka ada buat satu kajian?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita, ada lebih kurang 20 juta rakyat. Jadi, jikalau kaum India mengandungi 15% bermakna ada 3 juta kaum India di negara kita ini. Jikalau 1% ada 30,000 orang, kalau 1% seperti apa Yang Berhormat cakap, 1% sahaja - 30,000 orang India di Malaysia anak tempatan masih pegang kad pengenalan merah. Ini satu kredit oleh MICkah? Patut MIC perlu mendesak kerajaan…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat ….

**Tuan Lim Hock Seng:** Sebentar lagi, sebentar lagi…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Lim Hock Seng:** …..perlu mendesak kerajaan supaya memberi taraf warganegara kepada anak-anak tempatan tidak kira dia bangsa Cina, India, kaum Iban ke atau sesiapa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, terima kasih.

**Dato' K. Kumaran [Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar]:** Tuan Yang di-Pertua, angka-angka yang diberikan adalah mengelirukan Dewan

ini. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa warganegara keturunan India di tanah air ini ada lebih daripada 8 peratus.

**Tuan Lim Hock Seng:** Baik, terima kasih Yang Berhormat, terima kasih, kalau 18 peratus..

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' K. Kumaran:** Kad pengenalan merah atau surat kerakyatan tidak timbul, mereka anak watan.

**Tuan Lim Hock Seng:** 8 peratus sahaja.

**Dato' K. Kumaran:** Ya 8 peratus. Tadi angka 50 peratus mengelirukan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Sila Yang Berhormat memberitahu saya 8 peratus itu berapa jumlah penduduk atau berapa jumlah rakyat orang India Selatan ini? Satu angka, boleh saya beri peluang kepada Yang Berhormat.

**Dato' K. Kumaran:** Ini bukan bilik darjah, Yang Berhormat mesti tahu, saya sudah beri peratusan lagi mahu apa.

**Tuan Lim Hock Seng:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya kata saya petik angka yang diberi oleh Yang Berhormat dari Telok Kemang bahawa 1 peratus sahaja, 1 percent only.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Telok Kemang bangun lagi Yang Berhormat.

**Dr. L. Krishnan:** Saya ingat Yang Berhormat tidak dengar betul, apa yang saya bagi tahu ialah kurang daripada 1 peratus, bukan 1 peratus itu lain, kurang. Saya tidak menetapkan berapa kerana saya tidak mempunyai angka di sini, saya tidak kata berapa tetapi kurang daripada 1 peratus.

**Tuan Lim Hock Seng:** Okay, baik, kita tak payah pertikaikan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teluk Intan pulak bangun.

**Tuan M. Kulasegaran:** Penjelasan, adakah Yang Berhormat dari Bagan setuju dengan saya. Masalahnya bukan 1 peratus, 8 peratus atau kurang dari 1

peratus. Yang kita perlu insaf adalah kekurangan sensitiviti kerajaan Barisan Nasional bila dengan tidak sengaja atau sengaja membenarkan rakyat Malaysia keturunan India di negara ini kebanyakannya yang tidak ada kad pengenalan biru. Apakah sebabnya ini? Macam mana boleh jadi? Ramai di antaranya tidak dapat menjalankan tugas di swasta atau di dalam kerajaan walaupun mereka telah mendapat kelulusan kerana Kerajaan Barisan Nasional enggan menolong mereka atau tidak memberi bantuan yang patut diberi.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, memang betullah bukan sahaja kaum India, keturunan kaum India anak-anak kepada mereka ini, mereka masih memegang kad pengenalan merah, serupa juga kaum-kaum yang lain dan itulah menunjukkan satu sikap tidak bertanggungjawab oleh Kerajaan Barisan Nasional di mana anak tempatan dinafikan kedudukan taraf kewarganegaraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti Yang Berhormat dari Telok Kemang dan Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti tidak pertikaikan masih ada ramai baik 25,000 baik 20,000 atau baik 30,000 itu satu angka yang sangat besar, mereka dinafikan kedudukan sebagai warganegaraaan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya berkata di Pulau Pinang adalah satu tempat di mana ada ramai penduduk kaum India kerana Pulau Pinang pada masa yang dahulu di bawah jajahan British adalah Straits Settlement. Straits Settlement iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura dan oleh kerana kemudahan perkapalan di Pelabuhan Pulau Pinang ini maka ramailah orang India dan juga dari China, mereka bertapak di Pulau Pinang dahulu dan selepas mendarat di Pulau Pinang ini mereka baru berhijrah ke Kedah, ke Perlis dan juga ke Kuala Lumpur. Sebab itulah Pulau Pinang ini masih kaya dengan budaya orang-orang India. Saya datang ke Kuala Lumpur sini saya tidak dapat makanan yang ada di Pulau Pinang. Mee rebus di Kuala Lumpur susah dapat, mee rebus yang setanding dengan Pulau Pinang, me goreng, me rebus.

Di Pulau Pinang ada kedai-kedai membeli barang-barang second hand mereka panggil itu India botollah. Saya tak mau cakap lain-lain lah, India botol lah dia kutip botol, kutip guni, kutip barang-barang second hand, mereka jual. Sekarang banyak lagi terdapat. Tetapi di Kuala Lumpur, yang jual barang second hand kurang, di Pulau Pinang banyak. Mereka menjual roti. Mereka datang dari India cari tauke yang ada beri satu basikal, beli satu loceng, bawa roti di belakang, kleng..kleng..kleng..jual roti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, barang-barang second hand dan loceng-loceng apa kena mengena dengan ini.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ha, ini sejarah, ini sejarah kaum India yang datang dari India Selatan. Jikalau Yang Berhormat boleh membenarkan Ahli Yang Berhormat membahas 4 jam satu rang undang-undang keistimewaan diplomat, cuma baru ada dua fasa yang memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong meremit balik cukai-cukai, tax charges dan lain-lain kepada embassy-embassy atau ambassador-ambassador negara lain. 4 jam boleh membenarkan membahaskan hal itu, satu kaum dari India Selatan yang sumbangan mereka itu begitu besar dan begitu bermakna untuk membawa Malaysia ke tahap kemakmuran setakat hari ini tidak dapat dibahas dengan panjang lebar itu amatlah tidak adil sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya tidak kata tidak boleh bahas. Saya hanya tanya apa releven loceng-loceng dan barang second hand.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya itu keistimewaan budaya India di Pulau Pinang yang tidak dapat terjumpa atau ternampak di mana-mana di negeri yang ada di Malaysia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ada meneliti ucapan Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang berkenaan dengan tanah yang diberi kepada yayasan ini, iaitu disumbangkan oleh mendiang Arumugam Pillay. Bukankah ini

satu tanah wakaf, bukankah ada satu wasiat, satu wasiat diberi dengan tujuan diterangkan dalam geran tersebut bahawa tanah ini cuma diderma kepada kumpulan ini untuk kebajikan kaum orang India, khasnya dari India Selatan ini dan jikalau kerajaan hendak mengambil balik tanah ini bukankah ini bertentangan dengan hasrat dan wasiat orang yang menderma.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Timbalan menteri bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar [Timbalan Menteri Sumber Manusia]:** Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak tambah maklumat mengenai tanah ini. Tanah ini diderma oleh Datuk Arumugam Pillay, dan Datuk Arumugam Pillay ialah pada masa itu pengerusi MIC Nibong Tebal, itu tambah maklumat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, Encik Arumugam Pillay ini dia seorang masyhur di Pulau Pinang.

**Seorang Ahli:** MIC

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, sangat mayshur di Pulau Pinang ini, beliau juga seorang yang berniaga barang-barang logam dan beliau sebelum jadi kaya, beliau juga membeli barang-barang second hand, mungkin beli botol, mungkin beli itu guni-guni dan satu hari dia jadi kaya.

**Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar:** Saya hendak tekankan bahawa dia juga adalah Pengerusi MIC, itu sahaja.

**Tuan Lim Hock Seng:** Memang ada ramai orang kaya sekarang jadi ahli MCA, MIC, UMNO dan Gerakan tetapi apabila orang sudah kaya mereka takut menyertai parti pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Bukit Mertajam pulak bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya tidak faham mengapa mereka boleh bertindak sedemikian. Apabila mereka miskin…

**Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Nanti. Apabila mereka miskin, mereka tak takut, apabila sudah jadi kaya dan ada nama mereka menjauhi dari parti pembangkang, mungkin ini satu propaganda oleh Barisan Nasional di mana seseorang kaya itu jikalau menyertai parti pemabangkang mungkin latar belakang mereka atau cukai-cukai mereka atau apa-apa ada pada mereka akan disiasat oleh kerajaan. Jadi, yang saya berharaplah Yang Berhormat sebagai seorang bekas Timbalan Menteri Kewangan boleh memberi satu jaminan kepada rakyat jelata bahawa sesiapa sahaja jikalau suka menyokong siapa-siapa sahaja boleh dengan sendiri, dengan terbuka boleh menyokong dan tidak akan diambil tindak balas oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan ucapan saya. Beberapa hari yang dahulu….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukit Mertajam bangun, hendak beri dia jalan tidak?.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya ingat dia boleh ucap sendiri. Nanti kata, saya ambil masa yang panjang.

**Dr. Tan Chong Keng:** Saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Dia boleh ambil satu jam, dua jam, tidak ada orang halang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak mahu beri Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, tiga hari yang lalu, ada satu dialog oleh kaum India dengan pihak-pihak yang berkenaan yang ada kecenderungan dalam memerhatikan seruan-seruan atau tuntutan-tuntutan kaum India. Mereka ada satu dialog dan diantara dialog-dialog mereka ini, mereka juga ada memberitahu latar belakang nenek moyang mereka, sumbangan nenek moyang mereka datang ke Malaysia untuk membina negara Malaysia dan tuntutan-tuntutan mereka ini antaranya adalah pendidikan bahasa ibunda mereka.

Apabila saya membaca risalah-risalah dan tuntutan-tuntutan mereka ini, saya bersimpati. Saya turut bersimpati kerana masalah yang dihadapi oleh kaum India ini adalah sama dengan masalah yang dihadapi oleh kaum Cina di negara kita ini. Kita sudah merdeka 42 tahun, masih kita mempertikaikan dan memperjuangkan pendidikan-pendidikan khasnya pendidikan bahasa ibunda kita. Ini menunjukkan satu sikap di mana Kerajaan Barisan Nasional sekali lagi cuba menafikan kaum-kaum India atau kaum-kaum yang lain untuk mendapat peluang mempelajari bahasa ibunda mereka sendiri.

Justeru itu saya berharaplah kerajaan selepas 42 tahun merdeka janganlah masih ada sikap sebegini, khasnya dalam era di mana kami akan melangkau ke abad yang akan datang masih ada ramai kaum yang kata mereka tidak dilayan setimpal atau tidak dilayan dengan adil dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara dialog mereka saya katakan tadi adalah pendidikan dan juga mereka menuntut supaya mereka mendapat jawatan dalam kerajaan khasnya seperti ahli-ahli majlis tempatan, wakil badan-badan berkanun dan ini juga serupa masalah yang dihadapi oleh kaum Cina ini. Jadi, masih ada pertikaian di bidang-bindang ini.

Tuan Yang di-Pertua, mereka juga mendesak supaya ladang-ladang boleh dibenarkan menubuh union, gaji bulanan dan juga perumahan. Inilah masalah-masalah yang telah timbul sejak dahulu dan tidak dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, nilai murni atau tujuan untuk menubuhkan Kumpulan Wang Buruh India Selatan ini, nilainya adalah sangat murni dan jikalau kerajaan hendak menarik balik atau memansuhkan kumpulan ini dan diberi kepada kerajaan maka saya ingin menanya di sini, mana satu kementerian yang ambil alih persatuan atau kumpulan ini kerana rang undang-undang ini dibentangkan oleh Kementerian Sumber Manusia dan sekiranya seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kebajikan atau elaun-elaun yang akan diberi kepada orang-orang tua ini,

kepada mereka yang tinggal di rumah orang-orang tua, itu adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Jadi, siapa yang akan ambil alih semua tanggungjawab atau tugas ini. Jikalau di bawah bidang Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat maka ternampaklah kami, jikalau seorang tua ataupun seorang pengemis di tepi jalan begitu sukar hendak memohon masuk ke rumah orang-orang tua.

Saya pasti semua Ahli Yang Berhormat ada menemui masalah yang serupa, apabila orang-orang di kawasan kita kata dia tidak ada keluarga, dia sudah tua, tiada tempat tinggal, tidak boleh mencari rezeki, maka dia minta hendak masuk ke rumah orang-orang tua tetapi masalah, prosedurnya sangat panjang, dia kena menunjukkan sijil doktor, membuktikan bahawa beliau adalah sihat, boleh jaga sendiri. Kalau dia sihat, dia boleh jaga sendiri maka dia boleh cari makan, kalau dia boleh cari makan, dia tidak perlu masuk ke rumah orang-orang tua.

Jadi, ini antara satu sebab kerana susah hendak memasuki rumah orang-orang tua. Lagi pun kalau diberi RM100 setiap bulan untuk elaun orang-orang tua, RM100 ini boleh ditarik balik bila-bila masa. Saya pun pernah temui masalah seperti ini, beliau terima selepas dua, tiga tahun diberitahu bahawa peruntukan ini akan ditarik balik dan selepas ditarik balik di mana hendak bergantung lagi.

Jadi, kerajaan hendak ambil alih tanggungjawab kebajikan kumpulan ini, saya takutlah bahawa tujuan dan matalamat asal menubuhkan kumpulan ini tidak boleh dijalankan dengan sepuas hati kepada orang-orang yang ingin melihatnya.

Tuan Yang di-Pertua, juga satu soalan, selepas kita membincangkan sumbangan dan titik peluh yang diberikan oleh orang-orang India Selatan ini, saya berharaplah tuntutan mereka untuk memohon supaya hari Thaipusam dijadikan hari raya umum, cuti umum. Cuti umum itu adalah munasabah. Sepanjang puluhan tahun Thaipusam tidak diisytiharkan sebagai satu hari cuti umum dan berharaplah Thaipusam oleh kerana kebanyakan orang India ini,

mereka adalah penganut kepada agama itu adalah orang India dan Thaipusam boleh dijadikan cuti umum di negara kita ini.

Sekian sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Teluk Intan.

**12.48 tgh.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini adalah satu hari yang malang dan amat memeranjatkan sekali bagi masyarakat India yang datang dari India Selatan ke Malaysia. Rang undang-undang ini yang akan dimansuhkan, telah wujud sejak 1 Mei 1958. Semasa tabung ini disediakan, ia mempunyai RM6.5 juta lebih kurang nilai sekarang RM120 juta. Tabung ini telah dimulakan dengan niat untuk menghantar balik orang-orang dari South India yang memerlukan pertolongan dan juga untuk perkara-perkara yang lain yang saya akan huraikan.

Hari ini terdapat tidak lebih dari 18 orang tua of India di Old Folks Home dan oleh itu kerajaan ingin 'menggulungkan' aktiviti-aktivitinya. Syabas jika objektif tabung yang disediakan pada 1 Mei 1958 tercapai. Seterusnya pada setiap 1 Mei ialah dikenali sebagai Hari Pekerja, satu hari yang sangat mustahak.

Mengikut *Hansard* 1 Mei 1958 Ong Yoke Lin telah membentangkan Rang Undang-Undang ini dan inilah apa yang beliau nyatakan pada tahun tersebut. Dengan izin, saya baca:

> *"Under clause 10(e) the Fund may be used for any other purpose for the benefit of South Indian labourers which may from time to time be authorised by the Board after consultation with the the Minister. Sir, we have heard suggestion from many quarters about the manner in which the Fund should be used. There are those who wish it to be used for land settlement, education, T.B. sufferers, and so on. These proposals will, no doubt, be given very careful consideration by the Board to be established."*

Tuan Speaker, hari itu juga seorang bernama H.A. Campbell yang mewakili bagi pihak majikan–majikan telah berkata seperti berikut, dengan izin:

*"But employers fully realize the contribution that has been made towards this great rubber industry by the South Indian labourers. We hope that they will continue to play an important part in an industry that means so much to this young nation but which is fast becoming very competitive. We employers are happy that all the moral obligations first conceived in the use of this Fund are to be honoured, and we give the Board, or the new Board to be formed, our blessing, and hope that from their deliberations and wise spending of the Fund much good will be done and much happiness spread to a section of the community that have played such an important part in the biggest industry of this country."*

Tuan Speaker, pada hari itu juga 1 Mei 1958 masa itu Presiden MIC, K.L. Devaser telah mengatakan, dengan izin:

*"I am so greatful to the Honourable Minister for giving an assurance to this House that after these objects have been fulfilled, the government will consider using the balance for education or land settlement."*

Akhirnya semasa menggulung, Menteri berkenaan Ong Yoke Lin telah berkata, dengan izin:

*"I see no reason why a South Indian Labourer after he has become a Federal citizen should not be benefited by this Fund."*

Ia telah menyatakan bahawa masyarakat kaum India Malaysia mempunyai tahap tertinggi mengenai yang tidak mendapat pelajaran di universiti dan sekolah-sekolah, tahap tertinggi mengenai pengangguran, tahap tertinggi terhadap buta huruf, tahap tertinggi terhadap kaki botol dan aktiviti jenayah dan juga orang-orang yang duduk di rumah setinggan. Jadi, mengapa hendak menyegerakan pembunuhan tabung ini bila jaminan yang diberi oleh kerajaan belum ditunaikan. Saya hanya boleh berkata bahawa bila Kabinet membuat keputusan untuk

menutup tabung ini, ia tidak langsung mengambil kira sensitiveness masyarakat India dan keputusan ini adalah malang sekali dan tidak boleh dimaafkan dan salah. Dengan izin, unforgivable, wrong and unfortunate decision. Kerajaan tidak ada moral yang betul untuk mengisytiharkan bahawa semua harta-benda dikembalikan kepada kerajaan dari tabung ini. Kita perlu ingat bahawa tabung ini telah disediakan tanpa bantuan kerajaan, dengan izin, directly or indirectly.

Tuan Speaker, tindakan yang dibuat oleh kerajaan adalah bertentangan seperti yang dikatakan 'The Legendary Robin Hood' iaitu dengan mengambil alih harta kepunyaan masyarakat yang termiskin walhal kerajaanlah yang patut memberikan pertolongan sebaliknya. Bila membaca rang undang-undang ini kita dimaklumkan bahawa bila harta-benda ini diambil oleh kerajaan, ia akan menolong 18 orang tua South India akan tetapi apakah justifikasi kerajaan untuk mengambil alih baki wang yang sedia ada iaitu dengan izin, seize the balance of the money which run into million. Sebilangan besar.......

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tanjong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mengikut ucapan tadi bahawa tujuan Kumpulan Wang India Selatan bukan sahaja untuk repatriation tetapi untuk other scope yang seluas-luasnya untuk dimanfaatkan bagi pendidikan dan kebajikan pekerja-pekerja estet yang terdiri daripada kaum tersebut. Bukankah rang undang-undang ini sebenarnya menunjukkan bahawa khasnya ahli-ahli Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan sudah melalaikan tanggungjawab mereka. Oleh kerana tadi kita sudah dengar Yang Berhormat dari Teluk Kemang bahawa antara anggota-anggota ialah ada ahli-ahli yang mewakili masyarakat India, adakah ini menunjukkan bahawa ahli-ahli dalam Lembaga ini yang seolah-olah mewakili masyarakat India sebenarnya telah cuai dan lalai dan tidak memikul tanggungjawab mereka. Antara ahli-ahli Lembaga yang mewakili masyarakat

India ialah Yang Berhormat dari Teluk Kemang sendiri dan adakah perkara ini benar?

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tanjong. Saya sangat hairan bahawa seorang yang mewakili masyarakat India dapat datang ke Dewan yang mulia ini dan gadaikan hak rakyat masyarakat India. Itulah sebab semalam di Sungai Siput, di Ipoh dan di Pulau Pinang demontrasi telah diadakan di kalangan masyarakat India. Ini bukan satu hal di mana kerajaan ada hak untuk mengambil harta kepunyaan turun-temurun masyarakat India, lebih-lebih lagi wang ini tidak disumbangkan walaupun satu sen oleh kerajaan – the trustee, ini macam harapkan pagar, pagar makan padi. Yang inilah cerita.

Macam mana kerajaan ada moral untuk mengambil wang ini bila objektif-objektif di mana perjanjian assurance telah diberi di Dewan yang mulia ini pada 1 Mei 1958. Masa itu Presiden MIC K.L. Devaser sendiri, semasa itu seorang South Indian telah dapat memikirkan apakah yang perlu kepada masyarakat India dan di antaranya yang mustahak ialah pelajaran dan land settlement, pada masa sekarang ialah low cost housing. Perkara ini belum tercapai dan apa yang perlu dibuat oleh kerajaan ialah don't take from the have-nots; take from your own pocket – inilah yang paling mustahak.

Tetapi sayangnya semalam di lobi seorang Menteri dari Sungai Siput telah menyatakan sesuatu yang tidak seimbang dan sependapat dengan masyarakat India. Di antaranya beliau telah menyatakan bahawa apa yang telah membuat beliau menyokong penggulungan tabung ini adalah untuk kebaikan masyarakat India. Semalam saya telah challenge kepada beliau supaya datang ke Dewan ini dan justifikasi tindakan di mana dengan tanpa sebab-sebab yang boleh diterima oleh masyarakat pada 26 Mei 1996 Kabinet telah membuat keputusan untuk menggulung tabung ini dalam tempoh tiga tahun selepas itu. Inilah yang sudah tercapai. Tuan Speaker, sebilangan masyarakat India telah ditinggalkan semasa ekonomi negara ini…

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Tanjong minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah Yang Berhormat berasa lebih adil memberi peluang kepada Yang Berhormat dari Teluk Kemang mungkin dapat menjelaskan kedudukan beliau dalam Lembaga tersebut.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, mungkin dia sedia untuk memberi bantahan kepada rang undang-undang ini yang telah mencuri harta masyarakat India. Bolehkah Yang Berhormat dari Teluk Kemang berani berdiri dan menyatakan bahawa apa yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional ini adalah bukan sahaja tidak wajar tetapi adalah satu perkara yang tidak boleh diterima oleh generasi masyarakat South India dari Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa untuk pagi ini telah cukup. Boleh sambung pada sebelah petang?

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya akan sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Teluk Intan, sila sambung.

**2.32 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum kita habis pada pukul 1.00 tengah hari tadi, Yang Berhormat dari Tanjong telah menanyakan apakah pendirian Yang Berhormat dari Telok Kemang mengenai tabung ini dan saya difahamkan bahawa ahli dari Telok Kemang ini adalah satu di

antara pihak yang telah diwakili di tabung ini sebelum ia dibubarkan. Apakah pendirian beliau, apakah sebab beliau telah bersetuju kepada pembubaran ini walhal hari ini beliau membuat cadangan-cadangan, adakah ini setakat untuk menarik perhatian kepada masyarakat India supaya menjustifikasi satu perkara yang tidak boleh diterima…..

**Dr. L. Krishnan:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia bangun, Yang Berhormat.

**Dr. L. Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk saya ingin beri penjelasan. Yang Berhormat dari Tanjong tadi, dia tanya, saya jawab tetapi saya tahu Yang Berhormat dari Tanjong itu lama dalam Parlimen dan itu bukan cara di mana bila beliau minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Teluk Intan, tidak boleh tanya soalan daripada ahli-ahli lain dalam Dewan ini. Itulah sebab saya telah bangun sebab ini perkara telah timbul banyak kali, saya ingin memberi penjelasan.

Saya sebagai pengarah dalam Kumpulan Wang Buruh India ini memang saya adalah salah seorang daripada dua orang mewakili masyarakat India dalam kumpulan lembaga ini dan sebagai seorang daripada wakil tersebut, kita boleh memberi beberapa cadangan dan memanglah saya setuju semasa saya dalam lembaga itu bila cadangan timbul dalam lembaga itu untuk membubarkan lembaga itu, semua orang - bukan saya seorang, semua setuju untuk membubarkan lembaga itu kerana lembaga itu mempunyai beberapa syarat di mana lembaga tidak boleh meneruskan beberapa tindakan khas untuk masyarakat India di negara ini, khususnya masyarakat India Selatan. Di atas sebab itu, semua yang duduk dalam lembaga itu memang setuju untuk membubarkan.

Kedua, kita dari lembaga itu telah memajukan beberapa cadangan yang digunakan. Saya sebagai ahli atau sebagai wakil dalam masyarakat India, tujuan saya ialah satu sahaja iaitu aset dan kewangan dalam lembaga mesti digunakan untuk kemajuan khasnya untuk masyarakat India Selatan di negara ini. Itulah

tujuan saya, bukan sama ada lembaga itu dibubarkan atau tidak tetapi aset dan kewangan lembaga mesti digunakan untuk masyarakat India. Memang kita dalam lembaga telah menganjurkan beberapa cadangan untuk tujuan itu dan kita ada menteri yang mewakili masyarakat India ada dalam Kabinet, memang saya rasa kita telah maju dan kita mempercayai bahawa kerajaan akan meluluskan cadangan tersebut. Itulah yang saya ingin menjelaskan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hairan dengan pendirian Yang Berhormat dari Telok Kemang. Di satu stand beliau mengatakan bahawa beliau telah memberitahu kepada pihak-pihak berkenaan bahawa pembubaran ini ada dengan syarat tetapi di sini beliau nampaknya menyokong. Ini adalah satu di antara pendirian MIC di dalam Barisan. Beliau tidak tetap kepada apa fungsi mereka, apakah sebab mereka telah menjadi wakil rakyat?

Saya perlu mengingati apa yang telah dikatakan oleh K.L. Dewasat pada 1 Mei 1958, seorang presiden MIC, dengan izin, saya baca sekali lagi untuk memperingati seorang yang boleh ingat, yang perlu buat untuk masyarakat lebih kurang 31 tahun dahulu, dengan izin, *"I'm also grateful to the honourable minister for giving an assurance to this House that after this object has been fulfill, government will consider using the balance for education on all land settlement"*. Yang saya hairan inilah oleh kerana objektif perkara-perkara ini belum lagi dicapai, apakah sebab kerajaan perlu segerakan untuk mematikan fund ini. Apakah sebab? Saya percaya di antaranya ialah sebab tanah di Nibong Tebal yang sedia ada yang telah diberi oleh NTPS Arumugam Pillay.

Saya bersetuju kepada Timbalan Menteri bahawa tanah ini telah diberi semasa NTPS Arumugam itu adalah Ketua MIC tetapi apa yang tidak diberitahu oleh Timbalan Menteri kepada Dewan yang mulia ini selepas beberapa tahun beliau telah dipecat dari MIC dengan tidak ada moral untuk kerajaan mengambil tanah di mana semasa seorang memberi adalah seorang anggota MIC masa itu.

Kepada Yang Berhormat dari Telok Kemang, bukankah benar bahawa Yang Berhormat hari ini pendirian ini sangat clear mengatakan bahawa setuju kepada pembubaran tabung ini. Tetapi Yang Berhormat tidak hadir mengambil bahagian dalam satu keputusan yang telah dibuat oleh pihak-pihak yang membuat keputusan pembubaran ini pada mesyuarat yang akhir sekali. Ini menunjukkan lepas itu mengatakan bahawa 'saya setuju' itu adalah satu perkara yang sangat aneh.

Saya hairan bahawa wakil-wakil MIC boleh ada dalam Dewan yang mulia pada hari ini menyokong satu perkara yang tidak boleh diterima oleh masyarakat India. Saya berani mengatakan satu perkara di sini. Saya katakan bahawa kalau betul-betul kerajaan berniat baik kepada apa yang objektif ini oleh kerana belum dicapai, saya katakan biar kita hantar rang undang-undang ini ke Select Committee. Biar mereka membuat cadangan-cadangan yang berpatutan, biar mereka mengambil pendapat-pendapat dari seluruh negara dari masyarakat India seperti yang saya katakan sebelum ini.

Semalam di Sungai Siput, di Pulau Pinang, di Ipoh, beberapa orang masyarakat India yang tidak kena mengena dengan politik, yang ini saya perlu emphasise, dia tidak kena mengena dengan politik merasa sangat marah kepada satu keputusan yang tidak boleh diterima oleh masyarakat India. Saya tahu kerajaan ada anggota-anggota polis, special branch, mereka datang semalam, datang ke Dewan, ke Parlimen ini bila lebih 19 orang anggota NGO di seluruh negara telah datang ke Parlimen untuk menyerah satu memorandum kepada Timbalan Menteri dan masa itu ahli dari Sungai Siput pun sangat marah kerana dia tidak boleh percaya bahawa masyarakat India sudah tidak percaya kepada apa yang beliau sedang buat, tugasnya tidak berhajat baik kepada masyarakat India, yang inilah yang kita perlu faham.

Masyarakat India sekarang bukanlah satu masyarakat yang simple, yang boleh dikatakan kalau diarahkan dan menerima, itu tidak semestinya. Saya tahu kerajaan ada special branch dan sebagainya dan boleh mengambil pendapat di

seluruh negara, apakah sebab masyarakat India marah dengan satu sebab sahaja. Masyarakat India ketinggalan dalam kemakmuran yang dicapai oleh semua masyarakat. Seperti yang saya katakan sebelum ini, masyarakat South India adalah yang terlampau ramai yang tidak dapat masuk sekolah, kalau dapat masuk sekolah drop out, the highest illiteracy rate, the highest unemployment rate, alcoholic rate, squater problem dan ini adalah di antara suatu objektif telah disuarakan oleh K.L. Dewasat pada tahun 1958. Walhal objektif-objektif ini belum lagi dicapai dan apakah sebab-sebab yang boleh dikatakan munasabah, kerajaan perlu menyegerakan supaya tabung ini diberhentikan operasinya.

Saya khuatir, Tuan Speaker, saya tahu ramai di antara pihak-pihak yang ingin tabung ini dimatikan adalah kerana tanah di Nibong Tebal, tanah ini bernilai berjuta-juta ringgi. Saya difahamkan ada pihak-pihak yang ingin mengambil tanah tersebut. Jadi saya hendak satu akuan janji dari kerajaan, jikalau tanah ini diambil bolehkah kementerian memberi akuan janji. Saya sudah tidak percaya dengan akuan janji kerana akuan janji pada tahun 1958 tidak ditunaikan dan sampai sekarang, bukan sahaja tidak ditunaikan, tetapi dinafikan, enggan mengikut hasrat apa yang dikatakan oleh Menteri Buruh, Mr. Ong Yoke Lin pada tahun 1958, yang mustahak adalah ini.

Sehingga setakat ini, adakah kerajaan telah membuat satu keputusan kepada siapa tanah tersebut akan diberi dan adakah benar ura-ura bahawa tanah itu telah dipohon oleh seorang menteri untuk kegunaan beliau sendiri seperti lain-lain tab college dan sebagainya, adakah itu benar. Apakah kerajaan sedia dan rela kalau rang undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, kita sedia tahu bahawa Kerajaan Barisan Nasional ada lebih dari dua pertiga semestinya rang undang-undang ini akan mendapat penyokongan dari semua Ahli Yang Berhormat walaupun setuju, tidak setuju, faham, tidak faham, ia mesti okay, yang itu cerita lain. Tetapi bolehkah akuan janji seperti satu penyataan yang terus terang,

bolehkah harta ini tidak akan menjadi harta masyarakat India, jangan buat aniaya, jangan beri kepada orang-orang yang berkaitan dengan MIC.

Saya mohon jika tanah tersebut perlu diberi, ada sebab-sebab yang munasabah tanah tersebut perlu diberi, berilah kepada satu organisasi yang bebas seperti 19 NGO yang datang semalam. Saya rasa Yang Berhormat dari Sungai. Siput hairan sungguh semalam kerana beliau bercakap dalam bahasa Tamil, *"macam mana orang-orang ini, organisasi dari NGO memberi sokongan kepada DAP"*. Beliau telah lupa bahawa masyarakat India bukan masyarakat yang tertakluk kepada feudal system. Itulah sebabnya semalam, saya berkata kepada Yang Berhormat dari Sungai Siput, datang ke Dewan ini, debate dan justify macam mana satu keputusan yang tidak boleh diterima oleh masyarakat India, boleh membawa rang undang-undang ini. Tetapi saya rasa satu cara seorang Presiden MIC dengan senang, beliau berkata *"Ya, Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan ini belum diberanakkan pada masa saya masuk Parlimen"*. Apa kena mengena as the Indian said, dengan izin, The MIC as strap them to the fence. What else can this great Samy do, except to do nothing else but more damage.

Saya hairan kenapa menteri tersebut tidak ada pada hari ini untuk memberi keterangan lanjut bahawa kenapa beliau sebagai wakil masyarakat India telah membuat satu keputusan pada bulan Mei 1996 untuk menamatkan tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebilangan besar masyarakat India telah ditinggalkan semasa ekonomi negara melambung. Apakah kerajaan perlu buat ialah untuk menyalurkan. Saya telah mencadangkan beberapa kali di Dewan ini supaya menyalurkan sekurang-kurangnya setengah bilion ringgit kepada tabung ini kepada tabung ini, simpan tabung ini, jangan dimatikan -tambah. Semua masyarakat India akan terima dan akan menyokong Barisan Nasional, beri dan jangan takut-takut tetapi tidak rela, tidak mahu, tidak sedia, tidak akan memberi kerana masyarakat India has been the taken lot for granted. Ini, saya rasa masanya telah datang di mana satu keputusan akan dibuat dalam tempoh minggu ini.

Semua NGO yang tidak kena-mengena dengan politik seperti yang dikatakan oleh kawan saya dari Bagan pada minggu lalu, hari Ahad, lebih dari tiga ribu orang India dari seluruh negara berkumpul di Kuala Lumpur kerana marah kepada apa yang telah dibuat oleh kerajaan. Di antaranya adalah South Indian Labour Fund.

Tuan Speaker selain dari itu, saya ingin juga menyuarakan apabila menteri berkenaan Yang Berhormat dari Sungai Siput, di antara lain beliau berkata, "kita perlu ingat bahawa apa yang dibuat". Saya berkata "kita perlu ingat apa yang perlu dibuat oleh Samy adalah semasa beliau melepaskan tugas awamnya". Semalam, beliau berkata *"saya adalah orang yang telah buat banyak untuk masyarakat India". This is in discharge of public duty, this nothing very great"*, personal speaking apa, yang ini kita perlu faham. Bukan saya sahaja marah mengenai perkara ini, PPP pun tidak habis marah dengan beliau. Beliau berkata, *"No wonder a component member of Barisan Nasional, dengan izin, the MIC leader must first look behind and see how capable he is managing the MIC which has lost support from the Indian community".*

Jadi, saya katakanbeliau perlu champion the have not dalam negara ini dan jangan mengambil harta pusaka, harta kepunyaan masyarakat India oleh kerana terdapat objektif-objektif yang perlu ditunaikan kepada anak-anak buruh India Selatan yang perlu pertolongan pada masa sekarang. Jangan lupa apa yang telah diberitahu oleh menteri berkenaan pada masa itu, Ong Yoke Lin kepada K.L. Devaser. Jika kerajaan berniat untuk meneruskan dengan rang undang-undang ini, saya cabar menteri berkenaan datang ke Parlimen untuk debate. Apakah asas dan justifikasinya, saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah orang yang tidak patut membawa rang undang-undang ini. Dalam hati saya rasa, Yang Berhormat dari Sungai Siput yang berkata di lobi Parlimen semalam bahawa beliau sangat berhajat akan memberitahu semua in dan out of the dealing, dengan izin. Tuan Speaker, sebagai penutup saya berkata dengan penutupan tabung ini

merupakan memasukkan hereditary rights kaum India dalam peti mati.***Saya rasa kerajaan Barisan Nasional tidak sensitif dengan kaum India.***

Saya hendak beri satu lagi pendapat bahawa jangan menganggap masyarakat India as the gifted lot di mana boleh diarahkan membuat sesuka hati pihak Barisan Nasional. Kalau tidak percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri bila pergi keluar dari Kuala Lumpur atau sebagainya, mesti ada orang marah kerana rakyat India berpendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri sendirilah yang menyebabkan tabung ini diberhenti operasinya dan apakah justifikasi bahawa masyarakat India yang sangat susah dalam mendapat scholarship, loan dan sebagainya, objektif-objektif ini belum dicapai. Apakah sebab wang yang bermilion-milion ini boleh diambil alih oleh satu kerajaan yang tidak menyumbang satu sen pun. Kita tidak boleh lupa sumbangan masyarakat India dalam menyediakan pembangunan sejak seratus tahun di negara ini. Jangan kita menghina masyarakat ini, bukan sahaja menghina dengan tanpa memberi pertolongan secara yang saya katakan tetapi dengan sengaja mengambil harta kepunyaan masyarakat India. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kapar.

**2.53 ptg.**

**Dr. G. Leelavathi [Kapar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kumpulang Wang Buruh India Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah kita semua sedia maklum bahawa rang undang-undang yang hendak kita perkatakan ini adalah sangat berkait rapat dengan golongan India yang kebanyakannya adalah bekerja sebagai pekerja-pekerja ladang di seluruh negara kita. Jika kita mengimbas kembali sejarah lampau berkenaan dengan negara kita, ini jelas menunjukkan bahawa golongan pekerja ladang yang dibawa masuk oleh pihak British ini adalah berasal dari India Selatan. Mereka adalah golongan yang berusaha gigih serta rajin bekerja

yang mana hasil daripada ketekunan mereka telah membuatkan begitu banyak ladang terutamanya ladang getah telah dapat dibangunkan di negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa tersebut juga, hasil keluaran negara kita adalah tertumpu kepada industri peladangan getah yang mana golongan pekerja dari India Selatan ini telah memainkan peranan yang begitu penting sekali bagi mewujudkan industri peladangan ini. Kumpulan Wang Buruh India Selatan telah ditubuhkan pada tahun 1958 yang mana tujuan utama penubuhan Kumpulan Wang Buruh India Selatan adalah untuk membantu para pekerja ladang yang berasal dari India Selatan. Bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh Kumpulan Wang Buruh India Selatan ini juga telah memainkan peranan yang begitu banyak di dalam menolong para pekerja ladang terutamanya dalam segi sosial, kebajikan, kewangan, bantuan pelajaran, bantuan kepada golongan yang tidak berupaya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, lembaga ini juga telah membiayai kos menghantar balik ke India pekerja-pekerja dari India Selatan dan tanggungan-tanggungan mereka atau anak-anak yatim keturunan India Selatan yang layak dan berhasrat berbuat demikian. Bagi buruh-buruh India Selatan dan tanggungan-tanggungan mereka yang memilih tinggal di negara ini, Kumpulan Wang Buruh India Selatan ini telah digunakan untuk menjaga kebajikan mereka. Untuk tujuan ini buruh-buruh India Selatan yang telah didaftar dengan lembaga dan tidak mempunyai keluarga yang sanggup menerima mereka telah diberi tempat penginapan dan penjagaan di Rumah Orang-orang Tua India Selatan yang bertempat di Nibong Tebal, Seberang Prai, Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan juga memberi bantuan wang tunai setiap bulan kepada mereka atau tanggungan mereka yang miskin dan berdaftar dengan lembaga yang bermastautin di merata tempat di seluruh Semenanjung Malaysia. Oleh hal yang demikian, ini telah membuktikan

bahawa Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan telah memainkan peranan yang begitu penting kepada para pekerja ladang di seluruh negara.

Pada hari ini kita semua sedia maklum bahawa Kumpulan Wang Buruh India Selatan ini akan dibubarkan dan pihak kerajaan telah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir segala aset serta sumber kewangan yang ada pada pihak lembaga. Apa yang hendak kita tekankan di Dewan yang mulia ini ialah berkenaan dengan langkah-langkah yang akan diambil bagi membubarkan lembaga ini. Saya amat mengharapkan agar lembaga yang akan dibubarkan ini dapat dipastikan bahawa segala pemindahan aset serta sumber kewangan dilakukan dengan betul serta efisien. Ini adalah amat penting kerana pihak kerajaan hendaklah memastikan bahawa perkara yang saya tekankan di atas dilakukan dengan sebaik yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya mencadangkan agar segala aset serta sumber kewangan yang ada pada Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan ini diserahkan kepada badan yang aktif dan sentiasa menjaga kebajikan serta pendidikan golongan India Selatan untuk ditadbirkan kerana badan ini boleh menggunakan segala aset serta sumber kewangan yang ada bagi membantu golongan India di negara kita. Kita semua sedia maklum bahawa pada masa ini golongan pekerja ladang yang mempunyai anak-anak mungkin amat memerlukan bantuan kewangan bagi digunakan untuk tujuan pelajaran mereka. Saya kira seandainya perkara ini berlaku, badan yang dipertanggungjawabkan tadi dapat menggunakan sumber-sumber yang ada bagi membantu golongan anak pekerja ladang amnya dan seterusnya kepada golongan India Selatan di seluruh negara kita. Kerajaan hendaklah memastikan bahawa badan yang akan dipertanggunjawabkan nanti akan melaksanakan amanah tersebut dengan telus dan seterusnya ia akan mendapat keyakinan daripada seluruh masyarakat India Selatan di negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Telok Kemang bangun.

**Dr. L. Krishnan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin meminta sedikit penjelasan. Setujukah Yang Berhormat bahawa Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan ini sehingga sekarang khasnya untuk kemajuan buruh-buruh India Selatan selain daripada apa yang diberi kepada lebih kurang 30 orang tua di Rumah Orang Tua dan sedikit elaun kepada orang-orang tua yang duduk di merata-rata tempat di kawasan dan sedikit pinjaman pendidikan diberi, itu pun diberhentikan pada tahun 1986, saya ingat pinjaman pendidikan diberi sehingga RM426,000 sahaja pinjaman pendidikan yang diberi kepada yang tidak mampu di seluruh negara.

Selain dari ini, lembaga Kumpulan Wang Buruh ini tidak membuat apa yang boleh kita banggakan kepada orang-orang India Selatan ini. Malangnya, adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju atau tidak, MIC sebagai satu badan melalui MIED telah pun memperuntukkan lebih dari RM30 juta sebagai pinjaman pendidikan kepada orang-orang India di dalam negara ini dan MIC setakat ini telah menolong lebih daripada 7,000 anak-anak India Selatan ini sehingga sekarang.

Bukankah ini menunjukkan bahawa MIC melaui badan MIED telah membuat lebih dari apa yang boleh kita banggakan di lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dr. G. Leelavathi:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat sebab lembaga ini tidak maju sekarang. Apa yang saya tahu sekarang MIED adalah sebuah badan yang menolong orang dan memberi bantuan kepada pelajar-pelajar di seluruh negara untuk kaum India. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada penjelasan lagi Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat kata dia bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang bahawa Kumpulan Wang Buruh India Selatan adalah satu kegagalan, satu failure oleh kerana tidak boleh buat apa-apa daripada segi khasnya pendidikan. Bukankah sangat aneh bahawa seorang yang anggota lembaga berdiri kata bahawa kumpulan di mana beliau seorang anggota ialah satu kegagalan. Adakah ini oleh kerana kegagalan anggota-anggota lembaga yang sepatutnya mewakili masyarakat India, tetapi sudah gagal. Bukankah ini sangat aneh?

**Dr. G. Leelavathi:** Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya tidak gagal tetapi lembaga ini berubah.

Kita semua sedia maklum bahawa pada masa ini golongan pekerja ladang yang mempunyai anak-anak mungkin amat memerlukan bantuan kewangan bagi digunakan untuk tujuan pelajaran mereka. Saya kira seandainya perkara ini berlaku, badan yang dipertanggungjawabkan tadi dapat menggunakan sumber-sumber yang ada bagi membantu golongan anak-anak pekerja ladang amnya dan seterusnya kepada golongan India Selatan di seluruh negara kita.

Kerajaan hendaklah memastikan bahawa badan yang akan dipertanggungjawabkan nanti akan melaksanakan amanah tersebut dengan telus dan seterusnya ianya akan mendapat keyakinan daripada seluruh masyarakat India Selatan di negara kita tentang peranan yang dimainkan oleh badan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan di sini agar pihak kerajaan dapat memastikan bahawa golongan pekerja ladang di negara ini dapat dipastikan tentang segala kemudahan dan kebajikan mereka. Kita tidak mahu nasib golongan pekerja ladang di negara kita masih berada di tahap lama. Kebajikan serta segala permasalahan mereka serta keluarga mereka hendaklah sentiasa diutamakan oleh pihak kerajaan.

Akhir kata, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong.

**3.05 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Buruh India Selatan (Pembubaran) 1999.

Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Dewan yang mulia ini patutlah tahu bahawa ada perasaan yang kuat dalam masyarakat India di Malaysia yang menentang rang undang-undang ini, kenapa ada perasaan marah. Pertama, ialah bahawa ketiadaan sensitiviti pihak Kerajaan Barisan Nasional mengenai hak-hak dan perasaan-perasaan masyarakat India di Malaysia dalam perkara ini. Kenapa tidak ada apa-apa jenis consultation, perundingan dengan masyarakat India, dengan badan-badan yang mewakili pelbagai lapisan masyarakat India atau adakah MIC sahaja mewakili masyarakat India.

Apa Presiden MIC kata boleh diterima sebagai hasrat dan kehendak masyarakat India. Itu silap, itu salah dan sebab itu adalah rasa kemarahan di masyarakat India, bahawa hak mereka terus diketepikan dan kita dengar bahawa adalah protes-protes, demonstrasi-demonstrasi menentang pembubaran Kumpulan Wang Buruh India Selatan ini di beberapa tempat dan ini mencerminkan satu keadaan yang Kerajaan Barisan Nasional tak patut tutup mata.

Sebenarnya saya pun hairan kenapa semalam apabila ada badan-badan NGO khasnya yang bergiat dalam masyarakat India di Malaysia datang untuk berjumpa Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai rang undang-undang ini dan mengemukakan satu memorandum yang ditujukan juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kepada Menteri Kerja Raya merangkap Presiden MIC, kepada Menteri Sumber Manusia mengenai Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan yang berbunyi, dengan izin:

> "Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan yang diluluskan pada tahun 1958 di Parlimen ialah untuk menjaga

kebajikan buruh India Selatan dan keturunan mereka. Kami difahamkan bahawa Menteri Sumber Manusia akan membentangkan satu memorandum di sesi Parlimen yang akan datang untuk menggugurkan Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan yang pada masa ini.

Dengan ini 16 pertubuhan India bukan kerajaan di Malaysia memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Dato' Seri semua agar jangan menggugurkan atau menghapuskan Lembaga Kumpulan Wang yang tersebut ini dan memastikan Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan ini ditadbir dengan lebih berkesan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

*Keenam-enam pertubuhan ialah:*

Majlis Kelab Bell Belia Tamil Malaysia,

Pertubuhan Kaunseling dan Perkhidmatan Rakyat Wilayah Persekutuan,

Malaysia Hindu Sangam,

Malaysia India Unity Association,

Malaysia Dravidiant Association,

Hindu Silva Sangam,

Malaysia India Youth Council,

Pergabungan Tamil Malaysia,

Majlis Belia Hindu Malaysia,

Malaysia Hindu Dharma Momandrum,

Dravida Nadra Kalagam Seremban,

Telegu Association of Malaysia,

Tirukural Munaibagam,

Sembaruthi Ayakam,

Persatuan Thirukural, dan

Persatuan Kebajikan Damaka."

Dengan memorandum ini sekurang-kurangnya patutlah diberi pertimbangan dalam perkara ini, tetapi bukan sahaja kerajaan tidak menangguhkan kajian atau menangguhkan perbahasan rang undang-undang ini, sebaliknya dipercepatkan dan oleh kerana rang undang-undang ini sebenarnya ialah selepas Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999 dalam Order Paper hari ini tetapi pagi ini telah dipinda supaya didahulukan, dipercepatkan.

Inilah yang menunjukkan bahawa nampak langsung pihak Kerajaan Barisan Nasional tidak hormat pandangan-pandangan rakyat atau NGO-NGO, wakil-wakil mereka yang datang ke Dewan yang mulia ini di mana ada juga berlaku satu pertengkaran antara Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dengan Yang Berhormat dari Teluk Intan dan di mana beliau kata, dia berani datang ke Dewan ini untuk mempertahankan cadangan ini tetapi tidak dilihat Yang Berhormat Menteri Kerja Raya.

*Kenapa Kerajaan Barisan Nasional begitu angkuh sehingga tidak rela memberi ruang untuk perbahasan, perundingan dalam satu perkara yang dianggap begitu penting oleh masyarakat India Malaysia. Oleh kerana Barisan Nasional sudah memerintah begitu lama dengan majoriti dua pertiga, tidak perlu memberi ruang perbahasan atau perundingan dengan sesiapa, dengan mana-mana lapisan masyarakat. Dan itulah kenapa dalam election akan datang kita patut menidakkan dan mengakhiri majoriti dua pertiga Barisan Nasional…….*

***Beberapa Ahli:*** [Boo]

***Tuan Lim Kit Siang:*** *… mengakhiri 'political hegemony', acuan-acuan Barisan Nasional.*

***Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:*** *Mimpi, mimpi.*

***Tuan Yunus bin Rahmat:*** *Jangan mimpi.*

***Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:*** *Jangan mimpilah, baliklah.*

***Seorang Ahli:*** *Mimpi sedih.*

***Tuan Lim Kit Siang:*** *…. dan kedua saya harap…..*

***Seorang Ahli:*** *Don't dream!*

***Seorang Ahli:*** *Jangan takbur!*

***Tuan Lim Kit Siang:*** *Jangan takut……*

***Seorang Ahli:*** *Chenderoh, lawan Chenderoh.*

***Tuan Lim Kit Siang:*** *…. dan lebih mustahaknya saya harap bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan lebih peka terhadap satu perasaan khasnya kepada masyarakat India dan kes ini satu contoh sahaja. Satu contoh sahaja di mana mereka rasa bahawa pandangan mereka diketepikan, diberi tempat yang sewajarnya dan mengakibatkan satu pergerakan, satu kebangkitan pada masyarakat India untuk mempertahankan hak-hak mereka. Bukan melalui kekerasan tetapi melalui cara yang sah, yang damai, yang demokrasi sebagai warganegara Malaysia.*

*Itulah sebab kenapa pada hari Ahad ada satu perhimpunan di mana lebih daripada 3,000 orang daripada seluruh negara daripada kaum masyarakat India berkumpul di mana mereka ada membuat satu tuntutan hak-hak, tuntutan masyarakat India untuk masa depan yang cemerlang di mana mereka ada menjemput semua parti pembangkang untuk memberi endorsement, sokongan mengenai tuntutan-tuntutan mereka. Parti-parti pembangkang ada menghadiri Barisan Nasional, parti-parti pemerintah ada dijemput tetapi lagilah kita lihat keangkuhan Barisan Nasional. Tidak menghiraukan tuntutan masyarakat India untuk hak-hak yang sah bahawa masyarakat India patutlah dibawa balik kepada arus perdana 'the mainstream of the development' dan tidak terus diketepikan sama ada dari segi politik, ekonomi, sosio, pendidikan, wanita, budaya dan agama - semua aspek.*

*Saya harap bahawa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sebagai antara tokoh-tokoh politik di negara ini akan boleh baca tuntutan-tuntutan masyarakat*

*India Malaysia untuk masa depan yang cemerlang supaya kita boleh berjaya untuk membina satu bangsa Malaysia. Kalau kita mahu satu bangsa Malaysia kita perlu semua kaum Malaysia, rasa mereka tidak diketepikan bahawa adalah dalam arus perdana di negara kita.*

*Kedua, lagi satu sebab kenapa ada rasa kemarahan masyarakat India mengenai usaha kerajaan untuk menutup, untuk membubar Kumpulan Wang Buruh India Selatan ialah bahawa mereka rasa Kerajaan Barisan Nasional sudah pecah amanah (a breach of trust). Begitu lama masyarakat India diketepikan, mereka dapat begitu sedikit. Sekarang apa yang tinggal? Begitu sedikit dalam Kumpulan Wang Buruh India Selatan pun akan diambil. Benar, Yang Berhormat Timbalan Menteri akan kata ini diambil oleh kerajaan dan urusan-urusan yang sekarang dijalankan oleh Kumpulan Wang Buruh India Selatan akan dijalankan oleh mungkin Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan lain-lain. Tetapi apa yang mustahak ialah yang pertama, wang itu bukan daripada kerajaan. Wang itu ialah spesifik untuk masyarakat India.*

*Kedua, tujuan mandat untuk Kumpulan Wang Buruh India Selatan bukan sahaja untuk buruh-buruh India Selatan, bukan sahaja untuk repatriasi tetapi ada luas skopnya dan ini kita boleh lihat daripada Hansard Legislative Council, 1 Mei 1958 yang sangat jelas bahawa ada skop yang sangat luas mengenai pendidikan, mengenai kebajikan untuk buruh-buruh India Selatan. Bukan sahaja mereka daripada buruh-buruh, mereka daripada India tetapi termasuk mereka yang sudah menjadi warganegara Malaysia dan anak-anak cucu mereka dalam negara kita.*

*Dalam Hansard ini menteri yang bertanggungjawab portfolio ini masa itu sekarang Tun Omar Ong Yoke Lin, masa itu Mr. Ong Yoke Lin. Tun Omar Ong Yoke Lin, masa itu Mr. Ong Yoke Lin. Dia ada sebut, dengan izin,* "that under clause 10(e) the fund may be used for any other purpose for the benefits of South Indian Labourers which may from time to time be authorized by the board after consultation and with the approval of the minister. There are those who which it

to be used for land settlement, those who which it to be used for education, those who which it to be used to help T.B. sufferers and so on. This proposal so no doubt the given very careful consideration by the board to be established".

*Adakah lembaga yang ditubuh sebelum membuat keputusan untuk membubarkan Kumpulan Wang itu menimbang opsyen-opsyen atau tujuan-tujuan ini. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat dari Telok Kemang boleh memberi penjelasan sama ada lembaga pernah kaji bahawa perlulah tugas-tugas, fungsi-fungsi lembaga termasuk aspek-aspek yang ada disebutkan 41 tahun dahulu. Dan dalam masa perbahasan ada mereka yang bangkit Yap Kim Hock, beliau bertanya dan inilah apa dia kata,* "May ask for clarification with the regard to clause 10 and this is also connection with the select reference which The Honourable Minister has mentioned the empassing that this problem a repatriation of South Indian Labourers who be demination one. He mentioned of course in this connection, there are a lot of South Indian may have chosen to become federal citizen and therefore would not need to be repatriated. In this connection, I would like to ask whether such federal citizen are untitled to any of the other benefits under this clause. Apart from repatriation which obviously they would not need on becoming federal citizen".

*Dan dalam masa menggulung perbahasan, menteri pada masa itu Mr. Ong Yoke Lin berkata,* "In replying to my Honourable friend Mr. Yap Kim Hock, I see no reason why a South Indian Labourer after its become a federal citizen should not be benefited by this fund" - *I see no reason why a South Indian Labourer after years become a federal citizen should not be benefited by this fund, termasuk anak-anak dan cucu-cucu mereka.*

Tadi kita dengar bahawa Yang Berhormat dari Telok Kemang mengatakan bahawalembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan sokong dan setuju cadangan untuk membubarkan South Indian Labour Fund, adakah itu benar? Bukankah ini satu kenyataan yang mengelirukan mislead the House oleh kerana

tidak benar. Bukan ia tidak benar, oleh kerana ada ahli-ahli anggota dalam Kumpulan Wang yang juga bersetuju mereka yang mewakili pekerja-pekerja seperti S. Raja Sageran, A. Navamagunan, mereka tidak bersteuju bukankah itu benar? Adakah Yang Berhormat dari Telok Kemang sebagai ahli anggota lembaga ini berani berdiri kata saya salah. Bukankah benar bahawa dalam mesyuarat di mana perkara ini dibincang mengenai cadangan untuk membubarkan South Indian Labour Fund bahawa ada ahli-ahli lembaga termasuk ahli-ahli pekerja Raja Segaran dan Navamagunan yang membantah, bukankah itu benar? Bolehkah Yang Berhormat terang dan tunjuk.

Tadi dia kata semua ahli-ahli bersetuju, ini tidak benar. Ia mislead the House, satu cara tindakan yang sangat tidak bertanggungjawab dan ia patut meminta maaf dan oleh kerana dia tidak patut mislead the House macam ini. Dia tidak berani berdiri oleh kerana dalam mesyuarat itu beliau langsung tidak hadir, bukankah benar? Dia langsung tidak hadir sungguhpun beliau seorang ahli anggota lembaga, benar. Kalau langsung tidak hadir mesyuarat itu dan bagaimana boleh datang ke sini untuk menceritakan apa yang berlaku dalam mesyuarat itu, itu dishonest. Inilah satu kelakuan yang tidak patut berlaku dan kalau ini boleh berlaku, kalau Dewan yang mulia ini, wakil-wakil MIC can tell untruth, cakap apa yang tidak betul, cakap apa yang sebenarnya bohong bagaimana masyarakat India boleh percaya MIC, itulah masalah. Mana mereka boleh percaya dan mereka khuatir apa yang berlaku dalam perkara ini Kumpulan Wang India Selatan di mana mereka begitu sedikit kerajaan pun mahu ambil ialah satu repeat. Telekom share hijacking 9 juta saham telekom yang patut diberikan kepada MAIKA untuk masyarakat India tetapi dihijack oleh syarikat-syarikat yang berkait ada sangkut paut, connection khas dengan Presiden MIC pada masa itu. Kita semua tahu cerita ini.

Kes Advance Personal Computers Sdn Bhd, SEBAGAI Management Sdn Bhd., Clearwear Sdn Bhd, syarikat RM2 sahaja boleh hijack sapu 9 juta saham

Telekom yang patutnya diperuntukan untuk MAIKA untuk tujuan pendidikan masyarakat India. Kalau ini boleh berlaku dalam hijacking dan masa itu bernilai RM140 juta, 9 juta saham Telekom masa itu high of KLSE, BSKL. Kalau ini boleh berlaku apa jaminan bahawa apa kita lihat sekarang ialah bukan lagi satu high jacking untuk hak-hak masyarakat India dalam South India Labour Fund akhirnya oleh syarikat-syarikat atau badan-badan yang ada connection dengan MIC dan Presiden MIC.

Kita tahu bahawa dalam 1992 wakil-wakil MIC boleh perbetulkan, kalau saya silap masa 1992 sudahlah ada usaha untuk membubarkan South India Labour Fund ambil alih aset-aset khasnya tanah-tanah yang ada di Nibong Tebal untuk tujuan MIC, bukankah itu benar? Ini ada keluar dalam surat khabar tidak boleh dinafikan itu benar. Masa itu tidak berjaya oleh kerana pada masa itu berlakulah MAIKA skandal sangat dekat mahu tunggu beberapa tahun supaya skandal MAIKA-Telekom shares tidak begitu diingati barulah berlaku sekarang, isu South India Labour Fund ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang.

**Tuan M. Kulasegaran:** Penjelasan, memandangkan apa yang kawan saya dari Tanjong Ketua Pembangkang mengatakan, menunjukkan bahawa orang-orang yang terlampau kaya dalam MIC ini ingin kaya lagi. Ini satu destiny masyarakat India, bukankah masa sudah datang bahawa orang-orang yang telah membuat tipu helah masyarakat ambil kira bahawa perasaan marah sedang berlaku dari seluruh negara. Sekurang-kurangnya menteri tersebut telah memberi akuan janji akan berada di sini, sekurang-kurangnya beliau patut datang. Nombor dua ini adalah kes seperti saya katakan dahulu ‘harapkan pagar, pagar makan padi’ dimana harta pusaka masyarakat India digalakkan oleh Presiden MIC untuk diguna khas. Nampaknya ada konspirasi bermula dari tahun 1992 dimana harta di Nibong Tebal diingini bahawa kepunyaan dia sendiri, dan apakah accountability dan apakah yang sedang dibuat oleh ACA dalam perkara ini dan apakah sebab masyarakat

India ini boleh ditipu helah oleh seorang Presiden MIC walhal semalam dia kata there is no better person than me doing the best for the Indian.

**Tuan Lim Kit Siang:** Semua ini ialah sebenarnya menjadi soalan-soalan pada masyarkat India, semua rakyat India tanya menanya. itulah sebab ada perasaan marah oleh kerana ketidakpercayaan lagi bukan sahaja kepada MIC tetapi kerajaan Barisan Nasional yang boleh dilihat ketepikan hak-hak rakyat jelata semua kaum supaya segelintir orang yang atasan boleh menjadi kaya raya, boleh dapat semua keuntungan dan kepentingan dan lagi satu sebab kenapa kurang kepercayaan keyakinan masyarakat India ialah terlalu banyak kali hormat maruah, harga diri masyarkat India dihinakan.

Insiden yang terbaru ialah di mana seorang menteri kanan yang boleh dengan terus terang menghinakan kaum pekerja-pekerja estet dengan perkataan, *"Tak tahulah apa mereka buat di belakang pokok getah"* Ini the latest sahaja dan dalam Dewan yang mulia ini kita ada Ahli Parlimen yang selalu ada bangkit menggunakan perkataan-perkataan di mana tidak hormat maruah masyarakat kaum India. Saya tidak mahu sebut orang atau insiden sama ada khasnya apabila banding dengan ada kata-kata *" Bila jumpa seorang India dan seekor ular, hentam orang India dahulu"* Ini semua saya rasa kita perlu ubah mind set kita untuk hormat semua lapisan masyarakat yang ada dalam Malaysia dan antara hormat dengan ada satu perubahan mind set, kita perlulah lebih sensitif, lebih peka terhadap perasaan-perasaan rakyat dan di sini masyarakat India mengenai pembubaran South India Labour Fund. Kenapa perkara ini tidak boleh dirujuk balik kepada masyarakat India. Memberi peluang masyarakat India, pihak NGO mengadakan satu consultation, satu feedback, tidak bolehkah?.

Atau adakah ini akan mengganggu schedule orang-orang tertentu untuk ambil alih tanah di Nibong Tebal. Tidak boleh tunggu lagi. Adakah beliau khuatir mungkin dalam election akan datang akan kalah. Tidak boleh tunggu? Patutlah satu proses lebih terbuka, lebih transparent diadakan dan saya harap bahawa nanti

apabila Yang Berhormat dari Teluk Intan kemukakan cadangan bahawa rang undang-undang ini dirujuk kepada Select Committee bahawa Dewan ini boleh bersetuju, kalau tidak kita mahu tanya, kenapa tidak boleh tunggu. Tidak boleh tunggu apa sebab yang begitu mendesak sehingga kita tidak boleh rujukkan perkara ini, bil ini kepada satu Select Sommittee.

Akhirnya, saya harap khasnya wakil-wakil MIC pun boleh setuju, rujuk perkara ini kepada satu Select Committee, dengan izin sebelum kita lulus, selain daripada ada agenda-agenda yang tidak boleh ditunggu. Sebab kalau begitu, akan tunjuk bahawa ada niat yang tidak ikhlas dan tidak jujur dan tentulah kemarahan masyarakat India boleh difahami.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**3.35 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Parlimen yang membahaskan rang undang-undang ini dengan panjang lebar dan penuh emosi, khususnya daripada rakan-rakan dari parti pembangkang, Yang Berhormat dari Tanjong, dari Teluk Intan, dari Bagan dan juga sokongan yang diberi daripada rakan-rakan Yang Berhormat dari Kapar dan dari Telok Kemang.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau masyarakat termasuk Ahli-ahli Parlimen dari parti pembangkang mengetahui niat sebenar kerajaan membubarkan fund ini ataupun tabung ini maka mereka tidak akan membawa hujah-hujah sebegitu dan juga masyarakat India yang di luar yang dikatakan 3,000 orang berhimpun menentang mungkin tidak akan marah kepada pihak kerajaan. Niat asal kerajaan membubarkan fund ini ataupun tabung ini ialah untuk memberi ataupun membawa seperti mana yang wakil dari Tanjong kata tadi membawa masyarakat India Selatan ke dalam arus perdana pembangunan negara. Dari itu

berasaskan dengan hujah bahawa 14 ekar tanah dengan nilai RM2.36 juta itu tidak cukup dan tidak mempunyai quantum yang cukup untuk membangunkan masyarakat India Selatan di kalangan pewaris-pewaris pekerja ladang dan juga pekerja-pekerja lain dari India Selatan, maka dengan inilah kerajaan membubarkan dan menentukan bahawa eset-eset ini digunakan untuk pembangunan mereka.

Ingin saya nyatakan satu persatu apa yang hendak digunakan oleh pihak kerajaan yang diambil keputusannya oleh Kabinet. Pertama sekali tanah yang ada di Nibong Tebal itu akan digunakan untuk membangunkan institut latihan bagi faedah kaum India Selatan dan institut latihan ini akan didedikasikan untuk memperingati jasa Datuk Arumugam Pillay yang mendermakan tanah itu. Dan ini akan menelan belanja lebih daripada RM2.36 juta dan tanah ini seperti mana yang disangkakan akan diambil oleh pemimpin-pemimpin India daripada parti MIC adalah tidak benar, kerana ianya akan digunakan untuk membina sumber manusia kaum India Selatan dan juga anak-anak cucu mereka. Ini adalah satu investment ataupun pelaburan jangka panjang yang boleh membawa mereka balik ke dalam arus pembangunan negara.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini patut…

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*.

**Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar:** Nanti, bagilah saya peluang dulu, bagi saya gariskan apa yang kerajaan hendak buat, saya bagi peluang kepada Yang Berhormat.

Yang kedua, waris ataupun beneficiary kepada fund ini hanya 18 orang di dalam institusi dan juga 47 orang di luar institusi, waris yang berdaftar, waris yang berhak menerima wang ini. Dan 18 di dalam institusi dan 47 orang di luar institusi adalah orang-orang yang telah meningkat umurnya yang telah 70 tahun ke atas yang lebih tua daripada kita di sini. Dan wang itu apabila mereka - di dalam pentadbiran embaga yang mana Ahli dari Telok Kemang menjadi ahlinya mereka

mendapat saraan yang lebih kecil daripada apa yang mereka boleh mendapatinya di dalam skim kebajikan masyarakat di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Misalannya, apabila mereka duduk di dalam institusi di bawah kelolaan lembaga, mereka hanya mendapat RM50 cash selain daripada saraan hidup yang lain. Tetapi kalau mereka duduk di dalam rumah kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat di Bidong ataupun di Perak mereka mendapat RM75 lebih iaitu mereka dimasukkan ke dalam arus pembangunan dan arus skim kebajikan negara. Jadi dua perkara ini mesti diingat dan mesti diberitahu kepada semua kaum India Selatan supaya mereka mengetahui iaitu niat baik kerajaan untuk membawa mereka masuk ke dalam arus pembangunan, the main streams development of the nations. Sekarang mereka dipinggir. Hanya RM2.36 juta dengan 14 ekar tanah, apa boleh buat, dengan waris-waris kaum India Selatan.

Kalau Yang Berhormat hendakkan itu diteruskan, itulah duit tetapi kerajaan ingin mengambil itu, kerajaan tidak berhasrat hendak mencuri seperti mana Yang Berhormat dari Teluk Intan mengatakan, walau satu sen pun. Kerajaan akan membesarkan lagi kemudahan iaitu the economic generated by this 14 acres and the RM2.6 million dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi ini asas yang saya hendak jawab. Jadi kalau Yang Berhormat dapat menerima niat baik kerajaan dan percayalah kerajaan tidak akan mencuri malah pemimpin MIC tidak akan mencuri walaupun seinci tanah yang dikatakan itu. Jadi saya bagi peluang kepada Bagan dulu.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa tanah di Nibong Tebal akan digunakan untuk mendirikan sebuah sekolah teknik. Adakah kerajaan akan membiayai segala perbelanjaan sekolah ini, atau sekolah ini adalah sekolah yang didirikan oleh pihak swasta dan tabung atau fund nya akan dijana dari kalangan rakyat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat baca rang undang-undang yang diberi kepada Yang Berhormat,

semuanya akan diambil alih oleh kerajaan, duit tunai dan juga tanah. Maksudnya kerajaanlah yang akan mendirikan semuanya, bukanlah hendak beri kepada swasta. Kerajaan akan mendirikannya, jadi inilah yang dijanjikan oleh kerajaan.

Jadi, kalau kerajaan ambil dan beri kepada swasta, tidak ada dalam peruntukan rang undang-undang yang dibentangkan ini. Jadi, tanggungjawab kerajaan iaitu niat kerajaan adalah untuk memperluaskan atau membawa balik kaum India Selatan dari pinggir pembangunan negara ke dalam mainstream pembangunan negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teluk Intan.

**Tuan M. Kulasegaran]:** Bolehkah Yang Berhormat beritahu mengenai tanah yang sedia ada di Nibong Tebal ini, bila diusahakan dan untuk siapa dan masyarakat manakah ia akan diberi untuk mengendalikan perkara ini kerana saya katakan ini, saya tahu sebelum ini Yang Berhormat telah mengatakan bahawa niat kerajaan adalah untuk mengambil alih tetapi yang kita tahu banyak pemaju bila tanah yang patut diserahkan kepada kerajaan atau macam mana tanah itu boleh dijual dan pihak-pihak yang berkenaan telah untung. Jadi, dalam hal itu, untuk tidak terjadi perkara macam itu.

Yang kedua, saya telah beberapa kali debate dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa South Indian ini, definisi ini bukan yang minimum construction of South Indian meaning Yang Berhormat kata, ia termasuk semua descendent di negara ini. Kita ada hak, di antaranya adalah semua mewakili, mengatakan bahawa hasrat kami ialah bahawa wang ini boleh disimpan seperti yang sedia ada dan selepas itu kerajaan membiayai. Kenapa kerajaan tidak boleh tolong, kenapa kerajaan tidak boleh seperti yang saya cadangkan beri wang untuk mengimplementasi apa yang dihajatkan dari dahulu itu, kenapa?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Teluk Intan ini tidak dengar betul-betul apa yang saya katakan tadi

iaitu wang itu diambil oleh kerajaan, tanah aset itu diambil oleh kerajaan, kerajaanlah yang akan membangunkan. Jadi, bukan hendak kata hendak beri kepada sesiapa, tidak. Kerajaan ini, saya dapat nota daripada menteri saya, ini akan dibangunkan di tapak pembangunan Institut Latihan Teknik kepada kaum India Selatan. Bila saya kata tadi ini iaitu direct beneficiary hanya 18 campur 47 tetapi saya katakan tadi pembangunan yang akan dilakukan oleh kerajaan adalah untuk beribu-ribu anak termasuk Yang Berhormat, keluarga daripada keturunan India Selatan.

Jadi, itu yang saya maksudkan, bukan saya katakan 18, 47 sahaja. Saya kata, wang yang ada itu sekarang ini digunakan untuk 18 campur 47 dan 700 yang diberi biasiswa dan juga pinjaman yang disebutkan Yang Berhormat dari Teluk Kemang tadi. Jadi, Yang Berhormat fahamlah, saya kata bukan 18 campur 47 tetapi kesemua waris-waris kaum pekerja India Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi di sini kalau Ahli Yang Berhormat daripada parti pembangkang dapat menerima apa yang saya katakan tadi, tujuan dan niat kerajaan untuk pembangunan orang India Selatan. Jadi, saya hanya dapat kata disini bahawa hujah-hujah yang dibawa oleh sahabat saya dari Teluk Intan adalah berasaskan kepada landasan yang palsu, dia kata kerajaan merompak dan menghina kaum India Selatan. Apakah hendak membangun kaum India Selatan ini merompak dan menghina? Kita tidak pernah menghina kaum India Selatan, kerajaan mengakui malah rakyat Malaysia mengakui sumbangan kaum India Selatan di dalam pembangunan ekonomi, khususnya ekonomi perladangan di Malaysia sepertimana kata Yang Berhormat dari Bagan tadi.

Jadi, kita mengetahui bukan Yang Berhormat sahaja…..

**Tuan Yang di-Pertua:** Teluk Kemang bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Bukan Yang Berhormat dari Bagan sahaja tetapi keseluruhan Ahli Parlimen mengakui sumbangan yang besar diberi oleh kaum India Selatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. L. Krishnan:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Saya pun begitu tertarik. Saya mesti mengucapkan terima kasih kerana kementerian begitu berusaha untuk mendirikan satu institusi di atas tanah yang didermakan oleh mendiang Dato' Arumugam Pillai itu. Saya ingin tahu adakah balance kewangan dalam lembaga ini iaitu lebih kurang RM2 milion cukup untuk mendirikan satu institusi atau adakah kerajaan berhasrat untuk tambah lagi kewangan untuk mendirikan satu institusi yang begitu canggih untuk kegunaan masyarakat India Selatan ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya wang yang akan diperuntukan itu adalah kurang daripada RM2.36 juta kerana pada masa ini sebanyak RM378,000 daripada wang ini perlu diberi kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk tujuan membiayai saraan orang tua yang penjagaan mereka diambil alih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan kalau hendak ikut katalah tinggal RM2 juta tidak cukup. Satu institut yang besar, yang canggih untuk melatih anak-anak kita dari keturunan India Selatan memerlukan berpuluh juta ringgit dan inilah satu bentuk pembangunan Yang Berhormat dari Teluk Intan cadangkan iaitu Yang Berhormat cadangkan terlalu banyak RM500 juta. Ini satu bentuk pembangunan sepertimana juga pembangunan kaum-kaum lain, iaitu satu bentuk pembangunan yang mana kerajaan akan melabur di dalam….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Teluk Intan bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Duduk dulu. Yang kerajaan akan melabur, membina dan mengeluarkan tenaga-tenaga mahir dan tenaga intelek daripada anak-anak kaum India Selatan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada dua soalan saya. Yang pertama, saya

kurang faham, adakah bangunan yang disiapkan ini, selepas disiapkan digunakan oleh semua masyarakat termasuk yang bukan orang-orang India Selatan. Kalau sedemikian, asas dan rasionalnya tidak boleh diterima kerana wang ini adalah kepunyaan masyarakat South India. Kalau bangunan itu dibina oleh kerajaan di tanah kerajaan, itu soal lain. Ini macam wakaf, that is the difference in that, yang itu kita perlu faham.

Yang kedua, saya sudah baca *Hansard* ini tahun 1958, pada 1 Mei 1958, bukankah menteri masa itu memberitahu kepada Dewan ini bahawa wang-wang ini akan digunakan, bila disoal oleh K.L. Dewasat, iaitu seorang Presiden MIC. Dia mengatakan bahawa wang-wang ini akan digunakan untuk educational and land settlement dan kenapa pula ia perlu dibubarkan. Itu yang masyarakat India tidak faham dan ini tidak boleh diterima. Jadi, inilah dua penjelasan yang saya perlukan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, wang RM2 juta itu tidak cukup untuk membuat foundation mana-mana institusi yang besar. Jadi, kalau kerajaan terpaksa menambah, maksudnya bukan sahaja orang India Selatan, orang India Selatan bukanlah ramai sangat tetapi perlu kerajaan mencampurkan dengan kaum-kaum yang lain tetapi persoalannya ianya dibuat di atas primary concerned, dengan izin, for anak-anak keturunan India Selatan. Jadi, Yang Berhormat daripada sekarang pun hendak buat ethnic cleansing. Sebelum apa jadi, RM2 juta apa boleh buat Yang Berhormat, kalau kerajaan bubuh RM50 juta lagi. Jadi, persoalannya sekarang Yang Berhormat sebelum berlaku apa-apa, Yang Berhormat sudah minta macam-macam syarat, kita lakukan dahulu, selepas itu kita bincangkan dalam Dewan ini.

Jadi, sebelum dilakukan Yang Berhormat sudah 'jumps the gun', sudah preempt masalah-masalah Yang Berhormat ini, katalah kita bina satu institusi yang capacitynya 500 orang, yang ada hanya 200 orang anak India Selatan, takkan kita hendak kosongkan 300 lagi. Apakah Yang Berhormat terima logik itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih. Minta penjelasan. Jikalau sekolah dibiayai oleh kerajaan, tanah diberi oleh kerajaan untuk institusi latihan industri untuk semua kaum, memang semua orang akan menyokong tetapi ini adalah hartanah dan harta yang terhad yang dikutip satu sen demi satu sen daripada penjaja roti, penjaja barang-barang secondhand, daripada orang-orang yang bawa tongkang tetapi kini telah diambil alih oleh kerajaan dan dibuka kepada semua kaum. Bukankah ini satu tindakan di mana hartanah dan harta terhad yang dimiliki oleh orang-orang India Selatan ini diambil alih dan dibahagikan kepada semua orang? Kalau itu belanja dari kerajaan berbekal kepada sekeping tanah membuat sebuah institusi latihan yang besar dan dibuka untuk semua golongan maka semua orang akan gembira dan akan menyokong, tetapi hal ini yang terjadi adalah lain.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Yang Berhormat hendak mencadangkan kepada saya hanya institusi yang kosnya RM2 juta sahaja untuk orang India Selatan?

**Tuan Lim Hock Seng:** Bukan. Apa yang sedia ada biarkan, jikalau kerajaan ada hasrat untuk membantu berilah lagi banyak peruntukan dan segala pertolongan-pertolongan yang boleh demi untuk tujuan yang asal sahaja.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Itu yang saya katakan kerajaan akan memberi bantuan lagi, RM2 juta mana cukup – RM2 juta buat longkang pun tidak cukup Jadi, Yang Berhormat janganlah terlalu dibawa-bawa dengan emosi. Wang ini dibayar oleh majikan dan tuan-tuan ladang, bukan dibayar oleh penyumbang-penyumbang daripada pekerja India Selatan. Yang Berhormat, sampai bawa tongkang – tidak masuk dalam itu.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Speaker, semasa beliau memberi jawapan kepada saya, saya rasa Yang Berhormat telah menggunakan satu perkataan yang

tidak boleh diterima oleh saya dan masyarakat India – ethnic cleansing. Saya rasa itu sangat menyedihkan saya dan saya rasa Yang Berhormat pun Timbalan Menteri kawan karib saya tetapi saya rasa ini – jangan. Saya rasa ini patut ditarik balik kerana ini satu perkara yang sensitif, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak berapa tahu nafas dan perasaan (feeling) di luar Dewan ini, jangan kita cari fasal. Saya minta penarikan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan ethnic cleansing itu di dalam semangat metaphorical. Kalau Yang Berhormat berasa itu adalah satu perkara yang offensive - saya tarik balik. Okey. Kita berbincang dengan elok kerana Yang Berhormat sendiri pun terbawa-bawa dengan emosi sampai salah information. Wang ini dibayar oleh majikan dan juga pemilik-pemilik ladang, bukan dibayar oleh pembawa tongkang dan lain-lain lagi. *[Yang Berhormat dari Teluk Intan berdiri]* dak, dak, Yang Berhormat dari Bagan nun…..

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya boleh jawab. Yang Berhormat, ada buku yang ternyata mengenai South India Fund. Kalau kita tengok balik EPF dan sebagainya semuanya mula asas dari perkara seperti ini. Dari tahun 1907 bila bermula masyarakat India yang dibawa dari South India, bila mereka dibawa dan perlu dihantar balik, pihak majikan pada masa itu orang-orang Putih berpendapat bahawa kalau kita mengutip wang dari pekerja-pekerja mereka hanya mendapat lebih kurang 50 sen sehari gaji, 20 sen, 50 sen dan mendapat satu sen, dua sen pun susah, jadi majikan dengan rela mengatakan bahawa mereka akan bayar dua bahagian mereka dan bahagian pekerja dan kita perlu tahu ini merupakan asas yang mengatakan walaupun pekerja tidak dibayar, indirectly majikan telah bersetuju bahawa pembayaran akan dibuat oleh mereka.

Keduanya, there is no contribution satu sen pun dari kerajaan, jadi mereka tidak ada haklah untuk mengambil harta ini. Inilah yang saya katakan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kerajaan tidak akan mengambil harta itu. RM2 juta kerajaan hendak ambil buat apa? Tetapi kalau Yang Berhormat menekankan itu saya beri hanya sebagai satu contoh (example). Kerajaan sudah mengatakan bahawa ianya akan menggunakan tanah ini untuk membangunkan satu institusi latihan kepada anak-anak orang India Selatan yang pastinya akan melebihi RM2.36 juta.

*Jadi, persoalan detail itu menjadi satu isu yang lain – yang hendak saya tekankan di sini ialah apa yang saya katakan tadi ialah kerajaan ingin menarik kaum India Selatan kepada arus perdana pembangunan negara. Jadi, yang saya katakan tadi iaitu bahawa apabila kerajaan membuat keputusan ini kita mengambil sensitiviti kaum India Selatan kerana MIC adalah satu parti di dalam kerajaan dan kerajaan tidak memandang perlunya diadakan satu referendum terbuka kerana kerajaan ingin berbuat baik – ingin menambahkan resources kepada anak-anak kaum India Selatan itu. Kalau kita ingin berbuat baik dan ianya pasti akan diterima baik oleh kaum India Selatan. Cuma persoalannya ialah salah faham mengenai penggunaan aset-aset ini.*

Jadi, apa yang saya katakan tadi RM2 juta untuk digunakan - itu sebagai contoh tetapi kalau Yang Berhormat tidak mahu gunakan RM2 juta, tetapi kalau kerajaan kata ia hendak bina juga, ia akan bina – RM50 juta ke, RM100 juta ke, institusi di situ. Jadi, persoalan yang titik bengek ini janganlah jadi satu polemik yang mencetuskan emosi Ahli Yang Berhormat dari Bagan dan Yang Berhormat dari Teluk Intan.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Penjelasan. Terima kasih, Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi aku janji di Dewan yang mulia ini bahawa bila-bila masa pun tanah tersebut tidak akan diserahkan kepada

pihak individu, lebih-lebih lagi pihak-pihak dari MIC yang dikatakan telah memohon tanah tersebut pada tahun 1992. Adakah aku janji ini boleh diberi satu pengisytiharan bahawa kerajaan tidak akan memberi tanah ini?

***Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:*** *Saya pada mula tadi hendak beri aku janji tetapi Yang Berhormat sendiri dalam ucapan Yang Berhormat kata Yang Berhormat tidak percaya kepada kerajaan, tidak perlu buat aku janji, saya hendak buat aku janji macam mana? Kalau Yang Berhormat kata percaya kepada kami tadi, awal-awal tadi saya buat aku janji. Tetapi Yang Berhormat kata tidak percaya. Saya mengaku, sepuluh kali mengaku pun Yang Berhormat tidak percaya.*

**Tuan M. Kulasegaran:** Bukan. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya percaya tetapi kerajaan saya tidak tahu. Dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri *[Ketawa]* kerana kalau saya baca *Hansard*……

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya bukan kerajaan, kerajaan adalah……

**Tuan M. Kulasegaran:** *Hansard,* di *Hansard* ini, *Hansard* tahun 1958, macam mana kita hendak jawab?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Satu, satu, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Okay, Yang Berhormat, dari segi capacity saya hendak buat aku janji di sini, saya hanya Timbalan Menteri tetapi saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat bahawa niat kerajaan adalah baik dan apa yang saya katakan tadi ianya tidak akan membawa keuntungan kepada mana-mana individu – okay? Yang Berhormat minta saya lakukan satu-satu yang tidak boleh saya lakukan. Macam Puteri Gunung Ledang minta Sultan Melaka hantar hati nyamuk sedulang, mana boleh! *[Ketawa].*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan di sini bahawa apa yang dicakapkan, saya akan mengambil notis tentang apa Yang Berhormat katakan tadi

dan kerajaan akan mengambil ingatan mengenai apa Yang Berhormat semua mengatakan sebab kita ingin tengok masyarakat India Selatan mendapat haknya di dalam negara kita yang mana semua seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong – satu bangsa Malaysia yang mendapat hak masing-masing mengikut satu sistem pembahagian yang adil.

*Ahli Yang Berhormat dari parti kerajaan iaitu Telok Kemang dan Kapar bertanya mengenai kegunaan wang, saya sudah katakan tadi iaitu RM340,000 diambil untuk pembayaran dan yang lain itu akan diletakkan di bawah akaun kerajaan sebelum ianya direncanakan penggunaannya.*

*Mengenai tanah juga saya sudah jawab, Yang Berhormat tanya tadi. Apakah rancangan kerajaan juga sudah saya jawab dan saya telah menjawab semua perkara Yang Berhormat tanya apabila saya cuba menenangkan hati tiga orang Ahli Yang Berhormat daripada parti pembangkang mengenai hal ini. Dengan itu sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap. Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya bangun atas Peraturan Mesyuarat 54(2), saya pohon agar mengikut peraturan tersebut bahawa rang undang-undang ini dihantar ke Jawatankuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada permohonan daripada Ahli Yang Berhormat dari

Teluk Intan supaya rang undang-undang dirujuk kepada Komiti. Saya kemukakan masalah ini kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan tidak disetujukan

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Fasa 1 hingga 11 -**

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Speaker, saya telah menyerahkan satu notis, adakah ia dibentangkan sekarang?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sekarang kita di Fasal 1 dan Fasal 2.

**Tuan M. Kulasegaran:** Fasal 1 hingga 11?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Fasal 1 sampai 2 dulu. Saya telah menerima satu pemberitahu berkaitan dengan pindaan usul Yang Berhormat yang ingin meminda Fasal 3. Saya telah meneliti usul pindaan Yang Berhormat dari Teluk Intan, nampaknya pindaan Yang Berhormat cadangkan itu bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 57(3) yang menyatakan bahawa pindaan yang dicadangkan tidak boleh bercanggah dengan usul yang asal fasal-fasal. Jadi saya tidak dapat menerima pindaan Yang Berhormat kemukakan berkaitan dengan Fasal 3.

**Tuan M. Kulasegaran:** Fasal 53 Saya tahu peraturan..

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Peraturan Mesyuarat 57(3) “Tidak boleh dicadangkan pindaan yang berlawanan maksudnya dengan sesuatu fasal.” Pindaan Yang Berhormat cadangkan ini adalah berkaitan dengan shall continue, sedangkan bil yang kerajaan kemukakan ini meminta akta

ini dimansuhkan. Jadi ia bercanggah Yang Berhormat. Kita tidak boleh terima pindaan ini

**Tuan M. Kulasegaran:** Seperti yang saya tahulah jika bercanggah dengan Prinsipal Act sedemikian apa yang dikatakan oleh Datuk Speaker tetapi bukan kepada cadangan kerana perkara ini bukan lagi sudah jadi satu undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia. Jika telah diluluskan, kalau saya membawa satu perubahan atau satu cadangan yang bercanggah dengan the Prinsipal Act yang itu adalah seperti yang dikatakan, tertakluk kepada itu. Kalau tidak , tidak. Itulah saya ingin katakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Mengikut tafsiran saya Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 57(3) ini jelas bahawa apabila kerajaan membawa satu rang undang-undang ini dan ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ingin meminda, pindaan itu tidak boleh bercanggah. Ertinya berlawanan dengan maksud asal bil yang dibawa. Jadi itulah maksud yang sebenar. Tidak boleh Yang Berhormat, saya tidak dapat benarkan, yang 5 itu kita boleh benarkan.

Fasal 3 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

**Fasal 4 –**

**Tuan M. Kulasegaran:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu Dewan yang mulia apakah harta-harta yang sedia ada kepunyaan South Indian Fund?. Kerana saya difahamkan selain dari harta ialah immoveable property yang sedia di Nibong Tebal. Ada juga harta di dua negeri yang lain yang dikatakan dipegang oleh trustee? Adakah ini benar? Kalau sedemikian apakah harga nilai harta tersebut kerana saya difahamkan harta itu adalah lebih kurang RM11 juta.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, yang saya tahu di sini hanya harta tanah 14 ekar di Nibong Tebal itu dan juga wang tunai yang disimpan dalam fixed deposit di bank sebanyak RM3.26 juta. Lain-lain harta tidak diberi

kepada saya. Kalau Yang Berhormat ingin tahu saya akan selidik dan akan beri kepada Yang Berhormat sedikit masa nanti.

Fasal 4 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

**Fasal 5 -**

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Datuk Speaker. Saya mencadangkan satu tambahan subfasal 5(3) yang berbunyi sedemikian. "That the government shall table a yearly report on the usage and purpose of the fund to Parliament". Datuk Speaker, saya berpendapat ini adalah setelah saya berunding dengan beberapa NGO bahawa walaupun kerajaan sekarang sangat berkuasa, iaitu ada majoriti lebih 2/3, bermakna mereka boleh buat apa sahaja yang mereka fikirkan yang baik pada pandangan mereka. Walaupun sedemikian saya tertakluk kerana ini adalah sistem demokrasi kita. Tetapi oleh kerana wang movable dan immovable properties, yang alih dan yang tidak alih, adalah kepunyaan masyarakat South India, maka tiap-tiap tahun seperti yang telah berlaku sejak Parlimen bersidang bahawa semua report itu diberi kepada semua ahli Parlimen. Maka selepas wang ini diambil alih oleh kerajaan bukankah kewajipan kerajaan supaya menunaikan hasrat dan objektif di mana tabung ini mula-mula disediakan. Maka hasrat saya dan pandangan masyarakat umum India dan NGO-NGO adalah sekurang-kurangnya kalau kerajaan yang tidak mengambil kira bahawa harta benda perlu di'maintain' dengan status quo.

Tetapi jika disalurkan kepada kerajaan dengan tidak rela hati masyarakat India sekurang-kurangnya bahawa harta-harta dan apakah, dimanakah, dengan siapa, adakah harta-harta ini akan diberikan kepada pihak-pihak yang berkenaan dengan MIC yang telah memberi sokongan dan pendapat mereka dalam tahun 1992 ingin mengambil harta untuk mengelak semua conflict of interest dan sebagainya. Adakah kerajaan patut memberi satu naskah setiap tahun report kepada Dewan yang mulia ini supaya kita dapat mengenal pasti apa yang dibuat oleh kerajaan adalah dari segi trustee custodian relationship bahawa mereka

mengiktiraf wang ini adalah kepunyaan masyarakat South India dan akan digunakan kepada objektif-objektif yang ada kena mengena dengan South India. Jadi bila perkara-perkara ini diberi, report-report ini diberi, kita dapat meneliti dan tahu apakah yang dibuat oleh kerajaan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Nanti sekejap Yang Berhormat, ini pindaan. Saya kena kemukakan untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan seperti mana yang dicadangkan tadi terbuka untuk dibahas. Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, [Ketawa] Padang Terap anggap dia boleh lulus dengan begitu sahaja, tunggulah sekejap. Sebenarnya kita anggap yang Padang Terap ini dia lebih peka kepada accountablity. Kerana latihan di Kementerian Kewangan itu nampaknya sudah begitu cukup untuk menjadikan dia lebih telus dan accountable. Inilah usaha DAP bukan sahaja kita bincang dengan badan-badan bukan kerajaan bahkan juga dengan sesiapa sahaja dan kita sendiri di dalam DAP berbincang hal-hal bagaimana kita boleh memperbaiki keadaan yang kurang telus dan kurang bertanggungjawab.

Walaupun ada di sini disebutkan mengenai perpindahan harta yang pertamanya mengenai semua tanah yang sebelum tarikh yang ditetapkan adalah terletak hak pada lembaga hendaklah pada tarikh ditetapkan terletak hak pada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi maksud-maksud kerajaan. Walaupun ada kaedah untuk memindahkan semua tanahnya tetapi ini tidak semestinya menunjukkan accountability. Cuma satu kaedah untuk menguruskan tanah ini dan tambah pula ada yang subsection dua semua harta dan aset selain tanah sebelum tarikh ditetapkan adalah terletak hak pada lembaga atau pada mana-mana hak dan badan yang bertindak bagi pihaknya hendaklah pada tarikh itu terletak hak pada kerajaan.

Memang ini dari segi prosedur kerajaan, itu saya tidak boleh nafi, ini memang mengikut prosedur kerajaan tetapi di sini saya tidak nampak pindaan semua rang undang-undang untuk membubarkan ini tidak menunjukkan bagaimana pihak kerajaan akan lebih bertanggungjawab, lebih telus. Sebab itulah saya sokong pindaan yang dibentangkan oleh pihak Yang Berhormat dari Teluk Intan untuk mengemukakan laporan tahunan di dalam Dewan yang mulia ini setiap tahun supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat meneliti apakah yang telah dibuat oleh pihak embaga untuk memajukan atau menguruskan wang buruh India Selatan. Sebab itulah saya sokong pindaan ini dan saya pun berharap Yang Berhormat dari Padang Terap dengan latihan yang tidak begitu panjang, saya ingat tidak cukup dua tahun di kementerian, empat tahun. Patutlah empat tahun, selepas empat tahun pun dengan accountability kurang, masih samar-samar lagi, masih tidak begitu jelas, apakah maksudnya ketelusan dan accountability. Sebab itulah kita perlu beri peringatan kepadanya supaya dia benar-benar berlatih dan berlajar dengan lebih mendalam untuk menguruskan wang di negara ini.

Sekian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin**]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan di dalam kertas pemberitahu hendaklah disetujukan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Belum jawab, Menteri belum jawab!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin**]: Yang Berhormat, tidak perlu dijawab kerana pindaan ini dicadangkan dan dibahas, ia tidak perlu dijawab. Kita kena kemukakan kepada Dewan sama ada bersetuju atau tidak.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak sudi menjawab, tidak sudi.

**Tuan M. Kulasegaran:** Dia sudi menjawab lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, tidak ada peruntukan yang memperuntukkan bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat harus dijawab, terpulanglah.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya jawab…

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Mengikut peruntukan yang ada ….

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: .** Cuma saya tidak perlu diadakan pindaan ini kerana Tuan Pengerusi, seperti mana yang sedia maklum segala perolehan dan perbelanjaan kerajaan dibentangkan di dalam Parlimen, bukan di mana-mana, di Parlimen, di kedua-dua buah Dewan. Jadi adalah redundant kalau hendak dimasukkan apa Yang Berhormat cadangkan itu. Jadi tidak perlu dan kami tidak setuju ianya dimasukkan di bawah Fasal 5.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini bermakna…

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat…

**Dr. Tan Seng Giaw:** …setiap tahun satu laporan akan dibentangkan. Adakah itu jawapannya?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ya, laporan yang dibentangkan, laporan tahunan yang dibentangkan di Dewan ini termasuk kalau kerajaan mengambil alih semuanya akan termasuk dalam itu. Yang Berhormat, belajarlah membacanya. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat…

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dia hendak memperjuangkan Ketua Pembangkang supaya dapat jadi Timbalan Ketua Setiausaha Agung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang

dicadangkan, sebagaimana yang dinyatakan di dalam kertas pemberitahu hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan tidak disetujukan.

**Fasal 6 hingga 11-**

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian mengenai Claus 6, iaitu semua wang ini akan dihantar serah kepada kerajaan. Saya rasa di sini ada duplicity kerana Seksyen 5(2) telah pun mengatakan bahawa semua aset selain yang tidak alih sudah sedia ada, kenapa kita perlukan Seksyen 6 pula yang nampaknya redundant dan irrelevant.

Mengenai Seksyen 7 yang dicadangkan, bolehkah Yang Berhormat memberitahu adakah apa-apa deed, bonds, agreement, instrument and networking arrangement yang sedia ada yang South India Fund ini tertakluk kepada itu dan jika ada atau jika tidak, saya difahamkan ada dan apakah perjanjian-perjanjian tersebut dan saya difahamkan di antara perjanjian-perjanjian yang telah dibuat oleh pihak South India Fund, satu klausa itu tidak ada yang menyatakan bahawa ia boleh diambil alih orang-orang dan akan diikuti dan syarat-sayarat dan terma-terma perjanjian ini akan dihormati. Adakah?. Seberapa jauhkah perkara ini benar dan bolehkah ianya diterangkan? Boleh saya lanjut atau…

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, teruskan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Biar dia jawab 5 dan 6 dahulu. Banyak benar, nanti dia lupa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat boleh teruskan..

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya boleh teruskan tetapi saya cakap banyak-banyak dia lupa, dia tanya balik.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Okay, saya jawab dulu. Tuan Pengerusi, sebab diadakan Seksyen 6 ini ialah kemungkinan ada liabiliti-liabiliti

lembaga yang belum diketahui. Jadi di sini ia cover keseluruhan harta dan juga liabiliti yang mungkin akan timbul di hari muka.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada fasal-fasal lain?

**Tuan M. Kulasegaran:** Mengenai Seksyen 6 ini sesama dengan Seksyen 5(2), kenapa pula? Nak type lebih-lebih? [Ketawa] Kenapa? Boleh keterangan diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa kita perlu ada Seksyen 6 walhal Seksyen 5(2) merangkumi perkara yang dikatakan di Seksyen 6.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Seksyen 5(2) iaitu semua harta dan aset selain dari tanah yang sebaik sebelum tarikh, tanah movable dan immovable property. Seksyen 6 – semua wang dalam kumpulan wang iaitu kemungkinan ada lagi wang yang merupakan aset dan juga liabiliti yang tertanggung oleh lembaga. Jadi kita adakan itu untuk to cover, dengan izin, kemungkinan-kemungkinan itu berlaku.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada lagi mengenai Fasal 5?

**Tuan M. Kulasegaran:** Ada, Fasal 8. Tuan Pengerusi, saya ingin ambil Seksyen 8(1)(a)(b) dan 8(2), bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu adakah benar, hanya 18 orang yang sedia ada di Home for Aged of South Indian, kerana saya difahamkan pada tahun 1996 masa itu ada lebih kurang 21 orang yang masih hidup pada masa itu. Saya difahamkan jangkaan pihak-pihak yang hendak ambil alih harta tersebut berjangka dari senario kematian sejak 1962 ada lebih kurang 7 orang setiap tahun.

Jadi mereka sangka bila pembubaran ini bermula pada tahun 1986 dan 1989 tidak ada South Indian lagilah tetapi malangnya walaupun mereka berhajat pada tahun 1996, 21 orang yang masih hidup nasib kerajaan tidak baik kerana hanya 3 orang yang telah meninggal dunia dan mereka rasa averages , 7 orang mati setiap tahun, inilah yang dikatakan, saya dapat berita-berita dalaman mengatakan bahawa

mereka semua sudah berumur lebih kurang 70-an maka mereka boleh ambil alih aset-aset ini tanpa apa-apa masalah. Mereka tidak sangka bahawa orang-orang ini akan hidup dan memberi masalah kepada pihak kerajaan yang ingin ambil harta ini dan bolehkah Yang Berhormat beritahu kenapa elaun-elaun yang dibayar ini sangat kurang memandangkan kita ada sekarang RM2.3 juta. Apakah sebab untuk orang-orang ini hanya dibayar lebih kurang RM50 ke RM100 sebulan dan Deepavali report katakan RM10 diberi dan kenapa tidak satu jumlah wang yang diberi yang berpatutan dan yang lebih seimbang kepada apa yang sedia ada di pertubuhan itu.

Selain dari itu kenapa kita perlu satu definisi mengenai South Indian. Adakah kerajaan khuatir bahawa masyarakat South India berpendapat bahawa mereka ini adalah waris kepada semua orang South India dan adakah wang-wang ini selepas disalurkan ke kerajaan, wang ini dan faedah dan modal ini, di manakah kerajaan akan memberitahu bahawa untuk apa ia digunakan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, mengapa wang RM50 itu, jangan tanya saya, itu keputusan yang dibuat oleh lembaga. Kemungkinan ada sebab-sebab yang menjadi kekangan, sebab itu kita hendak membawa masuk ke dalam kerajaan. Ia dapat RM75, dengan RM700 beberapa ringgit sahaja pajak daripada tanaman kelapa sawit, mana hendak cukup Yang Berhormat.

Jadi, mungkin ia ada sebab-sebab yang tertentu memberi RM50, sekarang 18 orang masuk di dalam skim kebajikan kerajaan dan mendapat RM75 lebih. Itulah satu kebaikan yang mana kita bubar dan kita masuk ke dalam arus perdana Skim Kebajikan Negara. Yang Berhormat bertanya kepada saya, memang saya ada 18 orang sahaja Yang Berhormat, mungkin tiga orang telah meninggal dunia. Kalau Yang Berhormat hendak, saya ada senarai dengan nama dan umurnya sekali. Kalau Yang Berhormat hendak baca, ia mengambil masa yang panjang, saya akan memberi senarai kepada Yang Berhormat nanti.

**Fasal 6 hingga 11** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 1999

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**4.25 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Saya bangun bagi mengemukakan satu rang undang-undang bacaan kali yang kedua dan rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987. Semenjak tahun 1987 akta ini telah dipinda sebanyak empat kali. Cadangan untuk meminda 31 seksyen pada kali ini adalah bertujuan untuk mengenakan hukuman mencegah terhadap pemandu yang kurang beradab dan sering melanggar peraturan lalu lintas. Pindaan juga tertumpu kepada 10 seksyen yang melibatkan pemberian kuasa kepada Perbadanan Putrajaya untuk menguatkuasakan undang-undang lalu-lintas dari segi had laju, sekatan penggunaan dan pemasangan isyarat-isyarat lalu-lintas bagi jalan-jalan di dalam kawasan Putrajaya.

Ini adalah disebabkan kawasan tersebut tidak diwartakan sebagai kawasan kerajaan tempatan yang mana boleh menimbulkan kesulitan kepada pihak terbabit terutama dalam melaksanakan peraturan lalu-lintas. Dengan pindaan ke atas akta ini akan mengiktiraf Perbadanan Putrajaya sebagai sebuah kerajaan tempatan.

Cadangan untuk mengenakan hukuman mencegah adalah berdasarkan kajian dan impak-impak program penguatkuasaan yang menunjukkan bilangan

kemalangan dan kematian di jalan raya menurun apabila operasi penguatkuasaan dipertingkatkan. Cadangan ini juga dibuat dengan tujuan untuk mengurangkan kerugian berjumlah RM6.1 bilion kepada keluaran kasar negara akibat daripada 5,744 kes kematian pada tahun 1998.

Adalah diharapkan bahawa strategi untuk mengenakan hukuman mencegah akan membantu usaha kerajaan untuk menangani isu kemalangan jalan raya dan untuk mengurangkan kematian akibat kemalangan jalan raya sebanyak 30% menjelang tahun 2000 seperti yang ditetapkan oleh Jemaah Menteri.

Di samping itu cadangan untuk meminda akta ini adalah untuk memberi kuasa kepada Perbadanan Putrajaya bagi menjalankan undang-undang kerajaan tempatan dengan membolehkan pihak terbabit melaksanakan peraturan lalu-lintas jalan raya serta memastikan bahawa ianya selamat digunakan di samping mengelakkan daripada berlakunya kemalangan jalan raya di kawasan tersebut.

Antara perkara-perkara utama yang terlibat dalam cadangan pindaan ini ialah hukuman mencegah termasuk penjara mandatori, denda minimum dan hilang kelayakan lesen memandu di bawah Seksyen 41 dan 44. Di samping itu denda minimum adalah dicadangkan untuk kesalahan di bawah Seksyen 42, 43, 45 dan 119. Seharusnya Seksyen 65 dipinda untuk memberi kuasa kepada Perbadanan Putrajaya untuk memindahkan kenderaan yang rosak, yang ditinggalkan di kawasan Putrajaya. Di bawah seksyen 65, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia juga diberi kuasa untuk melantik mana-mana syarikat konsesi untuk mengalih kenderaan motor yang rosak atau ditinggalkan.

*Seksyen 109 dipinda untuk mengenakan denda kepada pengusaha-pengusaha syarikat pengangkutan di mana pemandu yang sama melakukan lebih daripada tiga kesalahan di bawah seksyen 41, 42, 43, 44 atau 45 dalam tempoh tiga tahun. Di bawah seksyen 41, pemandu-pemandu yang memandu dengan melulu dan membahayakan dan menyebabkan kematian akan dikenakan hukuman penjara mandatori dua hingga sepuluh tahun dan didenda RM5,000 sehingga*

*RM20,000. Di samping itu, lesen memandu mereka akan digantung dari tarikh sebutan kes mereka di mahkamah.*

Di bawah seksyen 42, pemandu-pemandu yang memandu dengan melulu dan membahayakan akan didenda RM5,000 sehingga RM15,000 dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya akan didenda RM10,000 sehingga RM15,000 dan bagi kesalahan ketiga dan seterusnya didenda RM10,000 sehingga RM20,000.

Di bawah seksyen 43, pemandu yang memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbangrasa akan didenda RM4,000 sehingga RM10,000. Tempoh hukuman penjara di bawah seksyen 42 dan 43 adalah atas budi bicara mahkamah.

Di bawah seksyen 44, pemandu yang menyebabkan kematian akibat kemalangan jalan raya ketika berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan akan dikenakan penjara mandatori dari tiga hingga sepuluh tahun dan didenda RM8,000 sehingga RM20,000. Juga lesen memandu mereka akan digantung dari tarikh sebutan kes di mahkamah.

Seksyen 109 mengenakan liabiliti pemunya berdaftar untuk tiga kesalahan oleh pemandu yang sama dalam tempoh tiga tahun di bawah seksyen 41, 42, 43, 44 dan 45. Denda RM50,000 sehingga RM150,000 akan dikenakan bagi kesalahan pertama manakala bagi kesalahan seterusnya, denda sejumlah RM100,000 sehingga RM500,000 dikenakan.

Satu peruntukan baru bagi seksyen 116A dimasukkan bagi membolehkan Majistret Kelas Satu menjatuhkan hukuman lebih tinggi daripada had maksimum RM10,000 sebelum ini.

Pindaan kepada seksyen 3 dan 4 pula dibuat bagi membolehkan Perbadanan Putrajaya melantik warden lalu lintas, menetapkan pakaian seragam pegawai tersebut dan seterusnya untuk melaksanakan penguatkuasaan lalu lintas di kawasan Putrajaya.

Seksyen 120 pula dipinda bagi memberi kuasa kepada Perbadanan Putrajaya mengenakan kompaun kepada pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan lalu lintas di kawasan Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua , perkara-perkara yang telah saya sebutkan ini adalah perkara-perkara yang akan dipinda dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bagan.

**4.35 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlu berdiri di sini untuk membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan dalam Dewan ini tergesa-gesa caranya.

Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Pemandu Lori Malaya Utara telah menyuarakan bantahan sekeras-kerasnya tentang pindaan akta ini dan persatuan tuan punya lori-lori juga menyuarakan bantahan mereka terhadap pindaan akta ini. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi dengan lebih mendalam, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen iaitu Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar.

Berkali-kali beliau telah membuat penjelasan di dalam surat khabar tetapi penjelasan jadi kabur lagi. Semasa beliau memberi penjelasan, beliau berkata pindaan akta ini bukan bertujuan untuk menentang atau mendenda tuan punya lori atau pemegang lesen. Beliau berkata lagi, Menteri Pengangkutan telah mendapat tahu bahawa ini mungkin terdapat sedikit kesalahan teknikal dan telah mengarahkan Pejabat Peguam Negara supaya menarik balik untuk dibetulkan. Tetapi apa yang dibetulkan hari ini cuma menggantikan perkataan-perkataan

'boleh didenda' atau yang lain-lain sahaja dan bukan berkenaan dengan akta-akta, seksyen-seksyen khasnya seksyen 109.

Saya akan pergi dengan lebih mendalam mengenai seksyen 109 tetapi sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, tujuan untuk meminda akta ini adalah untuk mencegah kemalangan di jalan raya. Tetapi tahukah Yang Berhormat, kemalangan boleh berlaku di atas jalan, bukan semua kesalahan pemandu. Adakah kerajaan mengkaji bahawa keadaan jalan yang teruk, pecah, lecah, lubang atau digali tanpa ada isyarat-isyarat amaran, inipun satu punca kemalangan. Ada terdapat penunggang-penunggang motosikal pada waktu malam terus masuk ke dalam lubang yang digali oleh Telekom dan TNB. Siapa hendak bertanggugjawab untuk kesalahan itu? Adakah penunggang motosikal?

Tempat-tempat yang bengkang-bengkok, gelap, jalan yang bertakung dengan air seperti apa yang telah dialami oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar dahulu, Pokok Sena sekarang, beliau juga mengalami kemalangan yang serupa, apabila Lebuhraya Utara-Selatan bertakung dengan air dan beliau melintasinya, kereta terbabas. Lagi, kecacatan reka bentuk jalan raya. Lagi, ada anggota polis tidak beruniform dengan tiba-tiba melonjak keluar untuk menahan kereta dan dilanggar mati. Siapakah yang bersalah?

Sebenarnya, kerajaan telah mengadakan pelbagai peraturan dan undang-undang untuk mencegah kemalangan jalan raya. Pada suatu masa dahulu, bukankah kerajaan telah memastikan bahawa semua kenderaan berat perlu memasang alat amaran laju iaitu pada setiap lori, di hadapan lori itu perlu dipasang satu lampu dan berbunyi. Apabila lori itu melebihi satu kelajuan, maka alat itu akan berbunyi dan akan menyala. Hanya pemandu yang buta tidak nampak meter itu, bahawa dia sudah melebihi had laju, mahu mendengar alat itu sahaja.

Apabila seorang pemandu memandu lori, mata beliau melihat meter. Takkan beliau tidak sedar, beliau sudah melebihi had laju. Mengapa perlunya alat yang boleh berbunyi dan boleh menyala. Akhir-akhirnya, semua tuan punya lori

perlu membelanjakan satu jumlah yang besar untuk memasang tetapi sehingga hari ini, sudah dibatalkan. Tidak ada lagi alat melebihi had laju ini dipasang.

Juga dikatakan, kotak hitam perlu dipasang pada semua bas ekspress. Satu ketika, dikatakan sebelum tahun 1998, selepas itu ditunda selepas Hari Raya, selepas Hari Raya Cina sampai sekarang belum pun ada yang dipasang lagi.

Saya tahu bahawa tuan punya, taukeh-taukeh bas-bas ekspress ini, kebanyakan mereka ini adalah penyokong-penyokong parti pemerintah. Maka kerajaan boleh mengorbankan nyawa dan keselamatan orang-orang yang menggunakan jalan demi untuk kepentingan taukeh-taukeh yang memihak kepada parti pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, dilaksanakan juga bahawa setiap pemandu kereta jika terlibat dalam kemalangan, berbagai-bagai, maka mereka akan diperuntukkan mark, berapa mark kena tarik driving licence ini. Tetapi adakah semua ini dilaksanakan?

Pada masa sekarang juga, pengusaha-pengusaha industri transport perlu menghadapi pelbagai pihak penguatkuasa. JPJ boleh tahan lori, boleh tahan kereta, polis pun boleh tahan, Jabatan Alam Sekitar pun boleh tahan. Nampaknya di atas jalan raya penuh dengan pasukan penguatkuasa tetapi masih berlakunya kemalangan. Adakah kerajaan meneliti dengan sedalam-dalamnya bagaimana ia boleh berlaku.

Menteri Pengangkutan telah berkata 60 peratus kemalangan nahas di atas jalan raya adalah kerana motosikal tetapi mengapa pindaan kepada akta ini menitikberatkan kepada kenderaan komersial dan private dan berkenaan dengan lumba motosikal langsung tidak disebut-sebutkan. Sepatutnya ada satu seksyen di mana lumba motosikal haram perlu diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berkata negara kita telah ada undang-undang yang mencukupi untuk mencegah kemalangan,cuma ia tidak dikuatkuasakan dengan ketatnya. Mengapa saya kata begitu?

Tuan Yang di-Pertua, jikalau dikatakan orang-orang yang terlibat dalam kemalangan mereka boleh diberi satu markah dan apabila sampai satu markah bahawa lesen mereka akan digantung tetapi setakat ini berapa orang telah menyalahi peruntukan ini dan berapa orang telah digantung lesen kerana kemalangan yang dijalankan secara sistem markah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya bukan memperkecil-kecilkan anggota polis. Ada segelintir anggota polis mereka tidak begitu menjalankan tugas mereka dengan begitu tegas. Mereka ada berjumpa orang-orang yang telah terlibat dalam kemalangan atau menyalahi undang-undang, maka boleh diselesaikan dan-dan. Boleh diselesaikan dan-dan. Ini tidak dapat dinafikan dan saya bukan kata semua, ada segelintir anggota polis sahaja. Jika dikatakan memberatkan denda dan mengenakan mandatory jail term, maka ia boleh mencegah kemalangan, ini akan menyebabkan satu keadaan yang lebih teruk. Misalannya, jikalau seseorang pemandu sedar akan akibat melanggar mati seseorang, apabila kemalangan berlaku dalam keadaan gelap atau di tepi jalan kampung, di mana kurang orang nampak, apa mahu ditunggu lagi jikalau ada kemalangan. *"Ha, ini accident case, bukan boleh gantung mati, apa takut pergi buat report, mahu bayar, insurans kompeni yang bayar, tidak payah lari"*

Dahulu saya pernah dengar orang kata, , tetapi sekarang dengan adanya akta ini selepas dipinda, apabila melanggar mati seseorang, beliau dihukum penjara sekurang-kurangnya dua tahun dan sekurang-kurangnya denda wang tunai RM5,000. Mereka semua sedar tentang hal ini dan apabila berlakunya kemalangan, beliau akan *kata "Bo cau si"* – "tak lari, matilah". Habis, siapa mahu memberitahu tentang kemalangan ini kepada pihak-pihak seperti hospital atau polis? Maka orang yang kena langgar itu walaupun belum putus nafasnya, terbaring di tepi jalan, tidak ada orang pergi membantu dia kerana tidak ada orang memberitahu, matilah dia. Orang yang memandu terus lari, berapa kes telah berlaku? Walaupun di bandar-bandar yang pesat pembangunan, bandar-bandar

yang sibuk, mereka langgar dan terus lari, sudah dua, tiga kes di Butterworth. Tempat lain, saya tidak tahu. Butterworth sahaja, dalam dua, tiga bulan ini sahaja sudah dua, tiga kes berlaku – langgar terus lari, tidak peduli akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Pengangkutan juga ada berkata beliau gembira kerana accident rate telah menurun. Jikalau accident rate telah menurun dan beliau berpuas hati, mengapa perlu satu lagi undang-undang di mana ada seksyen-seksyen yang terus-terang bertentangan dengan hak-hak manusia. Saya akan pergi secara lebih mendalam berkenaan dengan seksyen-seksyen yang dikatakan menentang hak-hak manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 41 – pindaan kepada Seksyen 41. Saya tidak mempertikaikan bahawa seseorang pemandu apabila terlibat dalam kemalangan dan mengakibatkan seorang lain mati atau maut, beliau dihukum penjara dua tahun atau RM5,000. Itu semua mungkin orang boleh bersetuju tetapi pada seksyen 41, Fasal 7(5) – "*Walau apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis yang masih berkuat kuasa, mahkamah yang dihadapannya seseorang dituduh atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah memerintahkan penarikan balik segera lesen pemandu orang itu dan hendaklah memerintahkan penggantungan lesen itu bermula daripada tarikh pertuduhan itu dibaca kali pertama*". Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata "L*esen ditarik pada hari disebut kes itu*" tetapi di bawah ini, "*Penarikan balik segera apabila kemalangan berlaku*", penarikan balik segera dan selepas itu apabila di hari perbicaraan pertama digantung. Apa beza digantung dan ditarik balik? Ditarik balik tidak boleh guna lagi lesen itu, digantung pun tidak boleh guna. Jadi, orang ini apabila disabit dalam satu kemalangan, beliau belum ditentukan salah oleh mahkamah dan kemungkinan besar, pada hari akhirnya, mungkin selepas empat atau lima tahun, ini sentiasa berlaku, kes kemalangan yang dibicarakan akan ditarik sehingga empat atau lima tahun dan akhirnya beliau didapati tidak bersalah. Habis, dalam empat atau lima tahun ini beliau kehilangan kelayakan untuk

memandu dan jikalau orang itu bergantung kepada lesen memandunya untuk mencari rezeki, beliau mahu membuat kerja apa? Jadi perompak atau jadi pengemis.

Jadi, ini adalah satu tindakan yang secara terus-terang menentang hak-hak seseorang untuk memiliki sesuatu lesen, Tuan Yang di-Pertua. Juga, seksyen yang lain-lain itu yang juga terdapat hukuman yang sama. Tadi, saya ada kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah berkali-kali membuat penjelasan dalam surat khabar hari ini dan kelmarin juga dalam surat khabar *Nanyang Siang Pau* beliau ada membuat penjelasan, berkata bahawa pindaan kepada akta ini bukan terhadap tuan-tuan punya lori. Sebentar tadi saya ada kata selepas pindaan akta ini pemandu kenderaan akan digantung dengan serta-merta, dengan segera lesen memandunya tetapi seksyen 109 mengatakan jikalau sesebuah kompeni baik bas kompenikah atau kompeni pengangkutan yang mungkin mempunyai 50 buah atau 100 buah kenderaan, pada asalnya lagi teruk, tidak kira pemandu itu adalah sama orangnya atau lain, tidak kira, asalkan syarikat itu dalam tiga tahun tiga kali accident teruk, maka kompeni itu akan didenda RM50,000. Kali kedua, kesalahan berlaku akan didenda RM100,000.

**Dato' Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya membuat penjelasan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya.

**Dato' Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, Fasal 109 itu telah dipinda sedikit, sebenarnya ialah bukan tiga orang, sebenarnya kalau satu syarikat itu ada seorang pemandu itu dan dia membuat kesalahan sebanyak tiga kali, pemandu yang sama, bukan orang lain, bukan maknanya seorang – tidak, dalam masa tiga tahun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan, pada asal akta ini lagi teruk, saya kata pada asal akta ini lagi teruk, tetapi sebelum saya sempat menyebut selepas dipinda, orang yang sama, pemandu yang sama yang

berturut-turut tiga kali dalam tiga tahun menyalahi satu undang-undang yang maut, maka syarikat itu boleh didenda. Baik.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau pemandu ini buat kali pertama beliau telah melanggar mati seorang, lesennya telah digantung mungkin tiga tahun sehingga lima tahun, macam mana ia akan melanggar lagi kali kedua, kalau dia tidak ada lesen memandu?

Kalau beliau membawa motosikal mungkin bolehlah, curi-curi membawa, kalau dia membawa lori atau bas ekspres pengangkutan mana boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak minta penjelasan, kalau boleh seseorang pemandu itu melakukan kesalahan pertama, lesen telah digantung, bermakna dia sudah tidak ada lesen. Jadi, kalau dia melakukan kesalahan kali yang kedua, bermakna semasa dia membawa kenderaan itu, dia memang sudah tidak ada lesen.

Jadi, bermakna memang logiklah, majikan yang patut disalahkan, jika ia sudah tahu pekerjanya tidak ada lesen, mengapa dibenarkan membawa kenderaan dan boleh melakukan kesalahan buat kali yang kedua?

Jadi, saya rasa betul undang-undang ini, Yang Berhormat yang cuba hendak membelit-belitkan fakta ini. Orang itu sudah tidak ada lesen, yang pertama, dia sudah melakukan kesalahan, bila dia salah lesen kena gantung, kalau dia sudah tidak ada lesen, macam mana dia boleh memandu buat kali kedua? Jadi, memang patutlah majikannya yang dikenakan tindakan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Baik, habis. Pemandu yang melanggar undang-undang yang membawa maut iaitu seksyen 41 atau seksyen 45 pemandu yang mabuk. Seksyen 41 mengakibatkan maut, seksyen 45 memandu dalam keadaan mabuk atau melanggar orang.

Jadi, apabila beliau sudah langgar, pada hari itu juga lesennya telah digantung, ya dalam akta ini, dan ditarik balik dengan segera pada hari beliau menemui kemalangan dan digantung apabila disebut dalam mahkamah pada hari pertama. Okay, beliau sudah hilang kelayakan membawa, takkan syarikatnya atau taukenya masih membenarkan beliau membawa lori atau membawa bas buat kali yang kedua dan boleh langgar orang mati lagi, dan boleh kali yang kedua kalau dia tidak ada lesen dan tidak memberitahu kepada taukenya, dia curi-curi membawa dan kemalangan kedua, lagi kemalangan kali yang ketiga bolehkah berlaku?

Jadi, semua ini tidak logik. Kalau dia sudah salah, dia tidak ada lesen, bermakna dia tidak boleh bawa kali yang kedua dan tidak boleh bawa kali yang ketiga. Kalau tidak boleh bawa kali yang kedua dan ketiga, maka mana boleh bersabit dengan kali yang kedua dan ketiga. Dan syarikatnya didenda sebanyak RM50,000 dan seksyen 109 ini tidak ada logik langsung.

Jikalau mengikut akta yang asal iaitu sebelum pagi ini diberi satu notis untuk meminda, dia boleh, sebab tadi saya katakan satu syarikat orang tidak kira pemandu yang sama, tidak kira lori yang sama atau nombor dan kenderaan yang sama, asalkan syarikat itu dalam tiga tahun ada tiga kali kemalangan yang membawa maut, maka syarikat itu akan didenda RM50,000.

Sekarang ini tidak wujud lagi, pemandu ini pada kali pertama sudah hilang kelayakan, tidak boleh membawa kenderaan pada kali yang kedua, tak mungkin dia dibenarkan, kalau diketahui oleh taukenya, kalau taukenya tidak tahu mungkin dia boleh curi-curi bawa kali yang kedua dan kemalangan maut lagi kali yang kedua. Tetapi mungkinkah lari lagi kali yang ketiga, jadi jikalau tidak boleh melakukan kali yang kedua dan ketiga kerana telah hilang kelayakan lesen memandu, maka seksyen 109 ini tidak perlu wujud.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh berkata ini bukan bertujuan untuk menentang terhadap tuan punya atau license holder, tetapi apabila ia wujud

dalam tulisan di dalam undang-undang maka ia terus akan menggugat, akan memberi satu tekanan kepada tuan-tuan punya kenderaan.

Jadi, saya berharap kerajaan boleh meneliti pindaan akta ini dengan lebih lanjut lagi dan membatalkan pindaan kepada seksyen 109 di mana syarikat pengangkutan atau syarikat bas atau lebih dikatakan jikalau ada satu kumpulan van, maka taukenya akan didenda RM50,000. Ini perlu dikaji dengan lebih mendalam lagi. Itu yang saya minta.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya masih ada lagi perkara yang hendak diucapkan. Okay.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah berbahas begitu lama mengenai Seksyen 109 iaitu mengenai pindaan tetapi dari tadi sampai sekarang, saya pun tidak mengerti apa mesej yang dia hendak sebutkan. Apakah bantahan terhadap pindaan kepada Seksyen 109?

Seksyen 109 kerajaan hanya hendak memberikan sedikit tanggungjawab kepada syarikat ataupun tuan punya kenderaan iaitu mereka dapat tertibkan pemandu mereka. Jika tidak, jika berlarutan sampai tiga kali, memang syarikat atau tuan punya haruslah menanggung tanggungjawab sedikit, itu sahaja. Tetapi saya tidak tahu apa logiknya seksyen 109 tidak payah wujud dan semua ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya merasa saya telah terangkan sangat jelas berkenaan dengan Seksyen 109. Pindaan akta ini digubal atau direka oleh kementerian Yang Berhormat dan ini mengatakan jikalau satu syarikat itu pada mulanya tidak kira orang yang sama, pemandu yang sama, pada mulanya tidak kira asalkan syarikat itu ada pemandunya terlibat dalam

kemalangan teruk sebanyak tiga kali, bukan kemalangan yang ringan-ringan sahaja, tidak kira lori yang sama, van yang sama, kereta yang sama – tidak kira, asalkan syarikat itu ada tiga kali terlibat dalam kemalangan yang teruk, tidak kira pemandunya, tidak kira kenderaannya, maka ia akan didenda RM50,000, masih tidak jelas.

Akta direka oleh kementerian Yang Berhormat dan Yang Berhormat kata dalam surat khabar hari ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam ruangan editorial sebuah surat khabar *Nanyang Siang Pau* adalah sangat berwibawa. Saya terjemahkan dari bahasa Cina, mungkin terbalik sedikit-sedikit. *"Pemandu kemalangan, tuan punya kena denda. Pertikaian ini berlaku dan Kementerian Pengangkutan telah berundur." [bercakap dalam bahasa Cina]*

Ha, dia telah berundur, dalam editorial hari ini juga, kalau tidak percaya ada di sini. *[Sambil membaca dari ruangan editorial Nanyang Siang Pau]* Dia kata kementerian telah undur, tarik balik fasal ini. Sekarang mana ada tarik balik, tidak ada tarik balik.

Jadi, tadi saya sudah katakan membuat penjelasan lagi menjadikan perkara itu lebih kabur, bukan jelas. Jadi, jikalau saya katakan …

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Setiausaha Parlimen bangun.

**Dato' Chor Chee Heung:** Minta penjelasan. Yang Berhormat, kita sedang bincang pindaan kepada Akta Pengangkutan Jalan. Saya tidak faham sebab apa Yang Berhormat membaca surat khabar *Nanyang Siang Pau* memang sebuah surat khabar yang berwibawa, tetapi itu editorial. Editorial ini bukan bermaksud kata dia mewakili Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan asalnya memang betul. Tujuan asal Kementerian Pengangkutan iaitu kita hendak menuju pindaan itu kepada pemandu kenderaan sama ada kenderaan komersial atau kenderaan apalah dan

bukan seolah-olah untuk menuju kepada syarikat ataupun kenderaan. Ini adalah tujuan asal. Dalam perkataan lain, jika seseorang pembawa lori ataupun pemandu lori ataupun kenderaan perdagangan ini didakwa dan didapati salah melebihi dua kali iaitu kali yang ketigalah. Jika syarikat itu tidak ambil apa-apa tindakan terhadap pemandunya pada kali pertama ataupun kedua, maka syarikat itu akan bertanggungjawab atas kesalahan pemandu. Itu adalah tujuan asal tetapi didapati bila pindaan ini dibuat ada sedikit silap teknik, maka Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah sedar atas kesilapan ini dan membetulkan balik.

**Tuan Lim Hock Seng:** Apa yang telah dibetulkan?

**Dato' Chor Chee Heung:** Dibetulkan balik tujuan asallah. Apa yang didapati di dalam rang undang-undang atau bil itu memang tidak mencerminkan tujuan asal. Itulah silap teknik itu. Dalam pindaan Yang Berhormat baca itu di mana-mana pemandu, kalau mana-mana pemandu ini bermaksud dalam tiga tahun tidak kira berapa orang pemandu, tidak kira berapa buah kenderaan dimiliki oleh sesebuah syarikat. Tiga kali sudah cukup, betul tidak? Itu memang serius, memang Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sedar ini tidak begitu adil kepada syarikat-syarikat pengangkutan, faham? Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, saya sudah faham sebab itu pada mulanya saya telah berkata pada asal akta itu sebelum dipinda pagi ini. Diberi notis pinda, selepas pinda apa dia? Semua saya telah terangkan tetapi argument saya adalah jikalau seseorang pemandu itu jikalau bersabit dengan Seksyen 41……

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Batang Lupar bangun pula Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Nanti, nanti, saya habiskan ini dulu. Okay. 41 causing death by reckless or dangerous driving, lesennya telah digantung serta-merta. Yang Berhormat mungkin mahu mempertikaikan penarikan .….

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bagan, hendak beri jalan atau tidak kepada Yang Berhormat?

**Tuan Lim Hock Seng:** Nanti, nanti, saya hendak habiskan ini dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Nanti, tunggu sekejap.

**Tuan Lim Hock Seng:** ….memerintah penarikan balik segera lesen memandu dan dibacakan kes pertama kali orang itu digantung. Sebab itu saya tanya apa erti 'ditarik balik' dan 'digantung' kepada orang awam, itu sama jugalah ditarik balik iaitu disimpan oleh kerajaan. Digantungkan, dihapuskan semua itu tetapi maknanya dia tidak dapat lagi satu lesen. Dia tidak pegang lagi lesen itu, dia tidak boleh bawa. Kalau dia tidak boleh bawa bagaimana boleh berlakunya kesalahan kedua kali, kesalahan ketiga kali, tidak boleh …..

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini, ini Yang Berhormat buang masa Parlimenlah.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada dua orang bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** … kalau ini tidak boleh jadi, mengapa mahu lagi satu akta di mana dikatakan boleh berlaku tiga kali?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya beri penjelasan.….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya hendak beri penjelasan Yang Berhormat . Di bawah Seksyen 109 di bawah pindaan ini dua lesen disebut, Yang Berhormat. Satu, lesen memandu yang saya pemandu, di bawah Seksyen 109 ialah lesen kereta, Yang Berhormat, bukan pemandu. Bawa tengok dalam perenggan (b)(5), "bagi maksud seksyen ini, "pemegang lesen"

ertinya orang yang dilesenkan di bawah perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f) atau (g) subseksyen (1) Seksyen 14 dan subseksyen (2) Seksyen 14 Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987". Kenderaan itu Yang Berhormat. Di bawah Sesyen 109 ini bukan lesen memandu, permit.

Jadi, dua perkara ini berbeza. Kalau pemandu betul kata Yang Berhormat tadi, kalau Seksyen 41 kalau pemandu itu telah melakukan kesalahan lesen dia di'suspend' ataupun digantung dia tidak boleh memandu lagi tetapi lesen kereta ini masih lagi wujud. Apabila lesen ini wujud, dipunyai oleh satu syarikat ABC Sendirian Berhad, laku lagi dengan saya tidak memandu lagi. Mungkin orang yang memandu ialah XYZ pemandunya. Berlaku dalam masa tiga tahun berturut-turut, itu syarikat kena hukum. Ini Seksyen 109, apa sibuk sangat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kepong tidurkah?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat ada kekeliruan. Pada Seksyen 41 dan 44, kedua-dua sesyen ini pemegang lesen pemandu. Lesennya akan digantung dan ditarik balik, okay. Itu Seksyen 109, kata jikalau tidak kira orang yang sama, tidak kira lori yang sama jikalau dalam satu syarikat tiga tahun ada tiga kali melanggar undang-undang atau kemalangan yang serius, maka kompeni itu boleh didenda. Pemegang lesen itu bermakna orang yang dilesenkan akan kena denda RM50 ribu bukan lesen cukaikah, bukan lesen pengangkutannya ditarik balik, bukan. Mana ada Sesyen 109 kata ……

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** … lesen pengangkutan ditarik balik, tidak ada.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ya. Selepas you baca Seksyen 109 3A, Yang Berhormat. Yang Berhormat baca juga di bawah B2(5) bagi Maksud Seksyen ini Yang Berhormat. Khususnya Seksyen 109.

**Tuan Lim Hock Seng:** Pemegang lesen.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Pemegang lesen itu takrif berlainan daripada buku ini, saya ada bawa buku Yang Berhormat, tengok ini. *[Sambil menunjukkan akta ibu]*. Ya, lain takrifnya, takrifnya tengok seksyen itu undang-undang lain Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987, bukan Road Traffic Ordinance Act ini. *[Disampuk]* Apa pula, ini takrifan undang-undang Yang Berhormat, tanyalah dengan Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kepong tidur.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong pula bangun.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kepong, duduklah Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana hendak duduk.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya minta jalan. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya. *[Disampuk]* Saya sedang meneliti tadi, saya anggap Batang Yang Terlupa sekarang menjadi menteri sekarang ini. Hendak jawab, tidak payah. Beri Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Itu lebih baik. Tetapi sebelum dia jawab saya hendak minta *[Disampuk]* penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Hei, Bagan mahu cakaplah, Kepong duduklah, Bagan mahu cakap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia boleh cakap, saya hendak tanya dia sahaja ini. Kenyataan demi kenyataan dikeluarkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan juga oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri mengenai hal ini Pindaan 109 dan sebagainya lebih 30. Dan juga adakah Yang Berhormat sedar bahawa

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini dia sering keluarkan kenyataan tetapi selepas itu dia kata tidak cakap…..

**Seorang Ahli:** Hei, berucap atau tanya ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** …. keluarkan, dia kata ini akan ditarik balik. Kita akan tarik balik kerana ada timbulkan kekeliruan sedikit tiga kali salah dan sebagainya. Tetapi sekarang dia menafikan kerana dia tidak sempat untuk meminda. Jadi, semua ada di sini. Esok saya akan terangkan apa yang saya maksudkan kerana dia memang mengambil masa yang panjang. *[Disampuk]* Saya ada cerita mengenai dia sekarang ini. Banyak cerita panjang.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini kisah benarkah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kisah memang benar bukan dongeng. Cerita panjang. Adakah Yang Berhormat setuju?

**Tuan Lim Hock Seng:** Memang itu adalah point argument saya. Yang Berhormat dari Batang Lupar. Beliau seorang peguam, saya cuma Form V sahaja, saya cuma Form V tetapi saya baca beberapa kali, Seksyen 109 3A. Saya cuma baca pendek, ya.

**Seorang Ahli:** Tidak faham.

**Tuan Lim Hock Seng:** *"Jika pemegang lesen ialah pemilik berdaftar kenderaan bermotor yang digunakan oleh….."*- pada asalnya mana-mana pekerja sekarang sudah tukar balik orang yang tertentulah, pekerja yang tertentu. Pemegang lesen, apa erti pemegang lesen? Pemegang lesen bererti orang yang dilesenkan di bawah seksyen ini. Saya tidak mahu cakap pemegang lesen, saya cakap tuan punya atau tuan punya tauke atau tuan punya kenderaan. Saya pada awal-awal lagi kata, "apa lesen-lesen itu, lesen memandu, lesen cukai jalan, lesen pengangkutan, lesen permit, bermacam-macam lesen jangan keliru saya dengan perkataan lesen. Saya sudah kata saya bukan peguam, kamu peguam jangan kelirukan seorang yang bukan peguam. Peguam patut membetulkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, beri soalan dahulu, …..

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, ….

**Tuan Lim Hock Seng:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Duduk sekejap, sikit sahaja.

**Tuan Lim Hock Seng:** Okaylah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sebenarnya Yang Berhormat, saya dengan ikhlas sebab saya nampak sudah 10 minit masa terbuang di Dewan ini oleh kerana seksyen itu tadi, kerana pembacaan seksyen itu ..…*[menyampuk]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Itu yang mustahak.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** …tidak habis. Saya boleh bercakap soalan macam peguam Yang Berhormat, tetapi saya tidak gunalah bercakap dengan Yang Berhormat. Ada ke dia kata macam mana hendak interpretasikan seksyen, mana interpretasikan undang-undang, saya faham semua itu. Saya tidak sebut, saya cakap sebagai orang bercakap biasa. Jadi saya hendak tolong Yang Berhormat supaya kekeliruan itu tidak disebut lagi, itu sahaja.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** …..Yang Berhormat saya ingat perkara ini dibincangkan dengan panjang lebar. Saya cadang hendak jawab kemudian tetapi nampaknya dia berkisar kepada perkara-perkara yang sama. Pindaan Akta Pengangkutan Jalan ini ialah untuk masalah deterent, untuk mengelakkan berlakunya lebih banyak accident.

Perkara 41, 42, 43 dan 44 ini semua ditujukan kepada pemandu, supaya pemandu lebih berjaga (deterent). Jadi kita bercakap sekarang hendak mengelakkan, sudah jadi lain hal, ini hendak mengelakkan, its prevention.

Perkara yang 109 ini ialah prevention atau deterrent kepada pemegang fleet. Jadi supaya orang yang pegang fleet itu dia kena jaga kereta dia dan pemandu dia.

Macam dia buat daripada setengah daripada setengah multi national macam kalau Shell ke, Esso ke, kalau dia punya fleet satu accident, dia kena pergi London jawab. Jadi deterent supaya dia tidak mahu perkara itu berlaku dia jaga, drebar dia jaga supaya dapat jagaan yang lebih, kereta dia jaga, berek dia jaga. Semua ini adalah semua deterent. Kita bercakap sekarang ialah cuma mengelakkan kemalangan, itu tujuan akta kita di dalam ini. Jadi kita bercakap tentang 41, 42, 43 ini tentang pemandu. Kalau 109 ialah tentang fleet owner. Jadi seperti yang dilogik oleh Yang Berhormat daripada Bagan, sahabat saya daripada Bagan ini, dia punya lojik cara itu tetapi kita kena juga lihat daripada segi owner fleet itu kita hendak kawal, hendak menjaga fleet owner itu supaya dia lebih berjaga kepada kereta dia. Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, dari mula-mula saya telah kata pindaan ini adalah untuk mencegah kemalangan dan denda mungkin di kali gandakan, penjara mungkin dikali gandakan tetapi ada dua tempat di mana ia tidak berpatutan dan tidak adil.

Pertamanya, iaitu menarik balik lesen memandu seseorang yang terlibat dalam kemalangan pada hari beliau berlakunya kemalangan sehingga selesai kesnya di dalam mahkamah. Ini sebelum dia didapati bersalah telah dihukum salah. Ini tidak betul. Saya telah kata tadi, jikalau bicara itu dijalankan selama 4-5 tahun dan akhirnya beliau didapati tidak bersalah. Jika orang yang berjalan kaki yang dilanggar itu mati setelah dilanggar oleh sebuah kereta, pemandu itu tidak boleh disalahkan tetapi lesennya telah digantung atau ditarik balik selama 4-5 tahun, adakah ini adil kepada pemandu itu. Jadi, saya bantah perkara nombor satu itu.

Perkara nombor 2 saya bantah ialah 109, di mana syarikat itu ditanggungjawabkan dalam 3 tahun, 3 kali accident oleh pemandu yang sama, kereta tidak kira. Tetapi saya pertikaikan kalau pemandu yang telah melakukan kesalahan beliau pada kali pertama dan lesennya telah digantung.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dato' Chor Chee Heung:** Minta penjelasan. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, kita telah buang masa cuma saya hendak tanya Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak selepas beliau membaca apa yang terkandung dalam pindaan ini. Saya bukan hendak jawablah, untuk minta penjelasan Yang Berhormat ya, sama ada Yang Berhormat tahu sebelum seseorang yang terlibat dalam kemalangan sama ada, ada maut atau tidak sebelum dia didakwa ke mahkamah, segala investigation (siasatan) akan dibuat. Bukan semesti ada kes maut beliau akan ditarik dan didakwa ke mahkamah di bawah Seksyen 41, faham tidak Yang Berhormat. Duduk, duduk sekejap, saya tidak habis lagi. Not necessary a person when there is an accident he will be charged under Section 41, Yang Berhormat dari Jelutong memang dia pakarlah. Saya hendak tanya juga Yang Berhormat ya, soalan yang kedua. Di bawah seksyen 109, Yang Berhormat selalu menekankan Seksyen 41 bila didakwa mahkamah lesen dia akan ditarik balik. Adakah Yang Berhormat sedar di bawah Seksyen 109 bukan sahaja tumpu ke Seksyen 41, 42, 43 dan 44 semua tidak kena-mengena dengan tarik balik lesen, Yang Berhormat tahu tak? Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya memang tahu.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tahu, tidak payah tanya, ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** 41 tarik balik lesen, 44 tarik balik lesen. Yang 42, 43, 44 tidak tarik balik lesen. Tetapi kalau sabit dengan perkara ini pun boleh dikenakan 50,000. Saya tadi sudah kata, ini adalah undang-undang yang ditulis di atas kertas. Yang Berhormat boleh kata mungkin tidak akan dituduh di bawah Seksyen 41, 42, 43 dan 44, mungkin lain, mungkin yang lebih ringan lagi. Tetapi apa jaminan Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, jaminan dari Yang

Amat Berhormat Timbalan Menteri, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba. Apa beliau kata dalam Dewan yang mulia ini apabila membahas Akta Pengambilan Tanah, “Kerajaan tidak akan menyalahgunakan kuasa untuk mengambil tanah. Tetapi akhirnya apa terjadi. Di Kedah, negeri asal Yang Berhormat apa yang terjadi, berapa puluh orang atau berapa peratus pekebun-pekebun kecil, Aman Jaya misalannya di bayar 70 sen satu kaki. Sekarang hartanah itu dibangunkan sebagai satu kawasan perumahan berapa puluh ringgit satu kaki persegi. Kepada siapa, bukan kepada kerajaan, kepada orang swasta.

Apa jaminan di sini?. Sebab itu kita jangan kata saya beri jaminan di sini – tidak laku. Mungkin pada penggal yang akan datang bukan kamu sahaja tidak ada di sini, mungkin saya juga tidak ada di sini. Saya tidak mahu bangga sangat kata you tidak ada, saya ada; tidak mahu, mungkin saya pun tiada tetapi apakah jaminan Yang Berhormat itu? Orang lain boleh salah guna.

Pertikaian saya, kalau seseorang itu sudah membuat kesalahan pada pertama kali, lesen digantung bermakna dia tidak boleh memandu untuk kali kedua. Kalau kes curi, maut atau kemalangan teruk sekali dan kali ketiga jadi kalau ini tidak boleh berlaku mengapa mahu lagi kesalahan di seksyen ini – jadi, ini semua tidak relevan. Kalau sudah tidak releven, batalkan.

Apabila gambar Yang Berhormat muncul dalam surat khabar, Yang Berhormat rasa bangga. Tetapi apa yang diperkatakan dalam surat khabar ini, Yang Berhormat tidak tunaikan. Kata mahu pinda, Menteri Pengangkutan sudah sedar kerana kesalahan teknikal ini akan dipinda tetapi tidak dipinda dan sekarang dikatakan yang bukan-bukan. Jadi, Yang Berhormat bertanggungjawab atas kenyataan yang diberi oleh Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat menafikan di Dewan yang mulia ini, kata oh…may be reporter salah tafsir, boleh, cakap salah tafsir.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Penjelasan, Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Saya hendak minta penjelasan pasal ini bersangkutan dengan saya. Yang Berhormat, apa yang saya sebut kepada pemberita-pemberita ini, saya tidak akan nafi, cuma kemungkinan oleh kerana mereka tidak begitu memahami, legal technicality, dengan izin, sebab bila saya sebut pemberita, maksud saya kata ialah macam ini: Tujuan asalnya ialah kita hendak menuju kepada pemandu kenderaan, bukan kepada syarikat ataupun kenderaan semata-matanya. Dalam perkataan lain, kita tidak kira sama ada sebuah syarikat mempunyai berapa buah kenderaan ataupun berapa orang pemandu asalkan pemandu yang sama ini melakukan tiga kali maka syarikat itu akan didakwa ke mahkamah dan kena dendalah. That is what we intend to do tetapi oleh kerana sedikit kesilapan oleh kementerian, so, pindaan itu telah pun menuju kepada syarikat dan kenderaan, that’s what you are reading now, that is kesilapan teknik. So kita membetul balik supaya kita menuju kepada pemandu sahaja, you tengok cadangan pindaan itu, ada sebut. Now we are going for the drivers, dengan izin, after the first time, kalau driver didapati bersalah, tauke ataupun pemilik kenderaan ataupun syarikat yang memilik kenderaan itu boleh diambil tindakan terhadap pemandunya, jika sekali lagi you akan kena sack, faham? Kalau dia tidak sack pemandu dia selepas dua kali kesalahan, tidak kira sama ada Seksyen 41 atau Seksyen 42, Seksyen 43, Seksyen 44. These are the lighter offences kalau selepas dua kali pemilik kenderaan atau tuan punya tidak sack pemandu dia, terus beri kepadanya commit kali ketiga, masa itu syarikat pun kena. Kalau selepas dua kali pemandu itu di dapati salah akan didakwa ke mahkamah not necessary under Ssection 41, could be 42, could be 43. Kalau syarikat itu mengambil tindakan sack pemandunya, habislah cerita dan bila pemandu ini dia pergi minta kerja di syarikat yang lain, syarikat lain itu tidak terlibat juga because this is the first time this pemandu going to work for the new company and then that new company is

not going to be penalised even the third time, you understand or not? I think that is a miscommunication there.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu pertikaikan apa-apa lagi. You boleh buat penjelasan. Saya masih memegang kepada tafsiran saya sendiri dan masih ada masa jikalau apa yang dirasakan dalam hati bahawa ada kecacatan dalam akta ini, masih ada peluang untuk dipinda besok pagi. Takkan keenam-enam buah association membantah pindaan Akta Pengangkutan ini, takkan keenam-enam buah persatuan ini mereka semua bodoh – tidak tahu baca, tidak teliti, tidak sokong hasrat baik kerajaan. Okey, lagi ada. Ini lorry drivers association, bas kilang association, crane association, bas sekolah dan taxi driver…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Semua mereka ini membantah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan?

**Tuan Lim Hock Seng:** Nanti, saya habis, sebab ada masa lima minit lagi. Saya mahu habiskan perbahasan saya hari ini.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Nanti kalau habis, Yang Berhormat lagi mengelirukan orang ramai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Nanti, nanti besok Yang Berhormat boleh cakap lagi. Yang Berhormat tolong cakap besok pagi, okey. Lagi satu, pemandu lori association mereka membantah kerana melanggari hak asasi mereka. Ya, jadi apa yang saya mahu…

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, okey, may be minta penjelasan last sekali, kita sudah hendak balik dengan izin, nanti Bahasa Malaysia

dia tidak faham pula. What do you make up of Section 109, okay, with the latest pindaan. What do you make up of that section, you beritahu kepada saya. Terangkan kepada saya what do you know about Section 109. I want to know whether you understand the meaning, dengan izin.

**Tuan Lim Hock Seng:** Section 109 berkata sesebuah syarikat itu, misalnya syarikat lori pengangkutan atau bas, dalam masa tiga tahun sudah ada tiga kes kemalangan teruk, mungkin Seksyen 41, Seksyen 42, Seksyen 43, seksyen 44, Seksyen 45 dan Seksyen 45A – kalau sudah ada kes seperti ini, tidak kira sama ada pemandu yang sama, company itu akan didenda RM50,000 kalau kesalahan buat kali pertama, kalau kesalahan kali kedua RM100,000, okay. Saya kata kalau pemandu yang sama itu pada kali pertama beliau melakukan kesalahan, lesen beliau telah digantung…..

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, jangan cakap pasal itulah, what do you make up, what is your problem, why you kata association memang tidak setuju, why, is it because Section 41 atau because of what – why, apa dia, what is the reason yang memang tidak adil, apa dia tidak adil?

**Tuan Lim Hock Seng:** Memang tidak adil kerana syarikat itu didenda RM50,000 . Lagi tidak faham. Sudah setengah hari saya cakap.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat sudah salah faham. Yang Berhormat, saya hendak tanya penjelasan. Adakah Yang Berhormat bermaksud bila seseorang driver didenda melakukan kesalahan di bawah Seksyen 41, itu Yang Berhormat sedang tekankan. Tetapi apa kata, kalau kesalahan pertama dia melakukan di bawah seksyen lain, seksyen yang tidak perlu digantung lesen, kali kedua juga dia melakukan kesalahan, katakanlah dia tidak melakukan langsung kesalahan di bawah Seksyen 41, dia melakukan kesalahan di bawah seksyen yang tidak perlu digantung lesennya, Yang Berhormat sekarang ini seolah-olah menekankan hanya mereka yang melakukan kesalahan di bawah

Seksyen 41. Tetapi sekarang ini di bawah Seksyen 109 bukan sahaja Seksyen 41, banyak lagi seksyen-seksyen lain yang kesalahannya bukan digantung lesen.

**Tuan Lim Hock Seng:** Okey, Seksyen 41 gantung lesen, Seksyen 42 gantung lesen *[seorang Ahli menyampuk]* ya ada, Seksyen 42 kalau seseorang disabitkan di bawah seksyen ini adalah kehilangan kelayakan daripada memegang atau…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, kita ada satu minit lagi, Yang Berhormat hendak gulung atau hendak sambung.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya mahu jelaskan perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya hendak tanya pasal…..

**Tuan Lim Hock Seng:** Jadi, Yang Berhormat kata satu sahaja Seksyen 41 hilang lesen tetapi Seksyen 41 hilang lesen, Seksyen 42 hilang lesen, Seksyen 44 hilang lesen.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Seksyen 43?

**Tuan Lim Hock Seng**: Seksyen 43 tidak, 44 ada.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Jadi, kalau 43 dia laku semula, kemudian dia laku 43, kemudian dia laku 43 apa? Janganlah tengok satu seksyen sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa perbahasan sudah tamat. Yang Berhormat dari Bagan hendak sambung besok atau macam mana?

**Tuan Lim Hock Seng:** Besok saya mahu sambung supaya perkara ini dapat dibetulkan dan dijelaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa untuk hari ini sudah cukup ya. Ucapan Penangguhan. Usul Ucapan Penangguhan. Ya, sila teruskan Ucapan Penangguhan. Sila teruskan.

**Tuan Lim Hock Seng :** Tidak ada orang cakapkah?.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ya, sekejap.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Peraturan Mesyuarat 16(3). Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Seorang menyokong.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal**]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Ucapan Penangguhan.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### Bekalan Air Melalui Saluran Paip Ke Kawasan Sepanjang Sungai Suai

**5.31 ptg.**

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu**]: Tuan Yang di-Pertua, adalah mendukacitakan bahawa rakyat Malaysia kebanyakan pendudukan rumah panjang di Sarawak masih belum mendapat bekalan air paip meskipun negara sudah bebas daripada penjajahan selama 36 tahun. Bekalan air bersih ialah tanggungjawab sebuah kerajaan yang baik kepada rakyatnya.

Ini memanglah benar bagi rakyat yang tinggal sepanjang Sungai Suai dalam bahagian Miri, Sarawak. Walau bagaimanapun saya ingin menggesa kerajaan menyegerakan bekalan air paip kepada kehidupan rakyat di rumah-rumah panjang, kampung-kampung, sekolah dan klinik-klinik sepanjang Sungai Suai, terutama kawasan hilir Sungai Suai di mana penempatan begitu padat dan air laut sering memasuki berbatu-batu sepanjang sungai, bermula dari muara sungai.

Beberapa tahun lalu Sungai Suai dikenali menjadi salah satu sungai yang teruk tercemar di Sarawak kerana beberapa ladang kelapa sawit yang besar diteroka dan beroperasi di kedua-dua tebing sungai menyebabkan bahan-bahan

kimia dibuang ke dalam sungai. Pada hari ini sebagai tambahan tadi, terdapat dua buah kilang penapis kelapa sawit dibina berdekatan sungai termasuk kilang yang ketiga sedang dalam pembinaan.

Kilang-kilang ini membuang bahan-bahan sisa ke dalam sungai mengakibatkan bau yang sangat busuk dalam air sungai dan kesan-kesan pencemaran boleh dilihat di atas tebing sungai bila air surut. Saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa terdapat ribuan rakyat mendiami sepanjang sungai, menggunakan air sungai untuk mandi manda dan mencuci.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu dalam Dewan ini bagaimana laporan EIA boleh diluluskan untuk membina kilang kelapa sawit berdekatan dengan sungai di mana sisa buangan dari kilang-kilang dibuang ke dalam sungai sedangkan air itu digunakan oleh penduduk-penduduk dari 20 buah rumah panjang, kampung-kampung Melayu, sekolah dan klinik-klinik. Apakah kesan cumulative ke atas alam sekitar. Sama ada terdapat satu kajian keseluruhan terhadap kesan alam sekitar oleh semua ladang yang beroperasi di sana.

Penduduk kaum Iban, orang Melayu yang telah mendiami tebing sungai, kawasan anak-anak sungai seperti Sungai Sebatu sejak lebih 50 tahun lalu, penduduk di situ telah menggunakan sungai sepanjang hidup mereka sehingga ke hari ini. Mereka melakukan keperluan basuhan harian di dalam sungai, oleh kerana tidak ada pilihan selain sungai, kadang kala semasa musim kering air sungai tidak boleh digunakan dan air laut mengalir masuk ke dalam sungai.

Sebahagian penduduk rumah panjang terpaksa berjalan setengah jam hanya untuk mencari sumber air untuk mandian dalam parit atau air dari kolam hanya untuk membasuh. Sebaik sahaja balik ke rumah mereka bermandi peluh pula. Terdapat pula yang terpaksa mandi dalam air Sungai Suai yang biasanya meninggalkan kesan putih pada badan yang menimbulkan rasa gatal dan tidak selesa.Beberapa tahun lalu, sejak pembukaan syarikat-syarikat ladang, sumber

utama bekalan air kepada penduduk-penduduk ini sepanjang sungai ini merasa terancam kerana air telah tercemar.

Saya ingin menggesa kerajaan mengambil langkah-langkah segera membekalkan air paip yang bersih kepada penduduk-penduduk Sungai Suai.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila jawab.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Bolehkah saya menjawab, kerana tidak ada kuorum?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Bolehkan saya menjawab kerana tidak ada kuorum?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kalau Yang Berhormat bangkitkan tidak ada kuorum, kena bangkitkan tidak ada kuorum. Kalau tidak, mahu menjawab, jawab.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Bintulu tadi, mengenai masalah bekalan air di sepanjang Sungai Suai, ada dua perkara yang disentuh:

(i) adalah mengenai bekalan air paip. Bekalan air di kawasan itu; dan

(ii) adalah mengenai laporan EIA.

Mengenai laporan EIA ini, saya mohon maaf kepada Yang Berhormat kerana laporan EIA bukan di bawah bidangkuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi, tidaklah tepat untuk Yang Berhormat dari Bintulu untuk bangkitkan perkara ini pada petang ini.

Walau bagaimanapun mengenai bekalan air, saya ingin membetulkan faktor yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, yang menyebutkan bahawa semenjak merdeka tidak ada apa-apa bantuan yang telah diberikan kepada orang di

rumah panjang tersebut. Ini adalah tidak tepat kerana dari masa ke semasa kerajaan melalui Jabatan Kesihatan telah memberi bantuan dari segi membekalkan tangki-tangki air di mana orang-orang rumah panjang ini dapat mengumpul air hujan.

Kerajaan negeri Sarawak sedar bahawa sistem air yang ada tidak mencukupi dan kerajaan juga sedar bahawa adalah keperluan untuk satu perancangan yang lebih rapi mengenai cara membekalkan air di kawasan sepanjang Sungai Suai ini. Ke arah ini kerajaan negeri telah melantik satu consultant yang telah mengkaji dan sekarang sedang mereka sistem-sistem yang kos efektifnya dengan izin, yang dapat dilaksanakan untuk kawasan ini. Maka jelaslah dengan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan, yang pertama kita sedar, oleh kerana masalah-masalah yang dibawa oleh pembangunan di kawasan itu kerana pembangunan itu ada juga membawa keuntungan dan kemajuan kepada masyarakat tetapi kerajaan juga sedar bahawa kesan pembangunan itu haruslah diatasi.

Oleh itu kementerian dan kerajaan negeri Sarawak sekarang telah mengkaji dan kita berharap dalam Rancangan Malaysia Ke-8 nanti, bekalan air yang lebih sistematik dan berkesan dapat dilaksanakan di kawasan yang disentuhkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

## Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1999 Perlu Ditangguhkan

**5.38 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Kawalan Sewa 1999 perlu ditangguhkan. Dalam perbahasan Akta Pemansuhan Kawalan Sewa 1999 …...

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kuorum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Bagan, dibangkitkan Peraturan Mesyuarat tidak ada kuorum. Sila bunyikan loceng.

**Ahli-ahli dikira kurang 26 ahli hadir.**

***Loceng dibunyikan.***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Nampaknya tidak kuorum. Hanya lima ahli sahaja. Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.40 petang.***

Julai 1999

## AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

“ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

**“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)**

**“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)**

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

“ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

**“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)**

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

**“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)**

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

“ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

“ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

“ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

“ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)

“ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

“ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

“ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

“ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

“ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

“ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

“ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)

“ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

“ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

“ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

“ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
“ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)

“ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

“ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

“ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

“ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

“ Puan Chua Soon Bui (Tawau)

“ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)

“ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)

“ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

“ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

“ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)

“ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

“ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

“ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)

“ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

“ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

“ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

“ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

“ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

“ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

“ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)

“ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)

“ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

“ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)

“ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

“ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

“ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)

“ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

“ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)

“ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

“ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

“ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

“ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

“ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

“ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

“ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

“ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

“ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)

“ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

“ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

“ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)

“ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)

“ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

“ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

“ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

“ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)

“ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)

“ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)

“ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

" Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

" Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

" Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

" Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)

" Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)

" Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)

" Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

" Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

" Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

" Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)

" Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)

" Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

" Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)

" Tuan Radin Malleh (Tenom)

" Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

**" Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)**

" Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

" Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

" Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

" Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

“ Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

“ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

“ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

“ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

“ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

“ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

“ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

“ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

## DEWAN RAKYAT

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

| | | |
|---|---|---|
| Setiausaha Dewan Rakyat | : | Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N. |
| Ketua Penolong Setiausaha | : | Zamani bin Haji Sulaiman |
| | : | Haji Mustakin bin Salamat |
| Penolong Setiausaha | : | Haji Mustafa bin Abdul Rahman |
| | : | Ruhana binti Abdullah |
| | : | Riduan bin Rahmat |

## CAWANGAN DOKUMENTASI

| | | |
|---|---|---|
| Pegawai Penerbitan | : | Azhari bin Hamzah |
| | : | Monarita binti Mohd. Hassan |
| Pelapor Perbahasan Parlimen | : | Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. |
| | : | Hajah Supiah binti Dewak |
| | : | Mohd Saleh bin Mohd. Yusop |
| | : | Mohamed bin Osman |
| | : | Hajah Norishah binti Mohd. Thani |
| | : | Shamsina binti Janor |
| | : | Ramlah binti Mohd. Yusuff |
| | : | Nora'ini binti Hetam |
| | : | Miskiah binti Hassan |
| | : | Rosnani binti Ahmad |
| | : | Noor Effarizan binti Mat Satib |
| | : | Nurziana binti Ismail |
| Pembaca Pruf | : | Abu Bakar bin Hasan |

## CAWANGAN BENTARA

| | | |
|---|---|---|
| Bentara Mesyuarat: | : | Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali |
| | : | Mejar (B) Zakaria bin Salleh |
| | : | Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah |

**MESYUARAT KEDUA**

**Jilid V** **Bil. 22** **Selasa** **13 Julai 1999**

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN:** (Ruangan 1)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT.** (Ruangan 29)

**USUL:**
Mendahulukan Bacaan Kali Kedua Rang Undang-undang (Ruangan 30)

**RANG UNDANG-UNDANG:**
Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999. (Ruangan 31)

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Buruh India Selatan (Pembubaran) 1999. (Ruangan 46)

Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999. (Ruangan 116)

**UCAPAN PENANGGUHAN:**
Bekalan Air Melalui Saluran Paip ke Kawasan Sepanjang Sungain
- *Y.B Tuan Chiew Chiu Sing* (Ruangan 142)

Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1999 Perlu Ditangguhkan.
- *Y.B. Tuan Lim Hock Seng* (Ruangan 146)